



# PERSADA

Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda

2024

**Kreativiti Pencetus Dinamika Watan**  
*Creative Ignites Watan's Dynamics*

# BUKU PROGRAM DAN ABSTRAK

**7 - 8 Jun 2024**

Anjuran:

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Abdul Rahman Ahmad Badayai  
Anis Nadiah Che Abdul Rahman  
Che Abdullah Che Ya  
Ezzatul Nadia Idris  
Faris Aiman Md Azmi  
Fazil Mohd Ali Hanafiah  
Hasrul Hashim  
Hidayu Rosli  
Junaidi Awang Besar  
Mohammad Fazlan Kamaruzaman  
Mohammad Nasrique Hamid  
Mohammad Yusof Hamzah  
Mohd Firdaus Abdullah  
Mohd Mazlan Mat Sout  
Mohd. Nor Shahizan Ali  
Muhammad Akmal Arfan Roslan  
Muhammad Nabil Najmi Razali  
Muhammad Rahimi Hassan  
Nazirah Hassan  
Noviatin Syarifuddin  
Rosli Robai  
Siti Noraini Hamzah  
Suhazlee Suatau  
Wan Robiah Meor Osman  
Wan Shahrazad Wan Sulaiman  
Winnie Kariza Bakri



# KANDUNGAN

Sekapur Sirih Dekan FSSK.....	4
Sejambak Kata Tim. Dekan Prasiswazah.....	5
Aluan Pengarah PERSADA 2024.....	6
Matlamat Persidangan.....	7
AJK Persidangan.....	8
Atur Cara Persidangan.....	10
Abstrak.....	12



# Sekapur Sireh

**PROF. DR. KADARUDDIN AIYUB**

Dekan  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bertemakan “KREATIVITI PENCETUS IDENTITI WATAN”, saya gembira dan berbesar hati kerana Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda (PERSADA) 2024 berjaya menghimpunkan pelajar-pelajar sarjana muda dalam negara bagi memperkembangkan ilmu pengetahuan dan menjalankan penyelidikan merentas disiplin berfokuskan sains sosial dan kemanusiaan. Pihak kedekanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan memberikan sokongan sepenuhnya sekaligus berasa bangga dengan penyertaan para ahli akademik tidak kira dari Universiti Kebangsaan Malaysia mahupun institusi-institusi lain yang turut serta dalam persidangan pada kali ini.

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah atas penglibatan mahasiswa-mahasiswi sarjana muda bagi menyertai PERSADA 2024. Dengan berlangsungnya persidangan ini, terdapat pelbagai penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah bersama pelajar sarjana muda dalam negara telah diangkat untuk dibahaskan pada peringkat lebih tinggi, iaitu kebangsaan seterusnya peringkat antarabangsa dan bukan lagi hanya sebagai Latihan Ilmiah semata-mata. Hal ini sekaligus berhasil mencapai aspirasi kebangsaan dalam memupuk kreativiti yang membolehkan universiti memberikan inspirasi kepada pelajar dan fakulti untuk meneroka idea-idea baru, mengambil risiko, dan mencari penyelesaian inovatif kepada cabaran dunia sebenar.

Tidak dilupakan juga, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur yang bertungkus-lumus menggembeleng tenaga untuk menjayakan Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda (PERSADA) 2024 pada kali ini.

Akhir kata, semoga dengan berlangsungnya PERSADA 2024 ini, manifestasi UKM terhadap nilai ilmu, mutu dan budi yang bersifat holistik diiktiraf oleh masyarakat dunia. Penekanan ini selaras dengan sifat watan dalam falsafah UKM yang memberikan dominasi global dalam pembinaan masyarakat terpelajar.

# Sejambak Kata

**PROF. MADYA DR.  
WAN SHAHAZAD WAN SULAIMAN**

Timbalan Dekan Prasiswazah  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurniaNya, Persidangan Sarjana Muda atau PERSADA 2024 dapat dianjurkan dengan tema tahun ini “KREATIVITI PENCETUS IDENTITI WATAN”. Saya ingin mengucapkan jutaan tahniah dan syabas kepada para peserta dan pelajar dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan khususnya dan dari fakulti atau universiti lain amnya yang mengambil peluang membentangkan hasil penyelidikan masing-masing di PERSADA 2024. Persidangan ini telah berjaya mengumpulkan kertas kerja daripada pelbagai bidang sains sosial yang dikelompokkan kepada lapan tema, iaitu Alam Sekitar dan Pembangunan, Sains, Teknologi dan Perubatan, Ekonomi dan Perniagaan, Antropologi, Sosiologi, Psikologi, Kerja Sosial dan Kesejahteraan Insan, Media dan Komunikasi, Tamadun, Sejarah, Politik, Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Sastera, Seni, Budaya dan Agama, serta Pendidikan, Bahasa dan Linguistik.

Persidangan ini ialah acara tahunan yang dianjurkan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dalam usaha untuk melahirkan penyelidik-penyelidik muda. Pelajar-pelajar dilatih untuk mempunyai kemahiran pemikiran kritikal, mengenal pasti permasalahan yang memerlukan penyelesaian dan menganalisis data empirikal seterusnya mencapai dapatan yang boleh dipercayai. Pembentangan dapatan penyelidikan dalam persidangan pula akan memberi peluang kepada pelajar untuk menyerlahkan kreativiti dan memperoleh maklum balas serta pandangan daripada penyelidik-penyelidik lain selain daripada meningkatkan keyakinan diri.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa PERSADA 2024 yang telah menyumbangkan tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan persidangan ini. Saya berharap persidangan ini dapat memperkasakan penyelidikan sarjana muda dan melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan berdaya saing dalam memacu aspirasi universiti UKM khususnya berkaitan ilmu, mutu dan budi.

Sekian.



# Kata Aluan

**PROF. MADYA DR.  
MOHD. NOR SHAHIZAN ALI**

Ketua Pengarah PERSADA 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, kali ini PERSADA 2024 berjaya dianjurkan secara hibrid. Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya mengucapkan selamat datang kepada semua para pembentang dan terima kasih atas sokongan anda terhadap PERSADA 2024.

“KREATIVITI PENCETUS IDENTITI WATAN” merupakan tema yang dipilih bagi penganjuran PERSADA 2024 kali ini bermatlamat membuka minda para peserta yang terdiri daripada pelajar prasiswazah terhadap isu global dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Sudut pandang beracuan tempatan dalam meneliti isu global seperti perubahan cuaca, keselamatan makanan, kesihatan dan kelestarian penting bagi membina jati diri watan dalam kalangan pelajar sarjana muda. Di samping itu, jawatankuasa penganjur berbangga dengan penyertaan peserta dari institusi pengajian tinggi awam selain dari UKM. Sambutan ini membuktikan peri pentingnya hasil penyelidikan dan penulisan ilmiah daripada pelajar sarjana muda dalam membina bakat mereka dalam pelbagai bidang. Selain itu, penglibatan pelajar dari pelbagai institusi dan bidang ilmu juga dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar yang sedang menyiapkan latihan ilmiah atau projek akhir. Khususnya melalui komen dan ulasan sama ada daripada ahli akademik, mahupun rakan sepengajian mereka.

PERSADA juga merupakan wadah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM dalam meningkatkan kompetensi dan menyerlahkan kreativiti para pelajar sarjana muda di luar bilik kuliah. Para pelajar menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan berdasarkan projek atau latihan ilmiah yang dilakukan dengan bimbingan penyelia. Aktiviti ini juga merupakan antara satu bentuk pembelajaran berpusatkan pelajar. Selain itu, penglibatan pelajar sarjana muda dalam persidangan ini juga dapat meningkatkan kecerdasan minda dan daya kreativiti mereka dengan wacana global yang merentas disiplin bagi memenuhi permintaan dalam sektor pekerjaan hari ini.

Akhir kata, selamat bersidang kepada semua peserta. Semoga beroleh ilmu yang bermanfaat dan dapat diaplikasikan untuk kerjaya pada masa depan. Sekalung penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa PERSADA 2024 atas komitmen yang dicurahkan. Terima kasih juga kepada pihak.

Salam Takzim.



# Mattamat PERSIDANGAN

Penganjuran PERSADA merupakan platform penting untuk pelajar saling bertukar idea dan pendapat dalam dunia penyelidikan, bukan sahaja mencambahkan ilmu tetapi mengamalkan ilmu Sains Sosial dan Kemanusiaan untuk manfaat masyarakat. Oleh sebab itu, persidangan ini menekankan tema “KREATIVITI PENCETUS IDENTITI WATAN” bagi memupuk daya saing pelajar pada peringkat global yang berpegang teguh dengan jati diri watan supaya manfaatnya dapat disumbangkan kepada fakulti, universiti dan seterusnya masyarakat. Tema ini merupakan manifestasi penekanan UKM terhadap nilai ilmu yang bersifat holistik yang diiktiraf oleh masyarakat dunia. Penekanan ini selaras dengan sifat watan dalam falsafah UKM yang memberikan dominasi global dalam pembinaan masyarakat terpelajar.

- Melahirkan mahasiswa/i yang dapat memenuhi aspirasi kebangsaan dengan memupuk sikap berdaya saing secara sihat dan bercita-cita tinggi dalam mencapai sesuatu matlamat.
- Mencungkil bakat-bakat dan idea-idea yang ada di dalam diri mahasiswa/i yang boleh diketengahkan untuk mengharumkan nama fakulti.
- Menjadikan persidangan sebagai wahana terbaik buat para mahasiswa/i melontarkan serta mempertahankan penyelidikan masing-masing berdasarkan isu yang diutarakan.
- Menjalinkan hubungan antara syarikat industri dan mahasiswa/i ke arah lebih produktif di samping bertukar pandangan mengenai isu semasa yang sedang melanda era globalisasi kini.



# Ahli JAWATANKUASA

## **PENAUNG**

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub

## **PENASIHAT**

Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman

## **PENGARAH**

Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Shahizan Ali

## **TIMBALAN PENGARAH**

Dr. Hidayu Rosli

## **SETIAUSAHA**

Dr. Noviatin Syarifuddin

## **BENDAHARI**

Dr. Anis Nadiah Che Abdul Rahman

## **ABSTRAK & KERTAS KERJA**

Dr. Junaidi Awang Besar  
Dr. Siti Noraini Hamzah  
Cik Winnie Kariza Bakri

## **JK PROGRAM & JEMPUTAN**

Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai  
Dr. Muhammad Rahimi Hassan  
Dr. Nazirah Hassan  
Pejabat Dekan FSSK

## **MULTIMEDIA**

Dr. Hasrul Hashim  
Pn. Ezzatul Nadia Idris  
En. Muhammad Akmal Arfan Roslan  
En. Kamal Amzar Ahmad Kamal  
En. Faris Aiman Md. Azmi

## **TEKNIKAL & LOGISTIK**

En. Che Abdullah Che Ya  
En. Mohd Mazlan Mat Sout  
En. Suhazlee Suatau  
En. Muhammad Nabil Najmi Razali  
En. Mohammad Nasrique Hamid  
En. Muhammad Yusof Hamzah  
En. Rosli Robai

## **PUBLISITI & PENJANAAN**

Dr. Wan Robiah Meor Osman  
En. Mohamad Fazlan Kamaruzaman

## **MAKANAN & JAMUAN**

Dr. Mohd Firdaus Abdullah  
En. Fazil Mohd Ali Hanafiah





# Ahli JAWATANKUASA PELAJAR

## **KETUA PROJEK**

Zainal Abbas Zainal Adlishah

## **TIM. KETUA PROJEK**

Aina Maisarah Iskandar

## **SETIAUSAHA**

Choo Mei Yee

## **BENDAHARI**

Putri Nursyawatul Balqis Ali Osman

## **EXCO PROGRAM DAN JEMPUTAN**

Muhammad Adib Ilham Azlan

## **EXCO PROTOKOL**

Harris Meerza Ahmad Sharul Anuar

## **EXCO LOGISTIK & TEKNIKAL**

Chen Yeong Sheng

## **EXCO MAKANAN & JAMUAN**

Siti Nur Hafizah Zani

# ATUR CARA PERSIDANGAN

## MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN 7 JUN 2024

Lokasi : Dewan Perdana FSSK

Masa	Agenda
8.00-8.30 pg	Pendaftaran Peserta
8.30-9.00 pg	Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00-9.05 pg	Aluan Pengerusi Majlis
9.05-9.15 pg	Nyanyian Lagu Negaraku dan Varsiti Kita
9.15-9.20 pg	Bacaan Doa
9.20-9.25 pg	Ucapan Alu-aluan Pengarah PERSADA 2024 <i>YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd. Nor Shahizan Ali</i>
9.25-9.35 pg	Ucapan Perasmian PERSADA 2024 <i>YBhg. Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman</i>
9.35-9.45 pg	Persembahan Pembukaan
9.45-10.00 pg	Rehat

## SESI UCAPTAMA & BICARA SANTAI 7 JUN 2024

Lokasi : Dewan Perdana FSSK

Masa	Agenda
10.00-10.05 pg	Aluan Pengerusi Majlis
10.05-10.45 pg	Sesi Ucaptama <i>YBhg. Datuk Suhaimi Sulaiman</i>
10.45-11.00 pg	Rehat
11.00-11.40 pg	Sesi Bicara Santai <i>YBrs. Ts. Raja Mukhriz R. Ahmad Kamaruddin</i>
11.40-11.50 pg	Penyampaian Cenderamata
11.50-1.00 tgh	Sesi Interaksi
1.00-2.30 ptg	Rehat

## SESI PEMBENTANGAN KERTAS KERJA 7 JUN 2024

Lokasi : Bilik Kuliah FSSK Aras 5 (Rujuk jadual sesi selari)

Masa	Agenda
2.30-4.30 ptg	<b>Sesi Selari 1</b>
4.30 ptg	Bersurai.

# ATUR CARA PERSIDANGAN

## SESI PEMBENTANGAN KERTAS KERJA 8 JUN 2024

Lokasi : Bilik Kuliah FSSK Aras 5 (Rujuk jadual sesi selari)

Masa	Agenda
9.00-10.30 pg	Sesi Selari 2
10.30-11.00 pg	Rehat
11.00-12.30 pg	Sesi Selari 3
12.30-2.00 ptg	Rehat
2.00-3.30 ptg	Sesi Selari 4

## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP 8 JUN 2024

Lokasi : Dewan Perdana FSSK

Masa	Agenda
3.30-3.45 ptg	Ketibaan Peserta
3.45-3.50 ptg	Aluan Pengerusi Majlis
3.50-4.00 ptg	Ucapan Penutup
4.00-4.30 ptg	Penyampaian Hadiah dan Sijil
4.30 ptg	Bersurai



# ABSTRAK



*Tema 1*

# ALAM SEKITAR & PEMBANGUNAN

# PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KAWASAN PETEMPATAN BANDAR DAN LUAR BANDAR: KAJIAN KES DI SRI AMAN, SARAWAK

*Nur Fatin Fasihah Farhanah Binti Arip*  
[fatinfasihahh@gmail.com](mailto:fatinfasihahh@gmail.com)

*Mohammad Tahir Mapa*  
*Christopher Injau Anak Laurence*

## ABSTRAK

Pengurusan sisa pepejal merupakan satu keperluan dalam usaha untuk melindungi alam sekitar bagi menjamin kelestarian serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Isu pembuangan sisapepejal kini dipandang serius apabila jumlah penghasilan sisa tidak menunjukkan sebarang petanda untuk berkurang, sebaliknya meningkat sepanjang tahun. Dalam pada itu, sisa jenis isirumah tidak terkecuali apabila menjadi penyumbang utama kepada penjanaan sisa. Oleh itu, mekanisme berkesan dan usaha yang berterusan diperlukan sebagai tindakan pengurangan dan pembasmian sisa pepejal. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara pendidikan dengan sikap dan amalan terhadap pengurusan sisa pepejal di Sri Aman, Sarawak dengan merujuk kepada kawasan petempatan bandar dan luar bandar iaitu Taman Gamang dan Kampung Pulau Seduku. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah digunakan dalam kajian inidengan menggunakan kaedah borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian untuk menjawab persoalan kajian. Sejumlah 200 orang responden dipilih secara rawak di dua lokasi kajian. Kebanyakan mereka yang dipilih adalah dalam kalangan ketua isi rumah sebagai sampel kajian. Hasil daripada kajian ini mendapati, pengetahuan masyarakat terhadap pengasingan barangan yang boleh dikitar semula secara keseluruhannya adalah tinggi di kedua-dua petempatan. Walau bagaimanapun, pendedahan terhadap program dan kesampaian pengetahuan tentang pengurusan sisa pepejal seperti amalan kitar semula daripada pihak Majlis Daerah masih rendah. Sehubungan dengan itu, penglibatan semua pihak terhadap amalan kitar semula perlu dipertingkatkan. Hal ini demikian kerana, walaupun pengetahuan dan amalan pengurusan sisa lestari dalam kalangan komuniti adalah tinggi namun kejayaan sesuatu program kitar semula dan pengurusan sisa pepejal akan sukar dicapai jika tiada penglibatan daripada semua pihak secara bersepadu.

**Kata Kunci:** Pengurusan sisa pepejal, sisa isi rumah pengetahuan, sikap, pengasingan sisa, kitar semula

# PERSEPSI MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP ISU BURUH ASING DARI ASPEK KESELAMATAN: KAJIAN KES DI PULAU PINANG

*Afira Shafarina Binti Mohamed Shafari  
Fatin Umaira Binti Muhamad Azian*

*Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

## ABSTRAK

Dalam meniti arus pemodenan, perkembangan dalam pembangunan amat dititikberatkan dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial, politik dan juga persekitaran. Hal ini dikatakan kerana, kepesatan ekonomi yang berlaku ini secara tidak langsung telah meningkatkan peluang pekerjaan, namun keadaan ini telah menyebabkan ramai warga asing berhijrah untuk bekerja bagi memperoleh pendapatan yang lebih lumayan. Peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara Malaysia telah menyebabkan pelbagai masalah timbul dari aspek sosial khususnya aspek keselamatan. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi rakyat tempatan terhadap isu warga asing dari aspek keselamatan serta membincangkan tindakan pihak yang terlibat dalam membanteras masalah yang berpunca daripada warga asing. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 150 orang responden yang merupakan penduduk tempatan Pulau Pinang. Hal ini dikatakan kerana, Pulau Pinang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan kajian lebih-lebih lagi apabila ia merupakan antara negeri perindustrian yang banyak menawarkan peluang pekerjaan. Bagi kajian ini, data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for The Social Sciences (SPSS). Kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa hampir keseluruhan penduduk Pulau Pinang bersetuju bahawa kemasukan warga asing secara berlebihan akan memberi kesan yang negatif kepada keselamatan rakyat. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak perlu berganding bahu dalam membantu meminimumkan masalah yang dihadapi oleh penduduk tempatan mengenai isu warga asing yang mengancam keselamatan mereka.

**Kata kunci:** keselamatan, buruh asing, persepsi, penduduk tempatan, tindakan

**ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN PROJEK THE TERRACE  
CONDOMINIUM DI LEBUH BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS, PULAU  
PINANG**

*Muhammad Zawawi*

*Farahanim*

*Nur Faridah*

*Jagen*

*Nur Irdina*

*Aiyunie Najuha*

*Ain*

*Mohamad Shahrudin Samsurijan*

*School of Social Science, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

**ABSTRAK**

Pelaksanaan projek The Terrace Condominium di Lebuah Bukit Jambul, Bayan Lepas, Pulau Pinang merupakan satu projek yang dijalankan oleh sebuah syarikat hartanah besar di Malaysia iaitu IJM Land Berhad yang telah membina kira-kira 176 projek hartanah di Malaysia. Projek perumahan adalah projek yang mendesak bagi memenuhi keperluan masyarakat. Pemaju-pemaju perumahan sering berhadapan dengan isu dan cabaran dalam menyelesaikan projek perumahan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tujuan utama kajian ini ialah untuk merungkai dan melihat dengan lebih mendalam isu dan cabaran yang dilalui oleh pemaju-pemaju perumahan yang menjalankan projek The Terrace Condominium ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berpandukan kepada teknik persampelan bertujuan yang dijalankan ke atas 3 orang responden. Jangkaan hasil daripada kajian ini ialah terdapat beberapa isu dan cabaran yang dilalui oleh pemaju dalam melaksanakan projek ini. Sebagai contoh, kos, peraturan pihak berkuasa tempatan, persekitaran, karenah birokrasi, dan sebagainya. Hasil dapatan kajian ini akan turut membantu pihak berkepentingan bagi melihat isu dan cabaran yang dilalui oleh pemaju-pemaju perumahan dalam menyempurnakan projek perumahan.

**Kata Kunci:** The Terrace Condominium, isu dan cabaran, pemaju perumahan



## **ISU DAN CABARAN PROJEK PULAU SILIKON, PULAU PINANG**

*Hasbullah Mohd Razi  
Noraisya Mohd Ghazali  
Nursyafiqah Alia Saifulanuar  
Mashitoh Mohd Norizan  
Nur Aida Paizol  
Muhammad Afiq Danial Mahadi  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

### **ABSTRAK**

Pengurusan projek yang dinamik dalam industri memberikan cabaran yang sangat besar kerana melibatkan banyak penyertaan sama ada daripada individu mahupun organisasi. Isu dan cabaran di dalam mengendalikan sesebuah projek ini boleh dielakkan jika pemaju melaksanakan pengurusan mengikut pelan perancangan yang betul meliputi segala aspek dalam perancangan projek. Projek Pulau Silikon, Pulau Pinang ini merupakan salah satu projek mega yang dilakukan oleh kerajaan Pulau Pinang yang dilihat akan memberi limpahan yang baik kepada komuniti yang ada di kawasan tersebut. Projek yang dilaksanakan oleh pemaju SRS Consortium Sdn. Bhd. dan Silicon Island Development Sdn. Bhd. ini bakal menempatkan zon perindustrian bebas yang memiliki teknologi tinggi dan dilengkapi taman teknologi hijau pintar sekali gus akan menarik pelabur syarikat teknologi tinggi dari serata dunia. Terdapat permasalahan yang terpaksa dilalui dalam operasi melaksanakan projek ini sehingga menyebabkan kelewatan penyiapan projek tersebut. Tujuan utama kajian ini untuk merungkai isu dan cabaran yang dilalui oleh syarikat pemaju yang terlibat secara langsung dalam proses pernambakan dan pembinaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 5 orang responden ditemubual dalam kajian ini. Jangkaan hasil daripada kajian ini akan menterjemahkan serta merungkai isu-isu persekitaran, penerimaan masyarakat awam, kepatuhan atau peraturan, ketepatan dan lain-lain. Isu-isu yang dibincangkan ini akan menjadi input penting kepada pihak PBT dan juga pihak pemaju jika mereka melaksanakan projek seperti ini pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Pengurusan, Perancangan, Kelewatan, Pulau Silikon

## **ISU DAN CABARAN PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN QUARTERS HOSPITAL PULAU PINANG**

*Muhammad Eidzuan*

*Zaminudin*

*Mohammad Azim*

*Veralin Vee*

*Nur Qamarina*

*Dayana*

*Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

### **ABSTRAK**

Pembinaan infrastruktur asas merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara. Projek pembinaan bangunan quarters hospital Pulau Pinang adalah salah satu projek Pembangunan perumahan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengurusan projek pembinaan bangunan quarters ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) bahagian Pulau Pinang. Matlamat utama projek pembinaan ini dilaksanakan adalah untuk menyediakan tempat tinggal khusus kepada kakitangan kesihatan hospital Pulau Pinang. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan projek iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang semasa melaksanakan proses pembinaan infrastruktur bangunan quarters ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual melibatkan 3 orang informan daripada bahagian Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang. Jangkaan daripada hasil kajian ini akan menghuraikan isu-isu yang timbul serta cabaran yang dilalui oleh pihak (JKR) dalam konteks pengurusan projek dan prosedur kerja pembinaan. Sebagai contoh, dari segi pengurusan kos, karenah buruh, perubahan iklim, karenah birokrasi antara jabatan dan sebagainya. Sumbangan daripada projek ini akan membantu dalam aspek menganalisis keberkesanan pengurusan dan kualiti projek pembinaan bagi pihak pengurusan projek di masa akan datang.

**Kata Kunci :** Projek pembinaan bangunan ; Pengurusan ; Quarters hospital

## **IMPAK PEMBANGUNAN PUSAT BELIA KEPADA BELIA SETEMPAT DI BALIK PULAU, PULAU PINANG**

*Muhammad Aliff Aqharni Yuzaidi,  
Muhammad Hafiz Mohd Sukkeri  
Muhammad Adib Akmal Mohd Rosdy  
Wan Nur Amaleen Shazwani Wan Buhari  
Nur Aleeya Natasha Abdullah  
Nurul Aisyah Mohd Noor  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*School of Social Sciences, University Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

### **ABSTRAK**

Projek pusat belia adalah salah satu inisiatif untuk menyediakan kemudahan dan program bagi membantu pembangunan belia. Pusat belia ini bertujuan untuk membekalkan satu ruang kepada komuniti belia setempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dan bermanfaat kepada golongan belia dan masyarakat. Kajian ini menerangkan impak projek pusat belia yang dirancang oleh MKK Belia dan Sukan serta Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC). Lokasi kajian ini berfokus di Pusat Belia Balik Pulau. Persatuan Belia menerusi kajian ini memainkan peranan penting dalam mencorak gaya hidup atau sosialisasi belia di sesuatu kawasan pusat belia di bawah Majlis Belia Negara. Persatuan Pusat Belia juga mewujudkan pusat-pusat belia bagi kawasan yang penting khususnya di kawasan luar bandar contohnya di Balik Pulau. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah projek ini memberi impak atau sumbangan yang positif dalam membentuk gaya hidup atau sosialisasi kepada golongan belia dan komuniti yang baik di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan seramai 5 orang belia yang telah ditemu bual. Jangkaan hasil dalam projek ini akan mendedahkan sumbangan penting pusat ini kepada belia dari segi peluang pekerjaan dan kemahiran. Hasil kajian yang diperoleh diharapkan memberi input yang penting khususnya kepada pejabat Belia dan Sukan di Negeri Pulau Pinang untuk merangka program-program yang lebih berkesan demi membangunkan komuniti di kawasan Balik Pulau.

**Kata kunci:** Pembangunan Luar Bandar, Pusat Belia, Belia, Komuniti Setempat

# MANFAAT PROJEK PEMBINAAN TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) DI PULAU PINANG

*Muhamad Safarul Naim Mat Saad  
Muhammad Zafran Roslan  
Nur Fadzlin Najwa Mohd Noor  
Loshini Ragu  
Muhammad Alif Faiq Mohammad Hisham  
Nur Shafiqah Azman  
Heni Izma Md Fuad  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM  
Pulau Pinang*

## ABSTRAK

Projek pembangunan pengangkutan awam adalah satu projek yang amat diperlukan oleh masyarakat di Malaysia termasuklah penduduk di negeri Pulau Pinang. Perkara ini merupakan isu yang sering dibangkitkan oleh penduduk tempatan kerana Pulau Pinang selalu berhadapan dengan masalah kesesakan lalu lintas yang serius disebabkan oleh populasi penduduk di Pulau Pinang yang semakin meningkat. Kajian ini melihat sejauh mana perancangan kerajaan negeri dalam melaksanakan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) benar-benar memberi manfaat kepada penduduk di sekitar Pulau Pinang khususnya terhadap dua kelompok penduduk iaitu yang menetap di luar pulau dan penduduk yang menetap di dalam pulau. Matlamat utama adalah untuk merungkai manfaat projek ini apabila ia dilaksanakan pada masa hadapan kepada dua kelompok penduduk tersebut. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah secara kualitatif iaitu temu bual bersama 10 informan yang terdiri daripada dua kelompok sasaran iaitu penduduk yang menetap di luar pulau dan juga penduduk yang menetap di dalam pulau. Hasil kajian ini dijangkakan akan memberi pendedahan terhadap manfaat projek tersebut dalam konteks peluang pekerjaan, akses kepada komuniti, anggaran kos dan kemudahan yang bakal ditanggung oleh pengguna berbanding dengan menggunakan pengangkutan awam atau kenderaan yang lain. Projek LRT ini juga bakal merungkai pandangan dan penerimaan daripada masyarakat khususnya komuniti-komuniti nelayan yang terdapat di sekitar kawasan pembangunan LRT di Pulau Pinang.

**Kata Kunci:** projek pembangunan pengangkutan awam, transit aliran ringan, komuniti, kerajaan negeri, kualitatif, manfaat

## **ISU DAN CABARAN PROJEK KOMUNITI KOMPLEKS PERDA FOOD PARK, BANDAR PERDA, PULAU PINANG.**

*Muhammad Azim Ismail  
Muhammad Amirul Afiq Basri  
Muhammad Azfaruddin Tajuddin  
Umie Nadhirah Abdul Ghani, Rishikumaren Peryathambi  
Israaf Umar Ismail  
Mohamad Shahrudin Samsurijan*

*School of Social Science, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

*Emel koresponding: [azimarmeal@usm.student.my](mailto:azimarmeal@usm.student.my), [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)*

### **ABSTRAK**

Kompleks Perda Food Park merupakan satu inisiatif kerajaan negeri melalui Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA) dalam meningkatkan pemprosesan makanan berasaskan hasil pertanian di Pulau Pinang. Pada masa ini, 28 unit bangunan kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Kompleks Perda Food Park telah dibangunkan oleh PERDA untuk disewakan kepada penduduk setempat. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk merungkai isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi yang terlibat dalam membangunkan Kompleks Perda Food Park ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berpandukan kepada teknik temubual yang akan melibatkan 3 orang informan terdiri dari agensi yang terlibat dalam penubuhan Kompleks Perda Food Park ini. Jangkaan hasil daripada kajian ini ialah terdapat beberapa isu dan cabaran yang dilalui oleh agensi-agensi ini dalam penubuhan Kompleks Perda Food Park ini. Misalnya, dari segi pematuhan peraturan kerajaan keselamatan bangunan dan lokasi bangunan dan isu kebersihan. Hasil dapatan kajian ini juga akan membantu pihak berkepentingan bagi melihat isu dan cabaran yang dilalui oleh agensi-agensi yang terlibat dalam penubuhan Kompleks Perda Food Park ini.

**Kata Kunci:** Kompleks Perda Food Park, PERDA, agensi

**ISU DAN CABARAN PENUBUHAN MURTADHA DAKWAH CENTER  
(MADAD) DI KAMPUNG TELOK, SUNGAI PETANI, KEDAH**

*Tua Yong Jun  
Fatima Zahraa Ismail  
Liyana Zainal Rashid  
Wong Wen Cong  
Loshini Ragu  
Solomon Lee Ngan Hong  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

*Emel koresponding: [fatimazahraa9713@gmail.com](mailto:fatimazahraa9713@gmail.com), [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)*

**ABSTRAK**

Murtadha Dakwah Center (MADAD) merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam membantu komuniti mendapatkan kesejahteraan dan kualiti hidup yang baik. MADAD juga merupakan pusat pembangunan dan pendidikan ummah yang menjalankan aktiviti gaya hidup Islam dengan pengetahuan terkini dan inovatif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk merungkai isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak atau agensi yang terlibat sepanjang proses penubuhan MADAD. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berpandukan kepada teknik persampelan bertujuan serta melibatkan 3 orang informan daripada pengurusan tertinggi MADAD. Hasil kajian dijangkakan dapat menterjemahkan serta merungkai isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan MADAD seperti kekangan kewangan, sumber manusia, penggunaan tanah dan sebagainya. Hasil dapatan kajian ini akan turut membantu pelabur dan pemaju yang berminat untuk menyumbang atau melaksanakan projek seperti ini pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Perkhidmatan, komuniti, kesejahteraan, Pendidikan

## **MANFAAT PEMBINAAN PROJEK EAST COAST RAIL LINK (ECRL) TERHADAP PENDUDUK DI PASIR PUTEH**

*Umie Nadhirah Abdul Ghani  
Muhamad Aris Ikmal Mohd Nasir  
Israf Umar Ismail  
Nurhazwani Hazlin Zali  
Nur Anis Adibah Abd Wahab,  
Nursyaielsa Mohd Asri  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM  
Pulau Pinang*

*Emel koresponding: [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my), [umienadhirah@student.usm.my](mailto:umienadhirah@student.usm.my)*

### **ABSTRAK**

Pelaksanaan Projek East Coast Rail Link (ECRL) merupakan inisiatif kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi yang bakal membawa pelbagai limpahan manfaat kepada kepada negara. Projek ECRL ini telah mula dijalankan pada tahun 2017 yang melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dengan Pantai Barat iaitu Selangor. Kajian ini akan memfokuskan salah satu stesen ECRL iaitu stesen Pasir Puteh dan kajian ini bertujuan untuk menganalisis manfaat ECRL yang dapat diperoleh penduduk tempatan di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan temu bual bersama enam orang penduduk tempatan. Jangkaan hasil kajian ini adalah untuk menggariskan secara terperinci manfaat yang dapat dinikmati penduduk Pasir Puteh dari segi peluang pekerjaan, peningkatan ekonomi, peningkatan infrastruktur dan lain-lain lagi. Input daripada hasil pembinaan ini juga memberi manfaat kepada pihak berkepentingan untuk meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam menjadi lebih baik pada masa akan datang. Pelaburan kerajaan dalam menaik taraf infrastruktur awam akan meningkatkan aksesibiliti penduduk luar bandar dengan bandar utama serta mempercepatkan pergerakan dan membawa impak positif dalam jangka panjang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat.

**Kata Kunci:** penambahbaikan, menaik taraf, pengangkutan awam, kerajaan

# **IMPAK PERKHIDMATAN BAS RAPID PENANG LALUAN PERCUBAAN T310 KEPADA MOBILITI PELAJAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

*Siti Safya Omar Mohd Azam  
Siti Azlina Mohamad  
Nur Yasmin Batrisyia Abd Muiz  
Muhammad Ammar Aiman Noor Azman  
Jonathan Anak Umai  
Muhamad Hafis Che Wan Naman  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM  
Pulau Pinang*

*Emel koresponding: [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my), [safyaomar@student.usm.my](mailto:safyaomar@student.usm.my)*

## **ABSTRAK**

Syarikat pengangkutan awam seperti Rapid Penang sangat penting dalam memenuhi keperluan mobiliti masyarakat di Pulau Pinang yang padat. Pelancaran laluan percubaan bas Rapid Penang T310 pada 1 Mei 2024 yang lalu telah menghubungkan tiga laluan tumpuan pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu kampus USM, kawasan Bukit Jambul dan Queensbay Mall. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak perkhidmatan bas Rapid Penang Laluan Percubaan T310 kepada mobiliti pelajar USM. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan melalui Google Form kepada 100 orang responden yang merupakan pelajar Universiti Sains Malaysia. Jangkaan hasil kajian ini bakal menjelaskan impak dari segi memenuhi keperluan mobiliti pelajar di dalam kampus dan di luar kampus, kadar peningkatan mobiliti, penjimatan kos perjalanan dan tahap ketersambungan pelajar yang tinggal di luar kampus USM dengan kampus USM. Oleh yang sedemikian, hasil kajian yang diperoleh diharapkan dapat memberi input dan data penting kepada pihak pengurusan USM dan syarikat Rapid Penang dalam membuat perancangan masa depan tentang penggunaan laluan ini khususnya dalam memenuhi keperluan mobiliti pelajar USM.

**Kata kunci:** Rapid Penang, pelajar USM, bas, mobility



## PROJEK PUSAT PENGAJIAN SENI USM BERSAMA KOMUNITI PULAU AMAN; ISU DAN CABARAN

*Amera Khalid Shah  
Nur Afifi Asyira Shambeda  
Nurshafiqah Natasha Zaili,  
Muhamad Khairul Amirullah  
Mohamad Khairil Ramdani Mohd Sattar  
Muhammad Fajri Mohd Yusof  
Mohamad Shaharudin Samsurijan*

*1School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

*Emel koresponding: [khairul Amirullah01@student.usm.my](mailto:khairul Amirullah01@student.usm.my), [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)*

### ABSTRAK

Pembelajaran luar daripada dewan kuliah banyak membantu pelajar dalam mempertingkatkan kompetensi dalam diri. Aktiviti yang mendekati diri bersama masyarakat menjadikan pelbagai kebolehan boleh dicapai selain dapat mengaplikasikan segala pembelajaran yang diperolehi di dalam kelas. Pusat Pengajian Seni USM merupakan sebuah pusat pengajian yang komited dalam menjalankan projek yang mendekati dan bermuafakat bersama penduduk Pulau Aman. Usaha ini dijalankan bagi meningkatkan keindahan kawasan setempat untuk menaiktaraf kawasan kampung yang terdapat di pulau kecil tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan mengkaji cabaran selama projek komuniti di Pulau Aman ini dijalankan. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 3 orang responden ditemubual dalam kajian ini. Jangkaan hasil kajian ini mendapati pelajar tidak dapat diketepikan dalam pembangunan komuniti kerana mereka merupakan entiti yang boleh menyumbang secara signifikan kepada keluarga dan masyarakat dalam pelbagai aspek dan bidang. Terdapat beberapa cabaran telah dihadapi dalam menjayakan projek ini seperti kekangan kewangan, kekangan masa dan penglibatan masyarakat setempat. Projek komuniti ini boleh dijadikan contoh oleh pelajar dan pusat pengajian lain dalam meningkatkan nilai kebajikan dan kebersamaan dalam diri mereka. Projek komuniti sebegini juga perlulah dijalankan dengan lebih kerap oleh semua universiti yang ada di Malaysia.

**Kata kunci:** pelajar, komuniti, pusat pengajian seni

# **KEBERKESANAN MODUL PEMERIKSAAN SENDIRI PAYUDARA (PSP) YANG BARU DIBANGUNKAN TERHADAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN DALAM KALANGAN WANITA CACAT PENGLIHATAN**

*Farhah binti Ahmad Hashim*  
[a184314@siswa.ukm.edu.my](mailto:a184314@siswa.ukm.edu.my)

*Dr Norhashimah Mohd Norsuddin*  
[norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my](mailto:norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my)

*Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Kanser payudara adalah sejenis kanser yang paling lazim yang menjejaskan kira-kira satu daripada 19 wanita di Malaysia, termasuk mereka yang kelainan upaya penglihatan. Pemeriksaan Sendiri Payudara (PSP) adalah kaedah yang paling mudah dan murah bagi memantau kesihatan payudara. Malangnya, hanya sebilangan kecil wanita yang konsisten mengamalkan PSP secara berkala disebabkan kurangnya kesedaran mengenai pemeriksaan payudara. Selain itu, kekurangan sumber pendidikan juga merupakan faktor yang mendorong kepada amalan PSP yang lemah terutamanya kepada individu-individu kelainan upaya. Mengambil kira kekangan yang dialami oleh wanita kelainan upaya penglihatan, PSP harus disebarikan secara berbeza daripada kaedah yang diberikan kepada individu normal. Latihan dan pendekatan yang ditujukan khas untuk kumpulan istimewa ini harus dilaksanakan dalam penyebaran maklumat mengenai kanser payudara dan PSP. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan modul yang baru dibangunkan terhadap tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan wanita kelainan upaya penglihatan. Satu set soal selidik mengenai pengetahuan, sikap dan amalan akan diedarkan kepada responden sebelum dan selepas penganugerahan modul. Kajian ini akan diadakan di Persatuan Orang Buta Malaysia, Kuala Lumpur. Data yang diperolehi akan dianalisis untuk menentukan keberkesanan modul terhadap wanita kelainan upaya penglihatan. Hasil yang diharapkan daripada kajian ini adalah untuk melihat peningkatan pengetahuan, sikap, dan amalan PSP dalam kalangan wanita cacat penglihatan melalui modul yang baru dibangunkan ini. Diharapkan, pengenalan modul PSP khusus untuk wanita kelainan upaya penglihatan akan meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap kanser payudara dan PSP mereka. Oleh itu, rawatan perubatan segera boleh diberikan sekaligus meningkatkan kualiti hidup.

**Kata kunci:** kelainan upaya penglihatan, pemeriksaan sendiri payudara, PSP, kanser payudara, KAP



*Tema 2*

**ANTROPOLOGI,  
SOSIOLOGI,  
PSIKOLOGI  
& KERJA SOSIAL**

# KESAN TRAUMA ZAMAN KANAK-KANAK TERHADAP KESEJAHTERAAN MENTAL KANAK-KANAK DAN TINGKAH LAKU DEWASA: LENSEA PROFESIONAL DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

*Asma Amalia Azman*

*Hilwa Abdullah @ Mohd Nor*

*[hilwa@ukm.edu.my](mailto:hilwa@ukm.edu.my)*

*Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Trauma zaman kanak-kanak berlaku lebih kerap daripada yang difikirkan. Lebih daripada dua pertiga kanak-kanak melaporkan sekurang-kurangnya satu peristiwa traumatik menjelang umur 16 tahun termasuklah pengabaian, penderaan psikologi, fizikal, seksual, bencana dan sebagainya. Trauma zaman kanak-kanak dipercayai memberi kesan bukan sahaja terhadap kesejahteraan mental kanak-kanak malahan terhadap tingkah laku mereka apabila dewasa. Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui jenis trauma yang dihadapi oleh kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan trauma zaman kanak-kanak terhadap kesejahteraan mental kanak-kanak dan tingkah laku dewasa dari perspektif lima pakar klinikal dan profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian kualitatif berbentuk temu bual secara mendalam dijalankan di UKM secara bersemuka dan dalam talian dengan mengemukakan soalan-soalan separa berstruktur. Kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Responden terdiri daripada golongan profesional yang pakar dan bekerja dalam bidang yang melibatkan trauma semasa zaman kanak-kanak dari UKM. Data transkripsi dianalisis secara manual menggunakan analisis tematik. Berdasarkan kajian lepas, jenis trauma yang dihadapi kanak-kanak ialah trauma fizikal, emosi dan seksual. Kanak-kanak yang menghadapi trauma cenderung mengalami trauma (PTSD), kemurungan dan kebimbangan. Hasil kajian menjangkakan tingkah laku yang ditunjukkan oleh dewasa yang pernah mengalami trauma semasa zaman kanak-kanak ialah keyakinan diri yang rendah, mengasingkan diri serta terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Penemuan kajian dijangka dapat menunjukkan gambaran sebenar isu trauma zaman kanak-kanak di Malaysia dari lensa profesional bagi menyumbang terhadap kesedaran masyarakat.

**Kata kunci:** kesan, trauma zaman kanak-kanak, kesejahteraan mental kanak-kanak, tingkah laku dewasa, profesional

# HUBUNGAN ANTARA KETERLIBATAN MUZIK K-POP, STRATEGI DAYA TINDAK DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGIKAL DALAM KALANGAN PEMINAT

*Nurul Azrina Binti Abdul Halim  
Daniella Mokhtar*

## ABSTRAK

Muzik sering terlibat dalam aktiviti seharian dan kajian mendapati ia boleh memberi manfaat kepada kesihatan dan kesejahteraan menyeluruh. Strategi daya tindak sebagai tindak balas terhadap tekanan juga didapati membantu meningkatkan kesejahteraan psikologikal namun kajian dalam kalangan peminat muzik K-pop adalah terhad. Kajian ini mengkaji hubungan antara keterlibatan muzik K-pop, strategi daya tindak dan kesejahteraan psikologikal dalam kalangan peminat genre itu. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik Keterlibatan Muzik (MUSEQ), Brief COPE dan Skala Kesejahteraan Psikologikal (PWB-18) dan diedarkan melalui Google Form di media sosial bertumpukan peminat K-pop. Data yang didapati dianalisis menggunakan SPSS secara deskriptif, ujian T, ANOVA dan korelasi Pearson. Analisis kajian yang dijalankan ke atas 422 responden mendapati hipotesis awal kajian ditolak di mana tiada hubungan signifikan antara keterlibatan muzik dan strategi daya tindak dengan kesejahteraan psikologikal. Ini menunjukkan terdapat faktor lain yang mempengaruhi kesejahteraan psikologikal dalam kalangan peminat K-pop. Kajian masa depan boleh meneroka pembolehubah tambahan untuk mendapatkan pemahaman menyeluruh tentang faktor-faktor yang membentuk kesejahteraan psikologikal dalam kalangan peminat K-pop.

**Kata Kunci:** keterlibatan muzik, kesejahteraan psikologikal, peminat K-Pop

# KEUTAMAAN KERJAYA DAN PILIHAN PERKAHWINAN: PERSEPSI WANITA TERHADAP TREND KAHWIN TERTANGGUH DI MALAYSIA

*Nurfarzana Binti Md Rais*

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Psikologi (PsiTra)*

## ABSTRAK

Kajian ini menyelidiki trend perkahwinan tertangguh yang semakin meningkat dalam kalangan wanita di Malaysia, dengan tumpuan kepada persepsi dan proses mereka membuat Keputusan mengenai keutamaan kerjaya dan pengaturan perkahwinan. Ia merapatkan jurang pengetahuan tentang cabaran dan peluang yang dihadapi wanita semasa mereka mengharungi persimpangan pencapaian pendidikan, matlamat kerjaya dan jangkaan perkahwinan. Matlamat kajian adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi trend perkahwinan yang semakin meningkat dalam kalangan wanita yang berorientasikan kerjaya, dengan mengambil kira jangkaan masyarakat dan budaya yang membentuk persepsi mereka merentas kumpulan demografi yang berbeza. Melalui analisis kualitatif, kajian ini berusaha untuk merungkai kerumitan yang menyelubungi keputusan wanita yang bekerjaya dan berpendidikan dalam menangguhkan perkahwinan dan memberi penerangan tentang perubahan masyarakat yang lebih luas. Tambahan pula, kajian ini bertujuan untuk merapatkan jurang pengetahuan antara wacana ilmiah dan perbincangan popular di media tentang 'bujang' dengan memberikan pemahaman menyeluruh tentang cabaran dan pengalaman yang dihadapi wanita bujang di Malaysia.

**Kata Kunci:** wanita di malaysia, perkahwinan tertangguh, keutamaan kerjaya, persepsi

# THE PERCEPTION OF INFIDELITY AND EXPERIENCE OF VICTIMS ON THE RELATIONSHIP WITH MENTAL HEALTH

*Noorsuffiah Binti Isnaini*

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan (Psitra)*

## ABSTRACT

The main issue is focusing on relationships and marital infidelity, as well as the possible detrimental mental and emotional impacts on victims. The purpose of this study is to investigate the relationship between mental health outcomes such as stress, anxiety, and depression, as well as demographic characteristics, views on infidelity, and the emotional reactions to detection of infidelity. Infidelity is often defined as any kind of covert emotional, sexual, or romantic behaviour that goes against the definition of exclusivity that romantic relationships possess. The objective of the current study is to investigate how victims of infidelity perceive and experience their past experiences and how these factors relate to their mental health using the Attitudes Toward Infidelity Scale (ATIS), the Infidelity Discovery Reaction Scale (IDRS), and the Depression, Anxiety and Stress Scale - 21 Item (DASS-21) data collection. This study is using an observational study design including cross-sectional study design and convenience sampling technique. Next, this study is using a descriptive analysis to analyze the perception of infidels, conducting a descriptive cross-tabulation analysis on demographic characteristics and to determine whether women or men are more likely to be victims of infidels using a Ttest. Furthermore, using correlations, this study analyzes the relationship between the experience of being cheated on and mental health.

**Keywords** : relationships, affairs, emotional effects, reactions to cheating, mental health

# THE IMPACT OF EMOTIONAL ABUSE ON MENTAL HEALTH

*Noor Balqis Syuhada Binti Mohd Bakhri*

*Faculty of Social Sciences and Humanities  
National University of Malaysia*

## ABSTRACT

Emotional abuse, often overshadowed by more visible forms of abuse, profoundly affects individuals' mental well-being. This research, titled 'The Impact of Emotional Abuse on Mental Health,' investigates its influence on individuals aged 18 and above in Malaysia. Employing a quantitative approach, the study utilizes an Emotional Abuse Questionnaire to evaluate various expressions, including verbal abuse, emotional rejection, overcontrol, inadequate control, over expectation, and terrorizing. Concurrently, mental health is assessed through the Dass21 questionnaire, measuring depression, anxiety, and stress levels. The investigation aims to unravel the intricate effects of emotional abuse, examining gender differences and their correlation with mental health outcomes. Conducted across diverse Malaysian locations, the study ensures understanding through elements like informed consent and prioritizing participant well-being. By employing reliable tools, this research provides insights into how emotional abuse impacts Malaysians' mental well-being, illuminating its complex connection with mental health while emphasizing ethical research practices.

**Keywords:** emotional abuse, gender differences, depression, anxiety, stress



# HUBUNGAN DI ANTARA KECELARUAN PERMAINAN INTERNET, KEBIMBANGAN DAN TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

*Nurul Izzati Saldi*  
*Hilwa Abdullah @ Mohd Nor*  
[hilwa@ukm.edu.my](mailto:hilwa@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kecelaruan permainan internet atau Internet Gaming Disorder telah diklasifikasikan oleh World Health Organization (2018) sebagai salah satu penyakit mental. Permainan video atau game ini memberi impak positif sekiranya dimanfaatkan dengan baik untuk hiburan Adams (2013) yang mana segala rasa penat dan stres dapat dikurangkan dengan bermain permainan video. Pelbagai golongan masyarakat di seluruh dunia bermain permainan video di atas talian dan menjadikan ia semakin meluas. Di media sosial dan media massa, isu penglibatan golongan dewasa awal dalam masalah kecenderungan permainan secara dalam talian semakin hangat diperkatakan. Di media sosial seperti X, Tiktok dan Instagram sering mengutarakan rencana mengenai pelbagai permainan video internet seperti 'Mobile Legends', 'Valorant', 'Roblox', 'Rainbow Six Siege' dan 'Grand Theft Auto' yang semakin menjadi kegilaan dewasa awal di Malaysia khususnya. Kita juga boleh lihat golongan dewasa awal di restoran yang bermain permainan internet bersama rakan mereka dan golongan mahasiswa yang tidak menyiapkan kerja mereka kerana leka bermain permainan internet sehingga mempengaruhi kehidupan seharian mereka tanpa disedari. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk soal selidik dijalankan di Google Form dan disebar di platform media sosial. Kaedah pensempelan yang digunakan adalah pensempelan rawak. Responden terdiri daripada mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Product and Service Solutions). Justeru itu, kajian ini akan menggunakan satu set soal selidik piawai iaitu soal selidik Skala Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan 21 (DASS-21) (Lovibond & Lovibond 1995), Ujian Kecelaruan Permainan Internet (IGD-20) (Pontes et al. 1992), dan soal selidik Agresion Questionnaire (AGQ) (Buss & Perry 1992). Berdasarkan kajian lepas, terdapat hubungan di antara kecelaruan permainan internet, kebingungan dan tingkah laku agresif. Pemain yang didiagnos dengan kecelaruan permainan internet juga mempunyai kesan terhadap kesihatan fizikal dan mental mereka. Hasil kajian menjangkakan tingkah laku yang ditunjukkan pemain yang mempunyai kecelaruan permainan internet ialah pengasingan diri, mengalami kebingungan serta terlibat dengan penipuan. Penemuan kajian dijangka dapat menunjukkan tahap hubungan di antara kecelaruan permainan internet, kebingungan dan tingkah laku agresif di kalangan mahasiswa dan diharapkan dapat menyumbang dalam kajian selanjutnya mengenai kecelaruan permainan internet.

**Kata kunci:** hubungan, kecelaruan permainan internet, kebingungan, tingkah laku agresif, mahasiswa

# STRATEGI DAYA TINDAK KELUARGA KOMUTER DALAM MENGIMBANGI KOMITMEN DAN KESANNYA TERHADAP HUBUNGAN KEKELUARGAAN

*Nurul Izzah Asmori*  
[a179440@siswa.ukm.edu.my](mailto:a179440@siswa.ukm.edu.my)

*Azlina Abdullah*

*Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Keputusan untuk keluar daripada norma kehidupan keluarga tradisional bukanlah sesuatu yang mudah, namun kesepakatan yang dicapai keluarga komuter pasti telah menitikberatkan pro dan kontra tinggal berasingan. Ahli keluarga yang berulang-alik akan bergelut dengan tugas untuk mengimbangi komitmen dalam kerjaya dengan tanggungjawab dan peranan dalam keluarga. Hal ini juga dapat memberikan pelbagai jenis kesan kepada hubungan kekeluargaan. Objektif kajian ini adalah meneroka pengalaman kehidupan dan cabaran yang dihadapi dalam keluarga komuter, mengenal pasti strategi daya tindak pasangan dwi-kerjaya dalam keluarga komuter, dan menganalisis strategi daya tindak terhadap hubungan kekeluargaan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan fokus kepada kajian kes. Kaedah pengumpulan data merangkumi kajian kepustakaan dan temu bual tidak berstruktur, serta kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan. Data dari temu bual dihuraikan menggunakan kaedah tematik iaitu disusun mengikut tema-tema yang tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan dan kehadiran fizikal terbatas merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh pasangan komuter. Penjadualan yang bijak dan komunikasi terbuka diaplikasikan sebagai strategi daya tindak pasangan dwi-kerja. Strategi yang digunakan untuk menjaga hubungan kekeluargaan dalam keluarga komuter telah membawa kepada kualiti masa bersama, saling menyokong dan memahami, komitmen aktif, serta kemampuan mengatasi konflik. Kajian ini memberikan pandangan mendalam mengenai dinamik keluarga komuter dan menyumbang kepada pemahaman tentang strategi daya tindak yang berkesan dalam menghadapi cabaran kehidupan dwi-kerja. Implikasi hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk pembangunan program sokongan keluarga serta peningkatan kualiti kehidupan keluarga komuter.

**Kata kunci:** keluarga komuter, komitmen, strategi daya tindak, dwi-kerjaya, hubungan kekeluargaan

# **MENEROKA FAKTOR KEPUASAN BEKERJA DALAM KALANGAN PENSYARAH**

*Siti Nur Salsabila Royhan Abdullah*

*Khadijah Alavi*  
[khadijah@ukm.edu.my](mailto:khadijah@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor*

## **ABSTRAK**

Kepuasan bekerja memastikan kualiti sesuatu perkhidmatan dalam kalangan profesion ahli akademik. Skop tugas berfokuskan kepada pembelajaran, penerbitan, pengajaran, memberi khidmat kepada masyarakat dan juga perunding. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kepuasan bekerja dalam kalangan pensyarah. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka cabaran kepuasan bekerja dalam kalangan pensyarah lelaki dan perempuan, mengkaji strategi daya tindak dan juga cadangan program intervensi. Cabaran kepada pensyarah dalam meletakkan KPI sebagai tanggungjawab yang utama berbanding pengajaran dan pembelajaran. Tahap penerimaan KPI pensyarah juga berada pada tahap sederhana. Aspek kemudahan pula masih lagi tidak mencapai tahap yang tinggi. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual separa berstruktur secara bertulis dan menggunakan pendekatan fenomenologi. Lokasi kajian ini dijalankan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi Selangor. Strategi daya tindak yang bersesuaian boleh digunakan bagi mengurangkan beban kerja, dalam kalangan pensyarah. Cadangan program intervensi dilakukan bagi melihat program dan aktiviti yang boleh dilakukan yang dapat memberikan kepuasan bekerja dalam kalangan pensyarah di tempat kerja. Beberapa cadangan perlu diambil kira iaitu ke pada peringkat awal sesi conference tanpa membuat perbentangan malahan melihat dan mencari jaringan sosial dan juga memperbanyakkan lagi program yang berbentuk kemasyarakatan yang boleh memberi kepuasan bekerja dan memberi kebahagiaan kepada pensyarah.

**Kata kunci:** Kebahagiaan, pensyarah, strategi daya tindak, FSSK

# KETERLIBATAN PELAJAR B40 MENERIMA SOKONGAN DAN BANTUAN SEDIA ADA DI FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UKM

*Nur Lailatul Qadrina Norfaizan*

*Khadijah Alavi*

[khadijah@ukm.edu.my](mailto:khadijah@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor*

[khadijah@ukm.edu.my](mailto:khadijah@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan merupakan antara fakulti tertinggi yang mempunyai bilangan pelajar daripada keluarga B40. Namun, penglibatan pelajar dalam menerima sokongan yang disediakan ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji profil demografi golongan B40 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, mengkaji sokongan yang sedia ada kepada pelajar golongan B40 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, meneroka faktor untuk pelajar B40 menerima sokongan yang disediakan dan mencadangkan program penjanaaan pendapatan pelajar bagi meningkatkan produktiviti pelajar golongan B40. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpandukan pendekatan kajian kes. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan informan kurang mempunyai pengetahuan berkenaan dengan sokongan yang disediakan oleh pihak fakulti dan terdapat juga informan yang hanya bergantung sepenuhnya terhadap sokongan daripada pihak fakulti. Berdasarkan semua dapatan kajian ini, pengkaji telah mencadangkan untuk mewujudkan program penjanaaan pendapatan kepada pelajar B40 untuk memastikan pelajar B40 lebih produktif supaya dapat menampung keperluan hidup di intitusi pengajian. Implikasi kajian ini juga mefokuskan kepada latihan tubi keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar B40 FSSK sejak pendaftaran pelajar di FSSK, UKM.

**Kata kunci:** Kemiskinan, sokongan, bantuan, pelajar B40, FSSK

# PERANCANGAN PEMBEBASAN PASCA INSTITUSI BAGI BELIA MENJALANI PEMULIHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DAN HUBUNGAN SEKS BERISIKO : SATU KAJIAN PENEROKAAN

*Ainuddin, N.A*

*Zakaria, E.*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka perancangan pembebasan pasca institusi bagi belia terlibat hubungan seks berisiko dan penyalahgunaan dadah. Perancangan dan intervensi sewaktu pemulihan dalam institusi/agensi telah banyak menjadi fokus kajian terdahulu. Namun, masih kurang kajian yang memberi tumpuan kepada perancangan pasca-pembebasan iaitu selepas tamat pemulihan di institusi khususnya dalam kalangan belia terlibat penyalahgunaan dadah dan hubungan seks berisiko. Perancangan Pasca-Pembebasan merupakan komponen penting pengekalan kepulihan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dan direka bentuk menepati kaedah kualitatif. Seramai 16 orang belia berumur antara 19-37 tahun yang menjalani pemulihan di lima institusi berfokuskan intervensi belia hamil luar nikah, hubungan seks sesama jantina (LGBTQ) dan pemulihan dadah telah dipilih secara bertujuan untuk terlibat dalam kajian. Pengumpulan data telah dijalankan secara temu bual bersemuka. Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil analisis menunjukkan terdapat empat aspek perancangan pasca-pembebasan yang diterokai dalam kajian ini iaitu (i) perancangan pendidikan, (ii) perancangan kerjaya tetap, (iii) perancangan pemulihan berterusan dan (iv) perancangan berkaitan kekeluargaan dan peranan keibubapaan. Temu bual lanjut menunjukkan sebilangan besar informan mengakui tidak diketengahkan dengan perancangan pasca-pembebasan oleh pihak institusi. Kesimpulannya, kajian ini menyarankan agar institusi pemulihan penyalahgunaan dadah dan hubungan seks berisiko supaya meneliti dan menganjurkan program yang memberi pendedahan berkenaan cara merancang aktiviti yang mengekalkan kepulihan setelah klien mereka dibebaskan dari institusi.

**Kata kunci:** Perancangan Pasca-Pembebasan, penyalahgunaan dadah, hubungan seks berisiko, institusi pemulihan, belia

# PERANAN NGO SEBAGAI PEMBERI MANFAAT KEPADA ORANG ASLI SUKU TEMIAR DI KUALA MU, SUNGAI SIPUT, PERAK

*Ayu Aziz  
Siti Hasmak  
Nabilah Nazirah  
Rozita Ibrahim*

*Sains Citra, Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai pemberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli suku Temiar di Kuala Mu, Sungai Siput, Perak. Peranan yang perlu dilakukan oleh pihak NGO dalam memberi manfaat kepada masyarakat Orang Asli bagi memenuhi hak dan keperluan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengalaman Orang Asli Suku Temiar Kuala Mu yang menjadi penerima manfaat daripada pihak NGO dan peranan pihak tersebut dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hak yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian dan temu bual. Kaedah ini dilakukan dengan melibatkan pemerhatian lapangan untuk memahami peranan NGO dalam memberi sumbangan. Selain itu, kaedah temu bual berfokus bersama penduduk setempat dan wakil NGO dilakukan untuk mendapatkan pandangan yang mendalam tentang keberkesanan program-program yang dilaksanakan. Kedua kaedah ini dilakukan bagi memperoleh data utama. Kemudian kaedah kepustakaan turut dilakukan bagi menyokong kajian yang dilakukan. Hasil daripada kajian ini telah memperlihatkan bahawa penglibatan NGO dalam memberikan sumbangan telah memberi impak yang besar kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli suku Temiar. Walaupun terdapat cabaran, peranan NGO tetap penting dalam memastikan pembangunan yang berterusan dan lestari bagi masyarakat Orang Asli di Kuala Mu. Oleh itu, cadangan penambahbaikan dalam aspek dan peranan lain perlu di ambil kira bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli Kuala Mu.

**Kata kunci:** Peranan, NGO, Orang Asli, Suku Temiar, Manfaat

## **TAHAP PENGETAHUAN MAHASISWA BERKAITAN PILIHAN RAYA KAMPUS DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.**

*Ahmad Izzuddin Bin Nordin*

*Nur Hafizah Yusoff*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pilihan raya kampus di Universiti Kebangsaan Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dan kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Pemilihan sampel ini merangkumi semua mahasiswa/i Universiti Kebangsaan Malaysia yang berada di kampus Bangi sahaja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa berkaitan pilihan raya kampus berada ditahap sederhana tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa masih kurang jelas berkenaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 apabila seramai 149 orang responden memilih pernyataan tidak pasti tentang AUKU 1971. Perkara ini agak mengejutkan kerana keterlibatan mahasiswa pengajian tinggi dalam politik adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Antara sumber utama pengetahuan tentang pilihan raya kampus ini ialah melalui media sosial dan rapat umum yang dilakukan oleh setiap parti yang bertanding. Selain itu, antara pihak yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang pilihan raya kampus ialah Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) dan setiap parti politik yang bertanding. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pentadbiran universiti untuk memperkasakan peranan mahasiswa dalam arena politik khususnya kepimpinan supaya bakat mereka digilap menjadi pemimpin yang berkarisma suatu hari nanti.

**Kata kunci :** Pengetahuan, mahasiswa, AUKU 1971, politik dan politik kampus.

# **TEKANAN AKADEMIK DAN KESTABILAN EMOSI: ANALISIS KUALITATIF DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

*Faten Nabila Binti Ismawi  
Azahah Abu Hassan Shaari*

## **ABSTRAK**

Kecemerlangan dalam akademik dan kesihatan mental adalah komponen penting dalam melahirkan mahasiswa universiti yang berkualiti. Oleh itu, isu tekanan akademik dan kestabilan emosi perlu diambil serius kerana ianya akan mempengaruhi prestasi pendidikan serta kesihatan mental mereka. Kajian tinjauan literatur ini bertujuan untuk mengetahui kesan tekanan akademik terhadap mahasiswa, serta faktor-faktor yang mampu mempengaruhi kestabilan emosi di kalangan mahasiswa itu sendiri. Bermula November 2023 sehingga Januari 2024, penulis telah menganalisis 30 artikel bagi meneroka tekanan akademik dan kestabilan emosi di kalangan mahasiswa universiti. Hasil tinjauan literatur mendapati bahawa tekanan akademik dalam kalangan mahasiswa berpunca daripada fasa peralihan kehidupan baharu dan kemasukan awal institusi pengajian, kekangan masa dan pengurusan masa yang lemah, bebanan kerja yang tinggi, persaingan akademik, dan pengharapan yang tinggi daripada orang sekeliling. Selain daripada itu, tekanan akademik memberikan kesan terhadap prestasi mahasiswa, menyebabkan kemurungan, serta mendorong mahasiswa untuk terlibat dalam pelbagai tingkah laku yang berisiko. Sistem sokongan daripada rakan sebaya dan pensyarah merupakan antara strategi daya tindak berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan emosi mahasiswa. Kajian terhadap topik tekanan akademik dan kestabilan emosi harus diberi perhatian yang serius dengan merancang strategi yang holistik dan konprehensif supaya isu ini dapat diatasi lebih baik.

**Kata kunci:** emosi; mahasiswa; tekanan akademik; universiti



# **ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN DADAH DI BAWAH AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN, PULAU PINANG.**

*Sahira Romzi*

*Mohammad Nasrun Wan Nawang*

*Mohamad Shahrul Ikhwan Mohd Shafie*

*Noor Erdina Aqilla Hasanuddin*

*Nur Shahirah Shahrul Nizam*  
[nshahirah530@gmail.com](mailto:nshahirah530@gmail.com)

*Noorafidah Shaik Omar*

*Mohamad Shahrudin Samsurijan*  
[msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

## **ABSTRAK**

Pelaksanaan program pemulihan dadah adalah satu inisiatif untuk memerangi dadah. Agensi Anti dadah kebangsaan (AADK) ialah agensi utama untuk melaksanakan program ini. Program ini dilaksanakan oleh Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) yang terletak di Bukit Martajam, Pulau Pinang. Matlamat utama PUSPEN ialah menyediakan program rawatan dan pemulihan kepada mana-mana individu yang telah disahkan sebagai penagih dadah oleh pegawai perubatan yang berdaftar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi yang terlibat iaitu Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di Bukit Martajam semasa melaksanakan program pemulihan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual yang melibatkan 3 orang informan daripada Pusat pemulihan Penagihan Narkotik. Hasil kajian ini mendapati terdapat isu-isu serta cabaran yang dihadapi oleh pihak (PUSPEN) dalam menjalankan program pemulihan narkotik dalam kalangan komuniti. Sebagai contoh isu dan cabaran yang akan dikaji ialah kos rawatan, ketidakpatuhan klien menghadiri program, tanggapan negatif masyarakat terhadap agensi, kewangan dan sebagainya. Dapatan kajian ini sangat bermanfaat dan dapat digunakan dalam usaha menambah baik program pemulihan dan rawatan untuk masa yang akan datang dalam kalangan komuniti.

**Kata Kunci :** Pemulihan, Rawatan, Agensi, Komuniti

# KONSUMERISME DAN KELAS SOSIAL DALAM PRODUK PENJAGAAN BAYI

*Ain Safwanah binti Sadikin  
Velan A/L Kunjuraman*

## ABSTRAK

Keterujaan ibu bapa dalam menyambut kelahiran anak terutamanya anak pertama menyebabkan berlakunya fenomena konsumerisme dalam pembelian produk penjagaan bayi yang menyebabkan ianya menjadi komoditi perdagangan. Kepenggunaan dalam produk penjagaan bayi telah mengalami evolusi dan mewujudkan kelas sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan sejauh mana komoditi yang digunakan memberi kesan ke atas kelas sosial anggota masyarakat. Objektif kajian ini adalah pertama, untuk meneroka kepenggunaan dalam pembelian produk penjagaan bayi. Kedua, menjelaskan hubungan kepenggunaan dengan kelas sosial. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam ke atas 10 orang ibu yang mempunyai bayi. Soalan temu bual berkaitan dengan kepenggunaan berdasarkan Teori Konsumerisme. Hasil kajian mendapati kepenggunaan produk penjagaan bayi mengambil kira konsumerisme dalam aspek pemakaian, penjagaan kulit, penjagaan rambut, produk mandian, peralatan mandian, makanan dan minuman serta mainan. Tahap kewangan mempengaruhi kepenggunaan dalam pembelian produk penjagaan bayi dan kesedaran kelas sosial. Temubual telah dijalankan pada bulan Mei 2024 bersama informan kajian untuk mendapatkan data primer bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini memberi implikasi kepada kesedaran pengurusan kewangan ibu bapa dan teori dalam bidang ilmu sosiologi ekonomi dan konsumerisme. Keseluruhannya, kepenggunaan dalam pemilihan produk penjagaan bayi yang terbaik mempengaruhi peningkatan kesedaran kelas sosial.

**Kata kunci:** produk penjagaan bayi; kelas sosial; konsumerisme; komoditi

# **PERANAN LOKUS KAWALAN SEBAGAI PENGANTARA DALAM HUBUNGAN ANTARA KETIDAKBERDAYAAN TERPELAJAR DAN PENANGGUHAN SERTA TINGKAH LAKU MENGGAGALKAN DIRI DI KUALA LUMPUR DAN SELANGOR**

*Aw Nee Shan*

*Mohd Nasir bin Selamat*

[md\\_nasir@ukm.edu.my](mailto:md_nasir@ukm.edu.my)

*Program Psikologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

## **ABSTRAK**

Penangguhan merujuk kepada penundaan sesuatu tindakan yang ingin dilakukan dengan sukarela walaupun dapat menjangka keadaan akan bertambah teruk hasil daripada penangguhan tersebut. Keadaan ketidakberdayaan menjadikan seseorang individu rendah harga diri dan cenderung bergaul secara pesimistik dalam lingkungan sosial, mengurangkan motivasi diri dan menghalang kemajuan individu. Kajian ini mengkaji peranan lokus kawalan sebagai faktor pengantara dalam hubungan antara ketidakberdayaan terpelajar dan penangguhan serta tingkah laku menggagalkan diri di Kuala Lumpur dan Selangor. Dengan menggunakan persampelan mudah, 106 responden yang berumur 18 tahun ke atas di Kuala Lumpur dan Selangor terlibat dalam melengkapkan borang soal selidik kajian. Alat pengukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah Learned Helplessness Scale (LHS), Rotter Locus of Control Scale (LOC), Pure Procrastination Scale (PPS) dan Self-Defeating Interpersonal Style Scale (SELF-DISS) manakala perisian yang digunakan ialah Statistical Package for the Social Sciences versi 26. Analisis deskriptif memeriksa tahap ketidakberdayaan terpelajar, penangguhan, tingkah laku menggagalkan diri dan lokus kawalan dalam kalangan responden kajian. Analisis korelasi pula menunjukkan hubungan yang terdapat antara kesemua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian dan analisis regresi mudah digunakan dalam meneroka peranan lokus kawalan dalam menyerdehana hubungan antara ketidakberdayaan terpelajar dan penangguhan/tingkah laku menggagalkan diri. Kajian ini membuat hipotesis bahawa ketidakberdayaan terpelajar akan berkorelasi secara positif dengan kedua-dua penangguhan dan tingkah laku menggagalkan diri. Selain itu, dijangkakan bahawa lokus kawalan akan menyerdehana hubungan ini, dengan mewujudkan daya kawalan diri dalam pelaksanaan tugas. Individu yang mendapat lokus kawalan luaran yang lebih tinggi menunjukkan tahap penangguhan dan tingkah laku menggagalkan diri yang lebih tinggi, terutamanya apabila mengalami situasi ketidakberdayaan terpelajar. Sebaliknya, mengekalkan lokus kawalan dalaman sebagai faktor pengantara penting dijangkakan akan menyumbang secara negatif kepada kedua-dua penangguhan dan tingkah laku menggagalkan diri. Keseluruhannya, penemuan ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan psikologi dan strategi daya tindak yang fleksibel dalam mencapai kejayaan dalam melaksanakan tugas.

**Kata kunci:** Ketidakberdayaan terpelajar, penangguhan, tingkah laku menggagalkan diri, lokus kawalan, tugas

# **APLIKASI PENGURUSAN STRES DI KALANGAN PELAJAR UKM**

*Siti Sarah Aishah Ahmad Ariffin*

*Syaimak Abdul Shukor*

[syaimak@ukm.edu.my](mailto:syaimak@ukm.edu.my)

*Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Fakulti Teknologi dan Sains  
Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Stres merupakan satu gangguan kesihatan mental yang kini semakin berleluasa terutamanya di kalangan para pelajar universiti. Pelajar yang menghadapi masalah stres ini perlu diberikan perhatian kerana ia boleh menjejaskan keselamatan diri dan orang sekeliling. Aplikasi Pengurusan Stres Di Kalangan Pelajar UKM merupakan satu inisiatif untuk menangani dan mengenal pasti pelajar universiti adalah mangsa kepada stres secara sedar mahupun tidak sedar. Tujuan aplikasi ini dibangunkan kerana terdapat ramai pelajar yang mengalami tekanan yang berpunca daripada masalah akademik dan masalah keluarga yang dihadapi. Pelajar ini berasa malu untuk berjumpa dengan Pihak Kaunseling Universiti secara bersemuka untuk mendapatkan nasihat. Aplikasi ini akan berkolaborasi bersama Pihak Unit Kaunseling UKM dalam membantu untuk menangani masalah stres yang dialami oleh pelajar UKM. Sasaran utama dalam membangunkan aplikasi ini adalah khas untuk pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Melalui aplikasi ini dapat mengesan tahap stres para pelajar dalam paras baik, sederhana atau bahaya dengan menjawab beberapa soalan penilaian yang akan diberikan. Tambahan lagi, pelajar boleh mencari lokasi kesihatan yang berdekatan dengan lokasi semasa pelajar. Terdapat juga fungsi bimbingan bersama Unit Kaunseling dalam membantu pelajar mengurangkan tekanan yang dihadapi dengan membuat permohonan temu janji. Maklumat pelajar akan disalurkan terus kepada Pihak Kaunseling UKM. Aplikasi ini juga memberi langkah-langkah untuk menguruskan stres dengan betul dan beberapa terapi disediakan seperti senaman. Terdapat beberapa perisian yang digunakan untuk membangunkan aplikasi ini antaranya ialah Android Studio. Pembangunan aplikasi ini menggunakan model Waterfall. Justeru itu, dengan adanya aplikasi ini dapat mengurangkan dan menolong para pelajar UKM yang menghadapi tekanan.

**Kata kunci:** Aplikasi mudah alih, pengurusan stres, pengawalan stres

# **MENEROKA PENGALAMAN REMAJA DAN KESAN EMOSI AKIBAT PERCERAIAN IBU BAPA DI NEGERI SELANGOR**

*Nur Faeiz Binti Mohd Yasin*

*Noremy Md Akhir*  
[noremy@ukm.edu.my](mailto:noremy@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan  
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor*

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ibu bapa di negeri Selangor. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan, jumlah pasangan muslim yang bercerai semakin meningkat iaitu daripada 30,709 pada tahun 2017 kepada 40,269 pada tahun 2018. Data ini menunjukkan bahawa masalah perceraian dikalangan ibu bapa di Malaysia amat serius dan sedikit sebanyak telah mengganggu kesejahteraan hidup anak-anak. Oleh itu, objektif kajian ini ialah meneroka pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ibu bapa di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Enam informan telah dipilih untuk kajian ini menggunakan persempelan bertujuan. Data temu bual yang diperoleh dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati remaja mempunyai pengalaman buruk dan trauma akibat perceraian ibu bapa mereka. Namun begitu, mangsa perceraian mempunyai pelbagai daya tahan yang mampu membantu mereka untuk keluar dari kesan emosi yang dialami akibat perceraian yang berlaku. Implikasi kajian ini adalah memberi kesedaran kepada ibu bapa dan mangsa perceraian serta intervensi berbentuk sokongan emosi perlu disediakan oleh pihak berkaitan agar kesejahteraan emosi anak-anak ini dapat dikawal walau berhadapan dengan pelbagai konflik rumah tangga.

**Kata kunci:** Remaja, Perceraian Iubapa, Kesan emosi, Daya tahan, Bentuk sokongan

# FENOMENA SUB-BUDAYA FUJOSHI: PENERIMAAN DAN PEMBENTUKAN IDENTITI KUMPULAN

*Nuha Mysara Binti Mohd Hisam*

*Zanisah A/P Man*

[zanisahman@ukm.edu.my](mailto:zanisahman@ukm.edu.my)

*Program Antropologi Dan Sosiologi  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi*

## ABSTRAK

Genre berunsurkan boys' love ataupun lebih dikenali sebagai BL kian tular dipertontonkan dalam kandungan berasaskan hiburan. Lazimnya, genre boys' (BL) ini menjadi asas kepada sesebuah penceritaan seperti drama, filem dan komik (manga, manhwa dan manhua). Penularan genre boys' love (BL) dalam industri hiburan diterima sesetengah masyarakat dan golongan ini digelar sebagai fujoshi. Fujoshi merupakan satu kata nama yang berasal daripada Jepun yang bererti 'rotten girl' ataupun 'gadis busuk' dan dilihat sebagai satu analogi yang menerangkan minat songsang yang dimiliki oleh wanita yang dianggap bertentangan dengan norma masyarakat. Minat para wanita terhadap konteks dan kandungan yang berunsurkan homoseksual-gay menyeru pengkaji untuk mengkaji bagaimana penerimaan dan pembentukan identiti kumpulan fujoshi ini. Pendekatan kualitatif digunakan untuk memahami fenomena dengan lebih mendalam. 11 informan belia berumur 15-30 tahun yang berasal daripada Malaysia ditemu bual secara bersemuka dan dan atas talian melalui aplikasi 'whatsapp'. Hasil kajian mendapati bahawa penerimaan positif terhadap sub-budaya fujoshi dalam kehidupan para informan. Pembentukan identiti para informan sebagai sebahagian daripada kumpulan sub-budaya fujoshi telah terbentuk sejurus mereka mula mengenali dan meminati BL. Kesimpulannya, pembentukan identiti kumpulan berlaku apabila adanya penerimaan ke atas sesuatu fenomena yang menjadi budaya bagi sesuatu kelompok.

**Kata kunci:** sub-budaya, fujoshi, penerimaan identiti, pembentukan identiti, boys' love

# **BULI SIBER DALAM KALANGAN KOMUNITI E-SUKAN : KAJIAN KES “MOBILE LEGENDS”**

*Muhammad Qayyum Haikal Shamsolnizam  
Velan Kunjuraman*

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji kegiatan buli siber dalam kalangan komuniti e-sukan yang memfokuskan kepada permainan video Mobile Legends. Reka bentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian kualitatif. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan secara bertujuan iaitu atlet ataupun bekas atlet professional e-sukan Mobile Legends. Pengkaji menetapkan seramai lapan orang informan untuk menjawab temu bual. Informan mestilah terdiri daripada individu yang masih ataupun yang pernah menyertai pertandingan e-sukan Mobile Legends secara professional menerusi pertandingan Mobile Legends Pro League (MPL) Malaysia . Mereka juga haruslah terdiri daripada mereka yang pernah menjadi mangsa buli siber. Berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti jenis-jenis buli siber yang terjadi. Hasil kajian mendapati bahawa jenis buli siber yang terjadi kebanyakannya adalah hantaran mesej melalui media sosial yang mengandungi kata-kata kesat dan juga berbau ugutan. Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji kesan-kesan buli siber terhadap mangsa buli siber itu sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa antara kesan buli siber tersebut termasuklah informan-informan tersebut mengalami kemurungan, keselamatan terancam dan juga hilang pekerjaan. Kesimpulannya, berdasarkan lapan orang informan yang ditemubual dapat menunjukkan bahawa mereka mengalami beberapa jenis buli siber yang memberi kesan yang buruk terhadap mereka. Oleh yang demikian, diharapkan bahawa pihak berwajib seperti penganjur pertandingan MPL Malaysia itu sendiri mahupun pihak kerajaan mengambil secara serius perkara ini seperti memberi kesedaran kepada netizen supaya kejadian yang sama tidak berulang.

**Kata kunci:** e-sukan, buli siber, atlet professional, Mobile Legends,

## WARISAN PERTANIAN PADI

*Nurul Huda Binti Roslan*

*Zanisah Man*

### ABSTRAK

Warisan padi merupakan aset terpenting dalam komuniti pertanian khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, bukan sahaja menyokong keselamatan makanan tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam warisan budaya dan pengetahuan tradisional. Kajian ini dilakukan kerana warisan padi pada masa kini semakin kurang diminati oleh generasi muda. Pengekalan warisan pertanian padi secara turun-temurun kebanyakan diteruskan oleh golongan tua atau disebut (aging population) dan menyebabkan pertanian padi kekurangan pelapis yang berpengalaman dan berkemahiran dalam pertanian padi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pewaris pertanian padi dalam komuniti Melayu di Penaga, Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka sistem upah dan tenaga kerja dalam pertanian padi serta mendalami nilai ekonomi moral dalam budaya pertanian padi komuniti Melayu di Penaga, Pulau Pinang. Kajian ini dilaksanakan di kawasan pertanian padi Penaga, Pulau Pinang. Kaedah kualitatif digunakan di dalam kajian ini melalui kaedah temu bual secara mendalam bersama lima orang informan dan pemerhatian tidak turut serta. Perubahan zaman menyebabkan teknologi moden seperti mesin dan jentera turut diperkenalkan dalam pertanian padi. Hal ini dapat memudahkan serta mempercepatkan lagi sistem pengurusan upah dan tenaga kerja yang dilakukan kerana majoriti pesawah menggunakan mesin dan jentera. Para pesawah kini lebih mudah untuk melakukan kerja-kerja di sawah secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti padi dan mengurangkan tenaga kerja manusia. Selain itu, ancaman penyakit serangan daripada serangga perosak telah menyebabkan pokok padi rosak dan tidak berkualiti. Hal ini menyebabkan hasil produktiviti padi menjadi rendah dan menurun. Pesawah terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi dengan kerugian kerosakan pokok padi yang berlaku sehingga kadang-kala tidak boleh dituai kesemuanya. Isu yang berlaku ini secara tidak langsung telah memberikan kesan kepada pesawah-pesawah padi yang sedia ada dengan pelbagai cabaran yang dihadapi serta serangan penyakit padi itu sendiri. Hal ini kerana ianya telah menjejaskan pendapatan para pesawah yang masih meneruskan kelangsungan hidup dengan hasil padi. Petua-petua tradisi padi yang masih dikekalkan oleh pesawah dalam menangani ancaman ini adalah dengan menjaga tutur bicara dan saling berkomunikasi antara tuan padi dan pokok padi yang dikerjakan. Kesimpulannya, warisan pertanian padi adalah yang lahir sendiri daripada roh seorang pesawah kerana minat yang tinggi untuk meneruskan generasi padi turun-temurun.

**Kata kunci:** warisan, kaedah tradisional, aging population, timbal balik, menderau



# CHILD LABOUR: INSIGHTS FROM INTERNATIONAL AND MALAYSIAN LEGAL FRAMEWORKS

*Sally Yeo Yi Tong  
Nadhilah A. Kadir*

## ABSTRACT

Child labour persists as a global challenge, notably prevalent in many developing nations like Malaysia. This paper conducts a thorough legal analysis of child labour, focusing on international and Malaysian laws. It begins by examining global standards established by key conventions and treaties, aiming to protect children's rights and prohibit child labour. These conventions include Convention on the Rights of the Child (CRC), Minimum Age Convention 1973 [No.138] and Worst Forms of Child Labour Convention 1999 [No.182]. Transitioning to Malaysian legislation, including statutes like the Child Act 2001(Act 611), Children and Young Persons (Employment) Act 1966 (Act 350) and the Education Act 1966 (Act 550), the study evaluates alignment with international norms and identifies areas for improvement. Challenges within the legal framework, such as enforcement mechanisms, monitoring systems, and access to education, are critically assessed. Recommendations are proposed to strengthen legal protections against child labour in Malaysia, advocating for policy reforms, enhanced enforcement measures, improved educational opportunities, and collaboration among stakeholders. This analysis contributes to the discourse on child labour by providing a nuanced understanding of the legal landscape in Malaysia and highlighting the need for concerted efforts to address this global issue and uphold the rights and well-being of children.

**Keywords:** child labour, children's rights, child protection, education

# **HUBUNGAN ANTARA KETAGIHAN MEDIA SOSIAL, PENGHARGAAN KENDIRI DAN KEPUASAN HIDUP DALAM KALANGAN MAHASISWA DI UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA**

*Nur Afrina Binti Hanafi*  
[a186448@siswa.ukm.edu.my](mailto:a186448@siswa.ukm.edu.my)

*Wan Shahrazad Binti Wan Sulaiman*

*Program Psikologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti  
Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Penggunaan media sosial telah berkembang dengan pesat sehingga melibatkan 33.03 juta pengguna internet di Malaysia setakat Januari 2023. Penggunaan media sosial pada masa kini dilihat menjadi satu trend dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kewujudan media sosial ini sedikit sebanyak telah mengubah gaya hidup pelajar yang boleh mempengaruhi tahap penghargaan sendiri dan kepuasan hidupnya. Maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap ketagihan media sosial dalam kalangan mahasiswa di universiti awam Malaysia dan mengkaji hubungan antara ketagihan media sosial dengan penghargaan sendiri dan kepuasan hidup mahasiswa. Kajian ini menggunakan teknik persampelan mudah dengan sampel seramai 186 orang mahasiswa di Universiti Awam jenis penyelidikan. Kajian rintis telah dilaksanakan kepada 30 orang mahasiswa dan keputusan kajian ini digunakan sebagai keputusan awal. Soal selidik diedarkan melalui platform dalam talian untuk mencapai sasaran sampel kajian yang terdiri daripada mahasiswa universiti awam jenis penyelidikan di seluruh Malaysia. Berdasarkan keputusan, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan media sosial dan penghargaan sendiri dalam kalangan mahasiswa universiti. Selain itu, dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan media sosial dan kepuasan hidup. Hasil kajian ini memberi implikasi mengenai faktor negatif ketagihan media sosial dalam mempengaruhi penghargaan sendiri dan kepuasan hidup dalam kalangan mahasiswa universiti.

**Kata kunci:** Ketagihan Media Sosial, Penghargaan Kendiri, Kepuasan Hidup

# FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU KONSUMERISME DI KALANGAN GOLONGAN MUDA SEMASA KONSERT MUZIK DI MALAYSIA

*Azzah Zakiyyah Binti Supatlan  
Nur Hafizah binti Yusoff*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tingkah laku konsumerisme golongan muda semasa konsert hiburan muzik di Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan secara bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan yang memfokuskan informan daripada kalangan golongan muda berumur 16 tahun hingga 32 tahun yang kerap menghadiri konsert muzik. Pengkaji menetapkan seramai enam orang informan untuk menjawab temu bual. Informan-informan ini adalah terdiri daripada golongan muda yang kerap menghadiri konsert muzik dari artis tempatan mahupun artis antarabangsa serta membuat pembelian sebelum, semasa dan selepas konsert seperti pakaian, penginapan, barangan rasmi dan pengangkutan. Pengkaji ingin melihat faktor yang mempengaruhi konsumerisme golongan muda terhadap konsert hiburan muzik di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor mempengaruhi yang terbahagi kepada faktor dalaman dan faktor luaran, faktor dalaman adalah faktor minat terhadap penyanyi tertentu serta ingin merasakan pengalaman dan suasana di konsert dan faktor '*Fear of Missing Out*' (FOMO) kerana melihat ramai yang menghadiri konsert. Manakala faktor luaran pula adalah faktor pengaruh rakan sebaya yang mengajak untuk menghadiri konsert bersama-sama. Kesimpulannya, enam orang informan yang ditemu bual mempunyai faktor yang mempengaruhi mereka membuat konsumerisme semasa konsert hiburan muzik yang hampir sama iaitu faktor minat, faktor FOMO dan faktor pengaruh rakan sebaya.

**Kata kunci:** golongan muda, konsumerisme, tingkah laku, konsert hiburan muzik, sosiologi

# HUBUNGAN DI ANTARA PENGALAMAN NEGATIF ZAMAN KANAK-KANAK DAN DAYA TAHAN DENGAN MASALAH EMOSI DALAM KALANGAN DEWASA AWAL

Aashriita Muniandy

Dr Abul Rahman Ahmad Badayai

## ABSTRAK

Kesihatan mental seseorang individu pada zaman dewasa sering dikaitkan dengan pengalaman zaman kanak-kanak mereka dan faktor psikososial yang mempengaruhi kehidupan mereka. Oleh itu, gangguan seperti pengalaman negatif zaman kanak-kanak terhadap proses perkembangan kanak-kanak boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk belajar dan meluahkan emosi mereka kepada orang lain, mengakibatkan implikasi sepanjang hayat. Sebaliknya, daya tahan seseorang, yang memfokuskan keupayaan untuk bertahan atau berpulih daripada kesukaran, boleh membantu dalam mengatasi ketakutan masa lalu dan menjalani kehidupan yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan kajian yang memfokuskan kepada golongan dewasa awal di Malaysia dengan pengalaman negatif zaman kanak-kanak dan bagaimana daya tahan mereka membentuk kehidupan mereka. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sama ada perkaitan antara pengalaman negatif zaman kanak-kanak dan masalah emosi dimediasi oleh daya tahan orang dewasa awal. Untuk meneroka pembolehubah ini, kami akan menggunakan Soal Selidik Pengalaman Negatif Zaman Kanak-Kanak (ACE-Q), Skala Pengukuran Daya Tahan Kanak-Kanak dan Belia-28 (CYRM-28) dan Soal Selidik Kekuatan dan Kesukaran (SDQ) sebagai alat ukuran, untuk (i) mengkaji hubungan antara pengalaman negatif zaman kanak-kanak dan masalah emosi, (ii) mengkaji hubungan antara daya tahan dan masalah emosi, (iii) mengkaji hubungan antara pengalaman negatif zaman kanak-kanak dan daya tahan dan (iv) mengenalpasti peranan daya tahan sebagai pengantara di antara hubungan antara pengalaman negatif zaman kanak-kanak dan masalah emosi dalam kalangan dewasa awal. Kajian ini akan menilai tindak balas sekumpulan dewasa awal yang dibesarkan di tempat perlindungan.

**Kata Kunci:** pengalaman negatif kanak-kanak, daya tahan, masalah emosi, dewasa awal, tempat perlindungan

# IMPAK PELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI TEMPATAN DI SEKITAR PANTAI CENANG

Nur Izzati Abdullah  
Dr. Velan Kunjuran

Program Antropologi dan Sosiologi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Correspondence email:* velan@ukm.edu.my

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai bagaimana sektor pelancongan telah memberi impak terhadap komuniti tempatan di sekitar Pantai Cenang dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji impak pelancongan terhadap komuniti tempatan dan cabaran-cabaran dalam pengusahaan pelancongan ke arah kelestarian. Pendekatan kualitatif telah diaplikasikan dengan menggunakan kaedah temubual mendalam dan pemerhatian langsung di lapangan terhadap komuniti pengusaha pelancongan yang terdiri daripada pengusaha homestay, pengusaha calet dan hotel, pengusaha aktiviti sukan air, agensi pelancongan dan peniaga kedai runcit di sekitar Pantai Cenang. Kajian lapangan telah dilakukan pada bulan April 2024 bersama informan kajian untuk mendapatkan data primer untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini mendapati bahawa komuniti tempatan menerima impak positif dan negatif daripada aktiviti pelancongan di Pantai Cenang dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Selain itu, pelbagai cabaran dalaman dan luaran telah direkodkan dalam kajian ini yang dihadapi oleh komuniti setempat dalam proses kelestarian pelancongan di kawasan kajian. Kajian ini memberi implikasi kepada polisi pelancongan dan teori dalam bidang ilmu sosiologi pelancongan.

**Kata Kunci:** Impak pelancongan, komuniti tempatan, Pantai Chenang



*Tema 3*

# PENDIDIKAN, BAHASA & LINGUISTIK

# **IMEJ BINATANG DALAM PERIBAHASA TAMIL: SATU ANALISIS TEORI RELEVANS**

*Shaarini Nair A/P Segaran  
Siti Noraini Hamzah*

## **ABSTRAK**

Bahasa merupakan satu fenomena kompleks yang menjadi dasar kepada interaksi manusia. Setiap bahasa adalah unik dari aspek bahasa termasuklah peribahasa. Peribahasa memberikan gambaran tentang kehidupan dan nilai sesuatu masyarakat. Bahasa Tamil juga mempunyai peribahasa yang pelbagai. Kajian ini merupakan kajian peribahasa Tamil yang berimejkan binatang dan dianalisis menggunakan teori Relevans. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti dan mengelaskan peribahasa Tamil berimejkan binatang berdasarkan unsur agama Hindu dan menganalisis makna peribahasa tersebut menggunakan teori Relevans. Metodologi kajian bersifat kualitatif dan dianalisis menggunakan teori Relevans. Teori Relevans yang digunakan mempunyai tiga elemen utama, iaitu konteks, kesan konteks (kesan kognitif) dan kos memproses. Hasil analisis berjaya mengenal pasti 20 peribahasa Tamil berimejkan binatang dari buku *A Classified Collection of Tamil Proverbs* dan *Tamil Proverbs Collection (over 6000) with Their English Translation* serta mengaitkannya kepada unsur agama Hindu seperti kehebatan, campur tangan, tidak bernilai, permusuhan, kebijaksanaan, keberanian, kasih sayang, balasan, disiplin dan berhati-hati. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan peribahasa Tamil berimejkan binatang berkait rapat dengan unsur kehebatan. Secara keseluruhannya, teori Relevans serta rangka rujuk silang yang digunakan sangat bersesuaian dan dapat menghuraikan makna sebenar peribahasa dengan lebih tepat.

**Kata Kunci:** Peribahasa, binatang, teori Relevans, rangka rujuk silang, Tamil

# **SPEKTRUM IMBUHAN SE- DALAM BAHASA MELAYU KLASIK DAN MODEN: ANALISIS MORFOLOGI DIAKRONIK**

*Mohamad Hakimi Mohamad*

*Kartini Abd Wahab*

[\*kartini@ukm.edu.my\*](mailto:kartini@ukm.edu.my)

*Program Pengajian Bahasa Melayu  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu)*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai salah satu bahasa aglutinatif yang bersifat derivatif dan sememangnya kaya dengan keanekaragaman pengimbuhan dalam pembentukan katanya. Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan cerapan khusus terhadap perilaku morfologi (makna, fungsi dan taburan) imbuhan se- dalam bahasa Melayu klasik (BMK) dan bahasa Melayu moden (BMM) berteraskan kerangka teori morfologi generatif. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis data daripada manuskrip BMK dan BMM bagi mencerap kepelbagaian fungsi, makna dan taburan imbuhan se- dalam bahasa Melayu melalui pengintegrasian kedua-dua aliran nahu BMK dan BMM; serta mengenal pasti perilaku morfologi bagi imbuhan se- yang mengalamiretensi dan inovasi dalam konteks perkembangan maknanya dalam BMM dengan lebih empiris dan peka konteks. Kajian berorientasikan pendekatan diakronik ini memanfaatkan reka bentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan, kajian kepustakaan dan data korpus DBP-UKM. Konklusinya, kajian morfologi diakronik ini mendapati bahawa majoriti fungsi, makna dan taburan imbuhan se- dalam BMM ini masih mengalami retensi, namun terdapat beberapa kes khas imbuhan se- yang dilabelkan sebagai inovasi sama ada berbentuk peluasan, pengecilan, pengambilalihan mahupun penghilangan makna asalnya dalam BMK.

**Kata Kunci:** Morfologi Generatif, Kajian Diakronik, Perilaku Morfologi, Retensi, Inovasi



# **PENGARUH BAHASA SLANGA TERHADAP PERKEMBANGAN BAHASA REMAJA: KAJIAN KES DI BANDAR BUKIT BERUNTUNG**

*Nur Fatimah Binti Rohyah*  
[a190514@siswa.edu.my](mailto:a190514@siswa.edu.my)

*Mohammed Azlan Mis*  
[whg5026@ukm.my](mailto:whg5026@ukm.my)

*Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa Dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial  
Dan Kemanusiaan*

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini merupakan kajian kes berkaitan pengaruh bahasa slanga dalam kalangan remaja. Secara khususnya, ia dilakukan untuk melihat tahap perkembangan bahasa slanga remaja di kawasan Bukit Beruntung berpandukan Teori Domain. Kawasan kajian adalah di Bukit Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti leksikal bahasa slanga yang digunakan oleh golongan remaja di Bukit Beruntung, untuk menentukan faktor-faktor penggunaan bahasa slanga golongan remaja dan menentukan implikasi penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja di kawasan kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Seramai 50 orang remaja, berusia 13-18 tahun berbangsa Melayu, India dan Cina dipilih sebagai responden. Instrumen yang digunakan adalah berdasarkan borang soal selidik. Semua responden perlu menjawab soalan soal selidik berdasarkan empat kategori yang disediakan oleh pengkaji. Analisis kajian dilakukan dengan menyemak dan meneliti maklumat yang telah dikumpulkan dalam borang soal selidik. Dapatan kajian mendapati bahawa golongan remaja kini gemar menggunakan bahasa slanga kerana mereka ingin memudahkan aktiviti pertuturan dalam kehidupan harian. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati terdapat banyak leksikal slanga yang digunakan oleh golongan remaja di Bukit Beruntung. Sumbangan kajian ini dapat memberi panduan berkaitan pengaruh bahasa slanga kepada bidang dan ilmu linguistik masa akan datang. Selain itu, masyarakat juga dapat menambah ilmu pengetahuan baru berkaitan penggunaan bahasa slanga dan seterusnya dapat membantu dalam menyusun dan memantapkan ilmu perkembangan bahasa di Malaysia.

**Kata Kunci:** perkembangan bahasa, bahasa slanga, golongan remaja, teori domain, kajian kuantitatif

# PEMBANGUNAN PLATFORM KOLABORATIF REALITI MAYA UNTUK PENDIDIKAN SAINS KOMPUTER DALAM ERA PENDIDIKAN 4.0

*Danish Nabil Mohd Nazri*  
[a189016@siswa.ukm.edu.my](mailto:a189016@siswa.ukm.edu.my)

*Tengku Siti Meriam Tengku Wook*  
[tsmeriam@ukm.edu.my](mailto:tsmeriam@ukm.edu.my)

*Program Kejuruteraan Perisian Pembangunan Sistem Multimedia Falkuti Teknologi dan Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Dalam era moden teknologi pendidikan 4.0, terdapat keperluan mendesak untuk mengubahsuai pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik, interaksi, dan mendalam, terutamanya dalam bidang Sains Komputer, yang sering memerlukan pemahaman terhadap konsep yang kompleks. Realiti Maya (RM) telah muncul sebagai alat inovatif yang boleh mengubah pendidikan dengan menawarkan pengalaman pembelajaran yang mendalam, visual, dan interaksi. Ia juga memberikan peluang yang hebat untuk meningkatkan pemahaman dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan Sains Komputer. Matlamat utama projek ini adalah untuk mereka dan menggabungkan platform pembelajaran kolaboratif berdasarkan RM dalam pendidikan Sains Komputer dengan tujuan menyediakan platform yang membolehkan pelajar dan pendidik bekerjasama secara efektif dalam ruang maya, memberikan mereka peluang unik untuk menjelajahi konsep Sains Komputer secara lebih mendalam. Projek ini menggunakan metodologi pembangunan hibrid yang menggabungkan pendekatan model Air Terjun dan *Agile* untuk merancang dengan teliti dan membolehkan pelarasan sepanjang fasa projek, membolehkan penggunaan, pembangunan, penilaian dan penambahbaikan pembangunan platform pembelajaran berasaskan realiti dalam RM sains komputer dengan lebih mudah. Hasil yang dijangkakan termasuk pembangunan platform pembelajaran RM untuk subjek IT, yang merangkumi pelbagai sumber pembelajaran, modul latihan interaksi dan peluang kerjasama dalam ruang maya. Penggunaan RM dalam pendidikan sains komputer akan meningkatkan pemahaman, motivasi dan kerjasama pelajar sambil menyediakan alat pengajaran yang lebih dinamik. Ini juga meningkatkan proses kepada pembelajaran sains komputer.

**Kata kunci:** Realiti Maya, Pendidikan 4.0, Sains Komputer, Platform Pembelajaran Kolaboratif, Metodologi Pembangunan Hibrid

# **APLIKASI KEMAHIRAN PEMASANGAN DRON MELALUI PEMBELAJARAN IMERSIF MENGGUNAKAN TEKNIK AUGMENTASI REALITI**

*Meor Muhammad Naiman Bin Meor Mohd Jamil*

[a189622@siswa.ukm.edu.my](mailto:a189622@siswa.ukm.edu.my)

*Tengku Siti Meriam Tengku Wook*

[tsmeriam@ukm.edu.my](mailto:tsmeriam@ukm.edu.my)

*Program Kejuruteraan Perisian Pembangunan Sistem Multimedia Falkuti Teknologi  
dan Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Dron, atau ia lebih dikenali sebagai “Dynamic Remotely Operated Navigation Equipment”, adalah pesawat yang dapat dikendalikan dari jarak jauh tanpa ada keberadaan juruterbang yang memandudidalamnya. Dron dilengkapi dengan berbagai komponen yang membolehkan ia berfungsi dan terbang dengan efisien. Namun, terdapat masalah pemahaman konsep dan penggunaan teknologi untuk memasang komponen dron kepada pengguna baharu walaupun terdapat manual pengguna atau arahan yang boleh dirujuk. Masalah ini memberikan cabaran kepada pengguna untuk belajar kemahiran pemasangan dron. Oleh itu, projek ini bertujuan untuk menghasilkan aplikasi “Drone Assembly Augmented Reality Application” DAAR, dalam pembelajaran pemasangan dron melalui pembelajaran imersif menggunakan kaedah Augmentasi Realiti (AR). Aplikasi ini memberikan pemahaman mendalam kepada pengguna mengenai kemahiran pemasangan dan pengoperasian dron. Melalui aplikasi ini, pengguna dapat belajar setiap langkah pemasangan dron, bermula dari pemilihan bingkai dron sehingga pemasangan komponen motor, papan pengawal penerbangan, dan lain-lain. Pengguna dapat memahami dan memasang komponen dron sambil melihat setiap langkah animasi 3D pemasangan dron secara terperinci dalam dunia nyata. Inisiatif ini tidak hanya menawarkan pengalaman belajar yang lebih mendalam tetapi ia juga dapat menarik perhatian pengguna dalam masa yang sama ia dapat mendukung dasar pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) untuk melahirkan generasi muda yang memiliki kemahiran tinggi dalam menyelesaikan masalah kompleks melalui penerapan teknologi imersif.

**Kata Kunci:** Dynamic Remotely Operated Navigation Equipment, Drone Assembly Augmented Reality Application DAAR, Augmentasi Realiti, Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM)

# **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN DALAM KALANGAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) MASALAH PENDENGARANDENGAN PELBAGAI MOD KOMUNIKASI**

*Nurul Aisyah Binti Mohd Nasri*

## **ABSTRAK**

Al-Quran merupakan sumber panduan hidup yang utama bagi seluruh umat Islam kerana di dalamnya merangkumi seluruh aspek kehidupan. Kepentingan untuk mengajar dan belajar al-Quran ini tidak terkecuali bagi golongan orang kurang upaya (OKU), termasuklah golongan OKU pekak atau masalah pendengaran. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran muncul ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di kalangan MBPK masalah pendengaran. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji mod komunikasi, strategi dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas Pengkhususan Pendengaran dan MBPK masalah pendengaran dalam mengajar dan belajar tilawah al-Quran di sekolah. Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan pendekatan kualitatif yang mana data kajian telah diperolehi melalui temu bual. Kajian ini melibatkan empat orang responden yang terdiri daripada dua orang guru Pendidikan Islam yang mengajar MBPK masalah pendengaran dan dua orang MBPK masalah pendengaran dari dua buah negeri iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seterusnya, dapatan kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk membentuk tema bagi menjawab tiga persoalan kajian yang telah dikemukakan. Dapatan kajian memperlihatkan empat tema utama iaitu Latar Belakang Responden, Kepelbagaian Mod Komunikasi Dalam Pengajaran Al-Quran, Strategi Pengajaran Al-Quran yang Dipraktikkan oleh Guru, Cabaran dan Sokongan Pembelajaran Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan dalam pengajaran al-Quran kepada MBPK masalah pendengaran, bermula dengan mod komunikasi, strategi dan pendekatan yang digunakan serta bagaimana guru mengatasi cabaran-cabaran dengan sokongan pembelajaran yang diterima dalam menyampaikan pendidikan al-Quran.

**Kata kunci:** Al-Quran, Guru Pendidikan Islam, MBPK Masalah Pendengaran

## **KEBERKESANAN PROGRAM SISWA SULUNG BAGI PELAJAR B40 LUAR BANDAR DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

*Aiman Hakim Shuib  
Akmal Nazmi Rosnan  
Ahmad Irshad Rostani  
Julita Balqis Badrul Munir*

*Wan Muhammad Aqil Wan Mohd Azmi  
[wmaqil01@student.usm.my](mailto:wmaqil01@student.usm.my)*

*Mohammad Hidayat Latip*

*Mohamad Shaharudin Samsurijan  
[msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)*

School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang

### **ABSTRAK**

"Program Siswa Sulung" merujuk kepada pelbagai inisiatif atau sistem sokongan yang bertujuan untuk membantu dan memperkasakan anak sulung dalam keluarga, mengiktiraf kedudukan dan tanggungjawab unik dalam struktur keluarga. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan 'Program Siswa Sulung' terhadap pelajar B40 yang menetap di luar bandar. Kajian ini juga bertujuan untuk mengumpul data dan maklumat yang relevan bagi menilai impak program tersebut terhadap pelajar yang terlibat. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pencapaian akademik pelajar B40 yang menetap di luar bandar sebelum dan selepas penyertaan dalam Program Siswa Sulung untuk menentukan sama ada terdapat peningkatan prestasi yang signifikan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu teknik persampelan bebola salji dan menemu bual seramai 10 orang pelajar USM yang terlibat dalam 'Program Siswa Sulung' yang menetap di kawasan luar bandar. Jangkaan hasil kajian ini mungkin mendapati peningkatan yang signifikan dalam pencapaian akademik pelajar B40 yang menetap di kawasan luar bandar selepas penyertaan dalam program tersebut. Hal ini dapat dilihat dari peningkatan gred, kadar kelulusan, atau prestasi dalam mata pelajaran tertentu.

**Kata kunci :** Program Siswa Sulung, B40, luar bandar, pendidikan, keberkesanan program

## PROMOTING UKM'S NON-ENGLISH MAJORS' ENGLISH VOCABULARY ACQUISITION THROUGH GLOSSES

*Siti Nurfarahin Binti Yacoob  
Nurjanah Binti Mohd Jaafar*

### ABSTRACT

Reading comprehension is vital for academic success across disciplines, with vocabulary knowledge serving as its foundation. This study investigates the effectiveness of glosses as a vocabulary learning method in enhancing English vocabulary acquisition and reading comprehension among non-English major undergraduates at Universiti Kebangsaan Malaysia. The study employed an experimental research design, grouping participants into two: the experimental and control groups. Both groups were asked to read an English passage containing pseudowords. This passage has two versions, and the experimental group received one with glosses while the control group received the one without glosses. A post-reading task which consists of questions that measured the participants' vocabulary acquisition and comprehension of the passage was administered immediately after the reading task. Preliminary results show the crucial role of English vocabulary size on vocabulary acquisition and comprehension scores, irrespective of the inclusion of glosses in the passage.

**Keyword:** reading comprehension, glosses, vocabulary acquisition, lextale, pseudowords.

# ANALISIS SENTIMEN SISTEM EMERIT UKM

*Nur Amira Farisha Binti Mohd Yusri*

*Masnizah Binti Mohd*  
[masnizah.mohd@ukm.edu.my](mailto:masnizah.mohd@ukm.edu.my)

*Program Sains Komputer (Sains Data) Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kajian Analisis Sentimen Sistem Emerit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertujuan untuk meneliti persepsi dan impak Sistem Emerit yang baharu diperkenalkan di UKM pada sesi 2022/2023 yang lalu. Sistem ini direka untuk mengukur kelayakan pelajar dalam mendapatkan penempatan kolej bagi sesi seterusnya, dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti pendapatan isi rumah, badan beruniform, i-STAR, dan kecemerlangan akademik. Kajian ini menggunakan teknik Pemprosesan Bahasa Tabii (PBT) untuk menganalisis sentimen yang dinyatakan dalam pelbagai data teks, termasuk kiriman media sosial dan komen-komen terbuka dari saluran Telegram “UKM Confessions”. Data ini dikumpulkan daripada pelajar, pihak kolej, atau pentadbir secara ‘anonymous’ untuk mendapatkan pandangan komprehensif mengenai Sistem Emerit. Analisis ini akan memfokuskan kepada penerimaan dan persepsi komuniti UKM terhadap sistem ini, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi sentimen seperti kriteria ganjaran, ketelusan sistem, dan kesannya terhadap motivasi pelajar dan pencapaian akademik. Penemuan projek ini akan memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kelebihan atau kekurangan Sistem Emerit, serta mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan. Kesimpulan daripada kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak universiti dalam meningkatkan keadilan, penerimaan, dan keberkesanan sistem ganjaran berasaskan merit, sekaligus memanfaatkan komuniti UKM secara keseluruhan.

**Kata kunci:** Analisis Sentimen, Sistem Emerit, Pemprosesan Bahasa Tabii, Kolej UKM, UKM Confessions, i-STAR

**AN INVESTIGATION OF VERBAL AND NON-VERBAL PRODUCTIONS  
DURING ORAL PRESENTATIONS AMONG UKM'S ELS  
UNDERGRADUATES WITH PRESENTATION ANXIETY**

*Sarannyathirshini A/P Anandarao*

*Fuzirah Binti Hashim*

**ABSTRACT**

This study delves into the realm of speech anxiety during presentations, exploring its manifestations, impacts, and potential management strategies. With a focus on understanding the cognitive and affective aspects of communication anxiety, the research employs thematic and inferential analyses to uncover themes and draw conclusions from collected data. Utilizing a questionnaire survey, incorporating elements from the Personal Report of Communication Apprehension (PRCA-24), and semi-structured expert interviews, the study examines the relationship between presentation anxiety and English proficiency. Through descriptive and inferential statistical analyses, the research aims to shed light on the complexities of verbal and non-verbal communication apprehension among undergraduate students. By addressing the gaps in existing literature and proposing practical interventions for educators, this study seeks to enhance the public speaking skills of students, ultimately contributing to their academic and professional development.

**Keyword:** speech anxiety, public speaking, verbal communication, non-verbal communication, presentation anxiety, english proficiency, language proficiency



# PEMBENTUKAN KATA DALAM LAGU TRADISI MASYARAKAT BUGIS

*Amni Izzati Zainorin  
Harishon Radzi*

*Program Linguistik Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan  
Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Pembentukan kata merupakan satu proses bagaimana sesuatu kata itu dicipta. Pengkaji menjalankan kajian mengenai lagu tradisi Bugis yang mana merupakan bahasa minoriti di Malaysia. Walau bahasa ini merupakan bahasa minoriti, ianya masih kekal diguna pakai terutamanya dalam majlis keramaian seperti Majlis Perkahwinan. Objektif kajian ini ialah untuk membincangkan pembentukan kata dari aspek kata tunggal iaitu kata nama dan kata kerja . Kaedah yang digunakan ialah kajian teks dan kajian lapangan. Analisis kajian berasaskan kepada Prinsip Tatabahasa Dewan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan kata tunggal yang terkandung dalam lirik lagu tradisi Bugis. Kata tunggal yang dijumpai dapat menjelaskan leksikal kata nama dan kata kerja dalam lagu bahasa Bugis ini. Kesimpulannya, kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan serta pemangkin bagi pengkaji pada masa akan datang untuk melakukan kajian bahasa Bugis, pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Lirik lagu, bahasa Bugis, bentuk kata, kata tunggal, majlis perkahwinan

# **PENYEBARAN VARIAN LEKSIKAL KATA ADJEKTIF DI KUALA SELANGOR: PENDEKATAN GIS**

*Amal Nabilah Mohamad Helmi  
Harishon Radzi*

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik Fakulti Sains Sosial dan  
Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Geolinguistik ialah gabungan ilmu geografi dengan ilmu linguistik. Kajian ini menjelaskan berkenaan variasi bahasa di sesuatu kawasan. Jadi kajian ini adalah berkaitan penyebaran varian kata adjektif “kotor” dan “cantik” di Kuala Selangor. Melalui kajian ini, menjelaskan tentang penelitian linguistik iaitu dialek dengan pengaruh bukan linguistik seperti persempadanan, topografi dan migrasi. Seramai 172 responden daripada 30 buah kampung yang telah dipilih. Kajian ini dijalankan menggunakan perisian Geographical Information System (GIS). Penghuraian kajian ini dijelaskan berdasarkan peta penyebaran varian yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Kajian ini berobjektifkan dengan mengenal pasti penyebaran varian bunyi dan leksikal kata adjektif di Kuala Selangor, menganalisis penyebaran varian bunyi dan leksikal kata adjektif berdasarkan faktor linguistik dan bukan linguistik, menghasilkan peta penyebaran varian bunyi dan leksikal kata adjektif. Metodologi kajian adalah kajian lapangan dengan membuat soal selidik dan temu bual. Tiga kategori responden iaitu warga emas, dewasa dan remaja. Kajian telah dilakukan telah meliputi beberapa buah mukim yang berbeza. Kesimpulannya, pengkaji telah menghasilkan peta penyebaran isoglos dan peta choropleth. Hasil daripada dapatan kajian, terdapat 8 varian bagi kata adjektif “kotor” serta 9 varian bagi kata adjektif “cantik” dalam dialek Melayu Selangor.

**Kata kunci:** Geolinguistik, GIS, isoglos, kata adjektif, sebaran

# PENGGUNAAN KATA TERBITAN DALAM LAGU BERTEMAKAN KEPIMPINAN: SATU

*Che Nur Farhan Najwa Azhad*

*Harishon Radzi*  
[naslin@ukm.edu.my](mailto:naslin@ukm.edu.my)

*Program Linguistik Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik Fakulti Sains Sosial dan  
Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Lagu walaupun digunakan sebagai hiburan, di dalamnya masih mengandungi mesej yang cuba disampaikan kepada pendengar, malah terdapat juga fenomena di mana lagu dikaitkan secara langsung dengan ciri-ciri kepimpinan para Perdana Menteri (PM) Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada kajian morfologi, perkaitan antara lagu dan kepimpinan yang diberi tajuk Penggunaan Kata Terbitan dalam Lagu Bertemakan Kepimpinan: Satu Analisis Morfologi. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti lirik lagu bertemakan PM Malaysia, mengkategorikan kata terbitan yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tersebut dan menganalisis pembentukan kata terbitan berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan (2010). Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif. Data kajian merupakan satu video berdurasi 46 saat yang telah dimuat turun melalui aplikasi media sosial TikTok. Langkah-langkah yang diambil adalah dengan mendengar, mengamati, melakukan transkripsi lirik lagu, mengkategorikan kata terbitan dan menganalisis kata terbitan yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut. Analisis mendapati lagu yang bertemakan PM kelapan hanya mempunyai kata terbitan jenis awalan sahaja, manakala lagu bertemakan PM kesembilan memiliki kesemua jenis kata terbitan berawalan, berakhiran dan berapitan. Kajian menunjukkan lagu sebagai satu aspek seni akan mampu menyerlahkan mesej yang cuba disampaikan.

**Kata kunci:** Lirik lagu, kepimpinan, kata terbitan, TikTok, Perdana Menteri Malaysia

# ANALISIS LINGUISTIK PENGGUNAAN BENTUK BAHASA SINGKATAN DI WHATSAPP DALAM KALANGAN GENERASI Z

*M. S. Nik Puteri Fatin Nor'ain*

*Maslida Yusof*  
[maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)

*Program Pengajian Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan  
Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

## ABSTRAK

Kemunculan Generasi Z atau iGeneration dalam aplikasi WhatsApp telah membawa satu anjakan paradigma baharu dalam arena Linguistik Melayu. Sifat kedinamikan bahasa Melayu itu sendiri yang sedia menerima perubahan telah mewujudkan pelbagai bentuk kata, terutamanya penggunaan bentuk bahasa singkatan yang ketara hasil daripada perubahan generasi pengguna bahasa moden dalam media sosial. Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan kepada fenomena linguistik yang menjadi pilar pembentukan penggunaan bahasa singkatan di WhatsApp. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kepelbagaian bentuk singkatan dan membincangkan ciri-ciri umum linguistik bahasa singkatan dalam teks perbualan WhatsApp. Kajian yang memanfaatkan pengkategorian bahasa singkatan oleh Supyan Hussin (2005) ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap korpus teks perbualan WhatsApp. Hasil kajian mendapati bahawa pengguna generasi Z kerap menggunakan bahasa singkatan seperti singkatan lazim, singkatan pengguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial. Pembentukan sedemikian menggambarkan bahawa remaja kini sedang giat berkreatif dengan bahasa yang secara langsung membawa kepada fenomena linguistik yang ketara.

**Kata kunci:** Gaya Bahasa WhatsApp, Gen Z, Sociolinguistik, Bahasa Singkatan, Komunikasi

# VARIASI KATA GANTI NAMA DALAM DIALEK MELAYU DI KELANTAN SELATAN: ANALISIS GIS

*Muhammad Danial Aiman Bin Azmi*

*Siti Noraini Hamzah*  
[snoraini@ukm.edu.my](mailto:snoraini@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

## ABSTRAK

Kebanyakan kajian dialek di Malaysia sebelum ini telah banyak memberikan maklumat tentang perbezaan dari segi leksikal dan fonologi. Pemaparan taburan dialek dalam kajian lepas kebanyakan menggunakan kaedah tradisional untuk melakar peta isoglos sehingga menyebabkan kekaburan dalam lakaran tersebut. Namun, kemajuan teknologi yang semakin berkembang pada hari ini membolehkan peta isoglos dapat dihasilkan secara tepat dengan menggunakan perisian Geographic Information System (GIS). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti variasi leksikal kata ganti nama 'saya', 'kamu' dan 'mereka' yang wujud dalam dialek Kelantan Selatan dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian dialek ini melibatkan tiga daerah utama di Kelantan Selatan iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Data-data dikumpul menerusi kaedah kajian lapangan di 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan yang melibatkan tiga kategori umur iaitu remaja, dewasa dan warga tua. Data tersebut kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan GIS. Hasil kajian telah membuktikan bahawa sebanyak 7 varian yang ditemui bagi merujuk kepada kata ganti nama 'saya', 6 varian mewakili kata ganti nama 'kamu' manakala sebanyak 4 varian bagi kata ganti nama 'mereka' yang telah dikenal pasti dalam kalangan penutur dialek di Kelantan Selatan. Hal ini telah menunjukkan bahawa teknologi GIS bukan sahaja mampu melakar isoglos dengan tepat tetapi ia dapat menunjukkan bahawa faktor bukan linguistik seperti geografi, migrasi, demografi dan sempadan menjadi faktor tambahan kepada penyebaran sesuatu dialek di satu-satu kawasan.

**Kata kunci:** Dialek, isoglos, Geographic Information System (GIS), variasi leksikal, geolinguistik

# TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN ALAT KOMUNIKASI AUGMENTATIF DAN ALTERNATIF (AAC) DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK SINDROM DOWN

*Mariam Zahiah Tazali*

*Anis Shahirah Mohamad Shukran*

*Mohammad Hafiz Zaini*  
[mhz@ukm.edu.my](mailto:mhz@ukm.edu.my)

*Program Pendidikan Khas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menegaskan di dalam aspirasi sistem pendidikan iaitu akses pendidikan, di mana setiap individu perlu mendapat tempat dan akses dalam pendidikan. Kajian ini membincangkan penggunaan alat komunikasi augmentatif dan alternatif (AAC) dalam memberi impak pemerolehan bahasa kepada murid berkeperluan pendidikan khas Sindrom Down. Kajian kualitatif ini dijalankan kepada 3 orang guru pendidikan khas di Kiwanis Down Syndrome Foundation-National Centre Malaysia. Hasil kajian ini meunjukkan bahawa penggunaan AAC ini memberi impak yang sangat positif dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak Sindrom Down khususnya. Kesimpulannya, kajian ini memberi dorongan kepada pendekatan intervensi yang lebih holistik dan berorientasikan teknologi dalam pembangunan kemahiran bahasa kanak-kanak dengan Sindrom Down. Penggunaan AAC bukan sahaja memberikan alternatif yang berkesan akan tetapi ia juga dapat dimodifikasikan dengan keperluan individu agar membolehkan kanak-kanak Sindrom Down mengatasi cabaran dalam komunikasi dan pembelajaran dengan lebih baik. Oleh itu, pendekatan penyelidikan ini bukan sahaja memberikan manfaat langsung kepada kanak-kanak dengan Sindrom Down tetapi juga menyumbang kepada pemahaman kita tentang bagaimana teknologi boleh digunakan dalam pembangunan kemahiran bahasa dalam kalangan populasi kumpulan ini.

**Kata kunci:** AAC, keberkesanan penggunaan AAC, pemerolehan bahasa kanak-kanak Sindrom Down

# ANALISIS WACANA KRITIS DALAM POSTER SUMBANGAN TABUNG PALESTIN

*Wan Nurfatina Nabila Wan Mohd Rusdi*

*Suziana Mat Saad*  
[suziana@ukm.edu.my](mailto:suziana@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat dan negara iaitu sebagai alat komunikasi. Bahasa juga berperanan sebagai medium untuk menyampaikan sesebuah maklumat dan merupakan suatu lontaran idea. Selari dengan isu yang berlaku, kepentingan bahasa telah menjadi alat bagi penghasilan poster sumbangan tabung Palestin yang bertujuan mendorong masyarakat untuk menderma. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri linguistik (nahu dan leksikal) dan bukan linguistik (semiotik) wacana yang terdapat dalam poster sumbangan tabung Palestin berdasarkan dimensi amalan sosial oleh Fairclough, menganalisis sifat kewacanaan dalam poster sumbangan Palestin dan menghuraikan unsur yang tersirat dalam wacana poster sumbangan tabung Palestin berasaskan intertekstual, semiotik dan keinterdiskursiviti poster tersebut. Kajian ini memanfaatkan pendekatan analisis wacana kritis yang diperkenalkan oleh Fairclough (1992) dan diubahsuai oleh Idris (2010). Analisis kajian adalah berdasarkan kepada gabungan ciri teks, sifatkewacanaan dan semiotik dalam 11 data poster sumbangan tabung Palestin yang diambil menerusi data dari laman web. Dapatan awal kajian memperlihatkan bahawa poster sumbangan tabung Palestin banyak menggunakan ilustrasi yang menonjol melalui ciri tekstual dan amalan wacana dalam teks yang dikaji bagi menggambarkan situasi semasa yang berlaku di sana. Dapat disimpulkan bahawa selain memberikan kesedaran terhadap masyarakat tentang konflik yang berlaku, ini juga dapat mendorong ramai lagi untuk terus menghulurkan bantuan terhadap negara Palestin.

**Kata kunci:** Analisis wacana kritis, poster, Palestin, semiotik, dimensi amalan sosial

**PEMBELAJARAN BERPADU DALAM PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA:  
PENGUNAAN TEKNOLOGI BERASASKAN WEB DAN KEMAHIRAN  
ABAD KE-21PELAJAR BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA  
(ESL)**

*Nor Fatin Jassni*

*Hanita Hanim Ismail*  
[hanitaismail@ukm.edu.my](mailto:hanitaismail@ukm.edu.my)

*Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua, Fakulti  
Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600, Malaysia*

**ABSTRAK**

Kajian ini menyelidik tentang pembelajaran berpadu (BL) dalam konteks Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL) di institusi pengajian tinggi Malaysia. Dengan fokus meningkatkan kemahiran abad ke-21, kajian ini meneroka potensi manfaat BL melalui teknologi berasaskan web, terutamanya dalam konteks 'normal baru' pasca-pandemik. Hubungan positif antara BL dan keyakinan sendiri serta kecekapan pelajar dalam Bahasa Inggeris ditekankan. Kajian ini mengemukakan BL sebagai strategi efektif untuk melahirkan graduan yang holistik dan merangkumi jurang pengetahuan dalam penggunaan BL, terutamanya melibatkan teknologi berasaskan web. Dilakukan dengan sekumpulan pelajar pra-siswazah, kajian ini bertujuan memaparkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran abad ke-21 melalui BL, dengan menggunakan metodologi kualitatif dan temu ramah menyeluruh. Walaupun hasil kajian menyumbang kepada kaedah pengajaran ESL dan pembangunan kemahiran abad ke-21, terdapat juga batasan dalam kajian ini, termasuk subjektiviti dan kecenderungan dalam data yang dilaporkan sendiri. Lingkup kajian terhad kepada kumpulan tertentu yang mempunyai sifat berjaga-jaga dalam mengumumkan hasil kepada populasi ESL secara lebih meluas. Cadangan masa depan merangkumi penyelidikan dengan sampel yang lebih besar dan pelbagai, serta tempoh intervensi yang diperpanjang untuk memahami kesan BL secara mendalam terhadap kemahiran abad ke-21.

**Kata kunci:** pembelajaran berpadu, pendidikan tinggi, pelajar ESL, kemahiran abad ke-21, teknologi berasaskan web



# PERSEPSI PELAJAR MAJOR BAHASA TERHADAP PENGGUNAAN EMOJI DALAM KOMUNIKASI ELETRONIK

*Ain Nadhirah Binti Ayub*  
[a186527@siswa.ukm.edu.my](mailto:a186527@siswa.ukm.edu.my)

*Anis Nadiah Che Abdul Rahman*  
[aniscar@ukm.edu.my](mailto:aniscar@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

## ABSTRAK

Dalam masyarakat yang dipacu teknologi hari ini, emoji sering digunakan sebagai kaedah visual yang popular untuk menyatakan emosi, fikiran dan idea. Penggunaan emoji membantu dalam komunikasi berkesan dalam perbualan digital dengan menyampaikan sentimen, niat dan sikap. Dengan memberikan isyarat visual tanpa adanya komunikasi lisan, penggunaan emoji dapat memastikan pemahaman yang jelas dan mengelakkan salah tafsir. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi dan tafsiran pelajar major bahasa terhadap emoji dalam komunikasi digital, dan untuk menilai implikasi sama ada positif atau negatif yang dikaitkan dengan setiap emoji. Populasi sampel terdiri daripada pelajar jurusan bahasa tahun tiga di Universiti Kebangsaan Malaysia, termasuk pelajar lelaki dan perempuan yang berumur 20 hingga 25 tahun. Penyelidikan ini akan melibatkan pengumpulan dan penganalisan data berangka melalui reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk memenuhi objektif kajian. Kajian ini menunjukkan bahawa emoji memainkan peranan penting dalam komunikasi digital, kerana terdapat persetujuan mengenai pemahaman pelajar tentang beberapa emoji tertentu manakala untuk emoji yang lebih rumit atau kabur adalah tertakluk kepada tafsiran yang pelbagai. Pelajar yang mengambil jurusan pengajian bahasa kebanyakannya mempunyai persepsi yang positif terhadap emoji, tetapi salah faham terhadap emoji tertentu juga boleh menghalang komunikasi yang jelas dan berkesan. Kajian ini mengesahkan bahawa emoji adalah penting dalam komunikasi elektronik untuk pelajar major bahasa sebagai alat tambahan untuk menyampaikan emosi, ungkapan dan makna dalam mesej teks.

**Kata kunci:** Emoji, Komunikasi elektronik, Persepsi, Pelajar major bahasa, Penafsiran.

# DASAR PENDIDIKAN TINGGI KOLONIAL DI TANAH MELAYU, 1819-1928

*Muhammad Firdaus Mohamed Yunus*

*Mohd Shazwan Mokhtar*

[msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Kertas kerja ini meneliti pembentukan dasar pendidikan tinggi kolonial di Tanah Melayu sejak tahun 1819 hingga 1928. Perkembangan awal pendidikan tinggi kolonial dikesan sejak tahun 1819 iaitu setelah Stamford Raffles tiba di Singapura. Sungguhpun begitu, sistem pendidikan tinggi hanya mula dibentuk di Tanah Melayu pada awal abad ke-20, iaitu setelah pentadbir British mula memberi penekanan terhadap kemajuan pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana, wujudnya desakan dan petisyen daripada masyarakat elit kaum Cina di Singapura yang menuntut sebuah institusi pendidikan tinggi di bangunan. Kajian ini mengisi kelompongan sejarah pendidikan Malaysia era kolonial yang sebelum ini lebih memberi tumpuan dalam konteks perkembangan pendidikan sekolah. Kepentingan penelitian sejarah pendidikan tinggi adalah untuk merungkai akses dan matlamat pendidikan tinggi yang disediakan pihak kolonial di Tanah Melayu. Kaedah kajian sejarah digunakan dengan meneliti sumber primer seperti memo ucapan pegawai British dan *PK Secretariat Higher Education* untuk membuktikan proses pembentukan dasar, manakala sumber seperti *Annual Report On Education* dan *Colonial Office (CO)* untuk menjelaskan kesan pelaksanaan dasar pendidikan tinggi kolonial. Hasil kajian membuktikan, sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu secara rasminya bermula sebaik sahaja *King Edward VII College Of Medicine* ditubuhkan pada tahun 1905 kemudian diikuti dengan pembangunan *Raffles College* pada tahun 1928. Penubuhan institusi pendidikan tinggi juga selari dengan dasar British menubuhkan *Malay Administrative Service* sebagai peluang kepada masyarakat Melayu memenuhi sektor pekerjaan dalam pentadbiran kerajaan.

**Kata kunci:** Raffles College, King Edward VII College Of Medicine, Malay Administrative Service, petisyen dan Sejarah Pendidikan

# PEMBENTUKAN KATA TUNGGAL DOMAIN KEKELUARGAAN BERDASARKAN PRINSIPTATABAHASA DEWAN

*Irdina Balqis Rusli*

*Harishon Radzi*  
[naslin@ukm.edu.my](mailto:naslin@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan  
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting kepada setiap individu dan penggunaan yang betul perlulah dipupuk sejak dari kecil. Rancangan kanak-kanak yang memaparkan animasi atau kartun berilmiah adalah rancangan yang dapat membantu dalam perkembangan otak kanak-kanak. Pengkaji melaksanakan kajian mengenai penggunaan kata tunggal dalam rancangan kanak-kanak Alif dan Anis di Youtube. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti bentuk kata tunggal mengikut domain kekeluargaan iaitu masak, tidur dan main dalam rancangan kanak-kanak Alif dan Anis. Selain tu, pengkaji juga mengkategorikan kata tunggal dan menganalisis bentuk kata tunggal menggunakan Prinsip Tatabahasa Dewan. Kaedah kajian ini dijalankan adalah mengumpulkan data, menganalisis dan mengkategorikan data kepada penggolongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama. Hasil kajian menunjukkan terdapat penggunaan kata tunggal yang produktif dalam rancangan kanak-kanak Alif dan Anis kerana bersesuaian dengan usia mereka. Kesimpulannya, kajian ini memudahkan pengkaji melihat hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini untuk dijadikan bahan rujukan semasa menjalankan kajian akan datang. Pengkaji juga boleh melihat dengan jelas dan memahami topik kajian yang menumpukan aspek morfologi sahaja.

**Kata kunci:** Kata tunggal, domain kekeluargaan, penggolongan kata, kanak-kanak, Youtube

# FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMEROLEHAN BAHASA INGGERIS REMAJA YANG BERMASALAH PENDENGARAN DALAM KELUARGA NORMAL : SATU KAJIAN PSIKOLINGUISTIK

*Nur Zarith Sofia*

*Ashinida Aladdin*  
[ashi@ukm.edu.my](mailto:ashi@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial  
dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Komunikasi adalah aspek penting dalam kehidupan manusia, dan kebanyakan orang cenderung berinteraksi secara lisan. Malahan, penguasaan berkomunikasi dalam bahasa terutamanya bahasa kedua dapat memberi pelbagai faedah kepada seseorang individu. Walau bagaimanapun, bagi individu yang mempunyai masalah pendengaran, belajar bahasa kedua menjadi cabaran yang signifikan. Dalam pendidikan bahasa, mereka mungkin mengalami kesukaran dalam mempelajari tatabahasa dan memahami nuansa bunyi bahasa. Pengkaji menjalankan kajian mengenai seorang pelajar yang mengalami masalah pendengaran dan ditempatkan di kelas pendidikan khas. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa pelajar bermasalah pendengaran dalam keluarga normal dan meneliti tahap pemerolehan bahasa kedua bagi pelajar yang bermasalah pendengaran. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif di mana sampel kajian turut diperolehi daripada ahli keluarga pelajar tersebut. Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat jurang dalam metodologi pengajaran untuk pelajar yang bermasalah pendengaran dan faktor-faktor seperti motivasi, sikap, kebolehan, serta bimbingan keluarga menjadi titik utama dalam pemerolehan bahasa. Kesimpulannya, kajian ini dapat membantu memudahkan pengkaji melihat hasil kajian yang telah dijalankan sebagai rujukan kajian akan datang. Pengkaji juga berharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai pemerolehan bahasa kedua, terutama di kalangan individu yang menghadapi masalah pendengaran.

**Kata kunci:** Pemerolehan bahasa kedua, masalah pendengaran, faktor, penyampaian bahasa

# MAKNA SIRATAN BAHASA FIGURATIF DALAM CERPEN PILIHAN KARYA A. SAMAD SAID

*Nur Yusra Nabihah Binti Baharuddin*  
[nuryusra2001@gmail.com](mailto:nuryusra2001@gmail.com)

*Siti Noraini Hamzah*  
[snoraini@ukm.edu.my](mailto:snoraini@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

## ABSTRAK

Bahasa figuratif merupakan gaya bahasa tersirat yang menjadi sebahagian daripada ilmu sastera dan linguistik. Gaya bahasa ini digunakan dalam karya kreatif dan karya bukan kreatif. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan bahasa dalam karya kreatif iaitu cerpen. Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenal pasti penggunaan bahasa figuratif yang digunakan dan menganalisis makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen karya A. Samad Said menggunakan teori relevans. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif menggunakan kajian kepustakaan dan analisis teks. Cerpen “Dosa Pejuang” karya A. Samad Said iaitu sasterawan negara digunakan untuk mendapatkan data kajian. Kajian ini dijalankan berpandukan Teori Relevans yang dicetuskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan kemudiannya diperkukuhkan pada tahun 1995. Teori Relevans merupakan pendekatan yang menitikberatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses dalam memahami makna ujaran. Kajian memfokuskan kepada bahasa figuratif seperti personifikasi, metafora, simile dan hiperbola. Hasil kajian menunjukkan bahawa Teori relevans berjaya merungkaikan makna sebenar bahasa figuratif dalam cerpen Dosa Pejuang yang ingin disampaikan pengarang untuk difahami oleh pembaca. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa figuratif mempunyai peranan penting untuk mempengaruhi minat pembaca dalam meningkatkan tahap pemahaman mengenai sesuatu perkara.

**Kata Kunci:** bahasa figuratif, cerpen, Teori Relevans, gaya bahasa, karya kreatif

# GENERATION ALPHA'S ILLUSTRATION PREFERENCES IN LEARNING MALAY PROVERBS

*Siti Nabilah Binti Yusuf*

*Neesa Ameera Mohamed Salim*

## ABSTRACT

Malay proverbs represent a vital component of Malay cultural legacy deserving preservation to enlighten future generations. Additionally, these proverbs are infused with moral values that foster the development of virtuous characteristics within Generation Alpha. Yet, the intricate and complex nature of Malay proverbs has hindered Generation Alpha's inclination to engage with them. Concurrently, comics and illustrations have emerged as primary sources of entertainment for this demographic. This study seeks to investigate the preferred type of illustration styles among Generation Alpha for learning Malay proverbs and the underlying reasons for their preferences. Employing qualitative methods (focus group discussion, content analysis), the study was conducted across four pre-schools in Malaysia, encompassing both rural and urban settings. The results suggest that Generation Alpha shows a strong preference for the Cartoon illustration style when learning Malay Proverbs. This approach aims to offer a new and engaging method for preserving cultural traditions, promoting communication and connectivity within the community, conveying values and ethics, improving language abilities, nurturing cultural identity, and imparting practical wisdom for daily life.

**Keywords:** *illustration style, malay proverb, local identity, cultural identity, Generation alpha, cartoon*

# **THE ROLE OF DESIGN LANGUAGE IN ENHANCING LOCAL IDENTITY: A CASE STUDY BY A LOCAL BRAND (APOM MALAYSIA)**

*Noor Sahirah Bt Md Nayan*

*Neesa Ameera Mohamed Salim*

## **ABSTRACT**

Design language refers to a consistent and cohesive visual and stylistic system used in design. It encompasses the collective choices and elements that give a product, brand, or user interface a distinct and recognizable identity. This language includes aspects such as color schemes, typography, iconography, layout principles, and other design elements. The objectives of this study are to define the design language used by a local brand, APOM Malaysia, that promotes the culture and identity of Malaysia through its products and to analyze how design language plays a role in enhancing local brand identity. This study uses qualitative methods through observation study and visual analysis. The results of the study show that APOM Malaysia's design production has helped to dignify and introduce the Malaysian identity to consumers of their products and tourists.

**Keywords:** *Design Language, local identity, cultural products, graphic design, language*

# PEMILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN MASYARAKAT KAHWIN CAMPUR ANTARA ETNIK JAWA DAN BUGIS DI JOHOR

*Mohammad Aliff Najmi Baharin*

*Wan Robiah Meor Osman*  
[mowrobiah@ukm.edu.my](mailto:mowrobiah@ukm.edu.my)

*Program Pengajian Bahasa Melayu*

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Setiap individu mempunyai identiti kaum yang tersendiri dan bahasa merupakan aspek utama yang dilihat untuk mencerminkan identiti diri. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan penelitian terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat kahwin campur antara etnik Jawa dan Bugis di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini berpaksikan objektif yang dipilih iaitu mengenal pasti pemilihan bahasa menerusi domain kerangka domain Fishman (1972) dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat perkahwinan campur bagi etnik Jawa dan Bugis di Kota Tinggi, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif terhadap 50 orang masyarakat setempat yang sememangnya berkahwin campur dan berasal daripada keturunan kahwin campur. Analisis terhadap data kajian yang dijalankan mendapati bahawa masyarakat tersebut lebih selesa menggunakan bahasa Jawa dan Bugis mengikut situasi dan keadaan masyarakat sekeliling. Situasi ini disebabkan oleh beberapa faktor kepada pemilihan bahasa oleh masyarakat tersebut iaitu sebagai bahasa keturunan, bahasa berkomunikasi sejak kecil, kebiasaan berkomunikasi dan persekitaran responden yang dikelilingi oleh penutur bahasa Jawa dan Bugis. Kajian menunjukkan bahasa Jawa dan Bugis masih digunakan di Kota Tinggi namun generasi di bawah 18 tahun sudah tidak mempunyai kemahiran berbahasa tersebut kerana menganggap tidak relevan dan tidak mempunyai nilai ekonomi ekoran pengaruh dan kesan komunikasi moden kini.

**Kata Kunci:** Pemilihan Bahasa, Kahwin Campur, Jawa, Bugis, Domain Fishman



# **KATA KERJA BAHASA JAKUN: ANALISIS KERANGKA MINIMALIS**

*Nurul Hana Mohamad Ali*

*[hanaali476@gmail.com](mailto:hanaali476@gmail.com)*

*Fazal Mohamed Mohamed Sultan*

*[fazal@ukm.edu.my](mailto:fazal@ukm.edu.my)*

*Program Linguistik*

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Bahasa Jakun ialah bahasa Austronesia yang merupakan cabang kepada Bahasa Melayu Purba. Carey (1976) mengatakan bahawa bahasa Jakun telah banyak meminjam kosa kata dan nahu daripada bahasa Melayu. Pernyataan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji struktur ayat khususnya kata kerja dalam bahasa Jakun. Oleh hal yang demikian, makalah ini membincangkan Kata Kerja Bahasa Jakun: Analisis Kerangka Minimalis. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kata kerja bahasa Jakun dengan menggunakan pendekatan Kerangka Minimalis. Pengkaji telah menemu bual 4 responden yang merupakan penutur natif bahasa Jakun yang merupakan penduduk di Kampung Tenggalong, Rompin, Pahang. Kajian ini mendapati bahawa struktur ayat bahasa Jakun adalah sama dengan bahasa Melayu, di mana strukturnya adalah SUBJEK-KERJAAN-OBJEK (SKO) dan dapat disimpulkan bahawa kata kerja yang didapati dalam bahasa Jakun terbahagi kepada tiga iaitu kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif.

**Kata kunci:** Kata kerja, Bahasa Jakun, Analisis Kerangka Minimalis, Austronesia, Orang Asli

**PERALIHAN KOD BAHASA MELAYU DAN INGGERIS DALAM  
KOMUNIKASI HARIAN DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
MALAYA**

*Siti Nurafiqah Ilyana Nor Azizi*

*Nur Aqilah Naqibah Nik Mohd Ali Khanafiah*

*Siti NurQamarina Jamaludin*

*Lew Zheng Hui*

*Maizura Osman*

[mai.zura@um.edu.my](mailto:mai.zura@um.edu.my)

*Jabatan Linguistik Melayu*

*Akademi Pengajian Melayu*

*Universiti Malaya*

**ABSTRAK**

Makalah ini membincangkan fenomena peralihan kod yang berlaku di kalangan pelajar Universiti Malaya (UM). Peralihan kod merupakan situasi penutur bahasa menggunakan dua bahasa atau lebih dalam sesuatu ujaran. Fenomena ini sering digunakan dalam komunikasi harian telah menjejaskan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur peralihan kod, menganalisis jenis peralihan kod yang wujud dalam komunikasi harian pelajar, serta menghuraikan kesan peralihan kod ke atas pelajar UM. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pengaplikasian kaedah pemerhatian, instrumen soal selidik, rakaman audio dan video. Analisis kandungan diteliti menerusi data media sosial pelajar UM. Skop kajian terhadap kepada pelajar UM meliputi semua fakulti dan tahun pengajian. Pemilihan responden dilakukan secara rawak. Data diperolehi merangkumi 108 soal selidik dan melalui akaun media sosial pelajar menerusi Telegram, WhatsApp dan Instagram. Teori Poplack digunakan dalam menganalisis data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa jenis peralihan kod yang paling banyak digunakan oleh pelajar UM ialah intra-ayat manakala inter-ayat merupakan jenis yang paling kurang digunakan. Pelajar berpendapat bahawa peralihan kod telah memberi kesan terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Kesimpulannya, kajian ini memberi kesedaran kepada pelajar untuk mendorong mereka meningkatkan pemahaman bahasa Melayu supaya keaslian dan martabat bahasa Melayu dijaga.

**Kata kunci:** peralihan kod, komunikasi harian, pelajar, Universiti Malaya, Teori Poplack

**EFEKTIVITAS PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PROFESI  
GURU (PPG) DALAM JABATAN TERHADAP PENINGKATAN  
PROFESIONALISME GURU EKONOMI**

*Dinda Marisa*  
*Nazaruddin Ali Basyah*  
[nazar@usk.ac.id](mailto:nazar@usk.ac.id)

*Jurusan Pendidikan Ekonomi*  
*Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia*

**ABSTRAK**

Salah satu cara untuk dapat meningkatkan kompetensi guru adalah dengan mengikuti program pendidikan profesi. Program pendidikan profesi yang diselenggarakan oleh pemerintah untuk guru adalah program pendidikan profesi guru atau dikenal dengan PPG. PPG adalah program pendidikan yang diselenggarakan untuk mempersiapkan S1 kependidikan dan S1/DIV non-kependidikan yang memiliki minat dan bakat menjadi guru agar menguasai kompetensi guru secara utuh sesuai dengan standar nasional pendidikan sehingga dapat memperoleh sertifikat pendidik profesional untuk memiliki pekerjaan dengan persyaratan keahlian khusus. PPG terbagi menjadi dua, yaitu Prajabatan dan Dalam Jabatan. Penelitian ini bertujuan untuk menguji efektivitas pelaksanaan program pendidikan profesi guru (PPG) dalam jabatan terhadap peningkatan profesionalisme guru ekonomi di FKIP USK. Pendekatan penelitian ini adalah kuantitatif dengan jenis penelitian deskriptif, penelitian ini dilaksanakan di PPG FKIP USK. Dengan sampel sejumlah 29 orang guru ekonomi dalam jabatan terlibat dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data pada penelitian ini dengan memberikan kuisisioner skala likert. Teknik analisis data yang digunakan dalam penelitian ini adalah SPSS 25 dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Terdapat 40 item kuisisioner instrumen penelitian dalam kajian ini yang terdiri dari 15 item variabel Pendidikan Profesi Guru (X) dan 25 item variabel Profesionalisme Guru Ekonomi dalam Jabatan (Y).



*Tema 4*

# MEDIA & KOMUNIKASI

# KEBERGANTUNGAN KHALAYAK TERHADAP KREATIVITI KANDUNGAN KECANTIKAN TIKTOKER DI MALAYSIA

*Sharifah Nurhanni Fasahah Wan Narudin*

*Mohd Nor Shahizan Ali*  
[shahizan@ukm.edu.my](mailto:shahizan@ukm.edu.my)

*Program Komunikasi dan Pengajian Media  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi*

## ABSTRAK

Populariti penggunaan aplikasi TikTok semakin meningkat naik berbanding aplikasi media sosial yang lain. Ke kerapannya menonton kandungan di TikTok seperti kandungan kecantikan menimbulkan pelbagai kesan kepada penggunanya. Kelebihan pada aplikasi TikTok ini mempengaruhi khalayak untuk terus mendokong sehingga timbul sikap kebergantungan terhadap platform media sosial TikTok. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti kesan kebergantungan khalayak dan kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker di Malaysia serta hubungan kesan-kesan kebergantungan khalayak terhadap kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker di Malaysia. Kajian ini juga mengkaji pengaruh kesan kebergantungan khalayak terhadap kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker di Malaysia. Teori Kebergantungan Media (Theory of Media Dependency) digunakan dalam menjalankan kajian ini untuk menilai hubungan dan pengaruh kesan kebergantungan khalayak terhadap kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker. Kajian ini mengaplikasikan kajian deskriptif kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 384 orang responden telah dipilih secara rawak dalam kalangan pengikut akaun TikTok @shahiraazlan. Hasil kajian menunjukkan kesan perasaan (Afektif) dan kreativiti kandungan kecantikan berada pada tahap tinggi manakala pengetahuan (Kognitif) dan tingkah laku pada tahap sederhana tinggi. Keputusan analisis korelasi menunjukkan kesan kebergantungan khalayak mempunyai hubungan positif terhadap kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker dengan pemboleh ubah perasaan mempunyai hubungan yang lebih kuat diikuti tingkah laku dan pengetahuan. Analisis regresi menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara kesan kebergantungan khalayak dengan kreativiti kandungan kecantikan Tiktoker. Perasaan dan tingkah laku menyumbang secara unik terhadap kreativiti kandungan kecantikan. Implikasi kajian ini menyokong Teori Kebergantungan Media, apabila terdapat satu hubungan penting dalam kalangan khalayak, media dan sistem sosialnya. Dalam erti kata lain, penghasilan kandungan kecantikan Tiktoker memerlukan kesan kebergantungan khalayak dan media TikTok. Secara keseluruhan perasaan suka terhadap kandungan yang dihasilkan di TikTok menyebabkan kebergantungan kepada khalayak yang membawa sumbangan besar ke arah perubahan sistem sosial dalam konteks kesedaran kecantikan.

**Kata kunci:** Media Sosial TikTok, Teori Kebergantungan Media, Kreativiti Kandungan

# **IMPAK PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP AMALAN PENGAMBILAN MAKANAN DALAM KALANGAN BELIA**

Siti Nurhidayah binti Kamarudin  
Fatin Umaira binti Muhammad Azian

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Program Sains Pembangunan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: [fatin.umaira@ukm.edu.my](mailto:fatin.umaira@ukm.edu.my)

## **ABSTRAK**

Media sosial hari ini bukan sesuatu yang asing dan telah menjadi sumber maklumat utama bagi hampir semua masyarakat di dunia. Pendedahan pelbagai perkara mudah didapati dengan cepat dan pantas begitu juga dengan sesetengah perkara atau isu viral yang sering menjadi tumpuan warganet. Begitu juga dengan makanan viral yang sering mendapat tontonan yang tinggi di platform media sosial sehingga mempengaruhi pengguna media sosial untuk mencuba makanan viral tersebut tanpa mengira kandungan makanan tersebut sihat atau sebaliknya. Masalah ini sering berlaku dari kalangan belia memandangkan majoriti pengguna tertinggi media sosial terdiri dari belia. Maka, kajian ini perlu dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan amalan pemakanan yang sihat terhadap belia dan mengkaji impak media sosial terhadap amalan pengambilan makanan belia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik sebagai instrumen kajian kepada 150 orang belia di daerah Kluang, Johor. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Dapatan bagi kajian ini mendapati bahawa pengaruh media sosial memberi impak kepada amalan pengambilan makanan belia dari aspek sosiobudaya, kesihatan dan kewangan. Oleh itu, belia haruslah meningkatkan kesedaran terhadap amalan pengambilan makanan dan mengawal diri daripada terpengaruh dengan perkara yang boleh mendorong ke arah impak yang negatif kepada diri.

**Kata kunci:** Media sosial, pemakanan, amalan, tabiat, beli

# **PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA**

*Maizatul Adriana Binti Rosli  
Umi Nadia Binti Sharudin  
Nor Juliana Binti Jaseni  
Siti Marahaini Binti Mat Noor  
Nur Amirah Binti Che Abd Aziz  
Maizura Binti Osman*

*Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*

## **ABSTRAK**

Masyarakat Malaysia kaya dengan budi bahasa dari segi pertuturan dan juga perbuatan. Namun pada masa kini, media sosial telah mempengaruhi cara masyarakat berbahasa sehingga mewujudkan pencemaran bahasa Melayu. Justeru kajian ini secara khusus bertujuan mengenal pasti aspek linguistik, menganalisis aspek linguistik berdasarkan teori linguistik yang dipengaruhi oleh media sosial terhadap penggunaan bahasa pelajar Universiti Malaya dan menghuraikan kesan pengaruh media sosial terhadap penggunaan bahasa pelajar Universiti Malaya. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan kaedah analisis kandungan media sosial yang digunakan oleh pelajar Universiti Malaya serta instrumen soal selidik serta temu bual dijalankan. Sebanyak 120 soal selidik berjaya dikumpulkan daripada pelajar-pelajar Universiti Malaya meliputi keseluruhan fakulti dan semua tahun pengajian. Teori pilihan yang diguna pakai dalam menganalisis keempat-empat aspek linguistik adalah strategi ketidaksantunan Culpeper, kerangka Semantik Inkuisitif, Teori Autosegmental dan Teori K.Kanthimathi. Hasil kajian mendapati pengaruh media sosial melalui empat aspek iaitu peminjaman bahasa, percampuran kod, slanga dan ketidaksantunan bahasa mendatangkan implikasi kepada corak bahasa dalam kalangan pelajar Universiti Malaya. Kajian membuktikan bahawa penggunaan bahasa di media sosial telah mempengaruhi bahasa dalam komunikasi harian pelajar juga.

**Kata kunci:** media sosial, peminjaman bahasa, slanga, percampuran kod, ketidaksantunan bahasa



*Tema 5*

**TAMADUN,  
FALSAFAH,  
POLITIK,  
UNDANG-UNDANG  
DAN HUBUNGAN  
ANTARABANGSA**



# GELAGAT PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA NEGERI DI KAWASAN DUN APAM PUTRA, RANTAU PANJANG, KELANTAN

*Zulsyazrina binti Jusoh*

*Junaidi Awang Besar*  
[jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

*Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kemenangan calon Parti Islam Se-Malaysia di kawasan kajian iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) N.16 Apam Putra menunjukkan gelagat pengundi yang terpengaruh dengan tindakan dan tekad daripada calon PAS yang seterusnya berjaya mengekalkan kerusi (DUN) dengan jayanya di kawasan tersebut. Gelagat pengundi yang berbeza adalah dipengaruhi oleh maklumat politik yang diterima daripada pelbagai sumber. Ini membabitkan sama ada parti pemerintah atau pembangkang yang kemudian dinilai oleh pengundi berdasarkan pengetahuan dan kecenderungan mereka. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis gelagat pengundi dalam Pilihan Raya Negeri 2023 di kawasan N.16 DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan menggunakan soal selidik, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data primer adalah dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden (pengundi) merujuk maklumat politik dan hal ehwal semasa berdasarkan media elektronik dan media alternatif serta sumber lain di kawasan kajian. Majoriti responden memberi reaksi negatif terhadap isu dasar Kerajaan Persekutuan/Pakatan Harapan dan yang lainnya bersikap neutral terhadap isu sedemikian yang tidak melibatkan mereka secara langsung. Bagi isu dasar Kerajaan Negeri/PAS pula, pengundi mempunyai persepsi yang positif terhadap pemerintahan yang dilaksanakan. Mereka juga berpuas hati dengan keperluan dan keinginan di kawasan kajian. Tambahan juga, jika dilihat dari sudut pembangunan moral dan rohani adalah program pembangunan yang paling memuaskan serta perpaduan rakyat memenuhi kepentingan pengundi dari aspek keharmonian dan kesejahteraan. Namun begitu, terdapat juga ketidakpuasan responden terutamanya pengundi muda dari aspek jaringan internet, pembangunan pusat perkilangan dan peluang pekerjaan. Hasil analisis keputusan PRN-15 di kawasan kajian adalah memihak kepada PAS mengikut pola pengundian berdasarkan DM, saluran mengundi dan lokasi geografi. Faktor kemenangan PAS di Kelantan secara keseluruhannya adalah berdasarkan pengaruh dan sentimen pengundi terhadap dasar pemerintahan Islam yang dibawa PAS manakala faktor kekalahan BN pula disebabkan faktor skandal politik, penyalahgunaan kuasa, dan faktor calon yang diboikot pengundi. Kajian pilihan raya yang dijalankan di negeri Kelantan adalah penting untuk menyumbang kepada pengetahuan geopolitik dan geografi pilihan raya kerana sumber rujukan yang terhad. Kesimpulannya, adalah diharapkan supaya setiap ahli politik dan parti politik bukan sahaja berpolitik tetapi dapat menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara.

**Kata kunci:** gelagat pengundi, maklumat politik, persepsi, perpaduan, pilihan politik.

**DINAMIKA POLITIK PILIHAN RAYA DI KAWASAN DUN PAROI,  
REMBAU,  
NEGERI SEMBILAN**

*Siti Sarah Syazwani binti Mizul*

*Junaidi Awang Besar*  
[jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

*Program Geografi*  
*Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*Bangi, Selangor, Malaysia*

**ABSTRAK**

Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 telah menyaksikan buat pertama kalinya parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) berjaya menewaskan Barisan Nasional (BN) di Negeri Sembilan yang merupakan kubu kuat bagi parti politik tersebut. Kemenangan yang diperoleh PH ini menunjukkan berlakunya dinamika politik yang menarik dan bervariasi yang bersandarkan kepada pengaruh isu, sentimen semasa, kepimpinan, dan strategi kempen. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis kepelbagaian faktor yang menyumbang kepada dinamika politik di kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan yang dilihat sering berlakunya pola perubahan sokongan di kawasan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian mendapati bahawa 96 peratus responden menganggap perubahan politik mencerminkan keperluan atau aspirasi rakyat. Seterusnya, 85 peratus responden menganggap Kerajaan Perpaduan sekarang betul-betul berkhidmat untuk rakyat dan bukannya masih berpolitik untuk mengekalkan kuasa semata-mata dan 85 peratus responden menerima pembentukan Kerajaan Perpaduan yang diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim. Seterusnya, 90 peratus responden menyatakan fahaman politik kepartian memberi kesan kepada pilihan politik di kawasan kajian. Hasil kajian juga mendapati bahawa kesemua 50 peratus responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

**Kata kunci:** fahaman politik, parti politik, dinamika politik, perpaduan, pilihan politik

# FAKTOR DAN IMPAK PERSEMPADANAN SEMULA BAHAGIAN PILIHAN RAYA DUN SUNGAI RAMAL, SELANGOR 2003 DAN 2018 DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI GIS

*Nur Farah Hanani Binti Mohd Ruslee*

*Junaidi Awang Besar*  
[jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

*Program Geografi*  
*Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*Bangi, Selangor, Malaysia*

## ABSTRAK

Penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sejak akhir ini, secara tidak langsung telah meningkatkan penggunaan teknik dalam proses pilihan raya. Aplikasi ini mampu mengesan elemen yang mencurigakan dalam bentuk ‘gerimander’ dalam kajian persempadanan semula sesuatu kawasan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk mengkaji faktor dan impak persempadanan semula di DUN Sungai Ramal pada tahun 2003 dan 2018 menggunakan aplikasi GIS. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan temu bual dan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan penguasaan parti politik sebelum dan selepas persempadanan semula dalam pilihan raya. Persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 diguna pada PRU 2004. Pada PRU tersebut, DUN Sungai Ramal diwakili oleh Amran Kasimin (BN/UMNO) yang menang dengan majoriti 3,708 undi. Kemudian pada PRU 2008, calon PAS iaitu Dr. Shafie Abu Bakar menang dengan majoriti 6,192 undi. Seterusnya pada PRU 2013, calon PAS yang baharu iaitu Ustaz Shafie Ngah pula menang dengan majoriti 11,838 undi. Kemudian persempadanan semula bahagian pilihan raya 2018 diguna pada PRU 2018 dengan Mazwan Johar (PKR/AMANAH) menang dengan majoriti 10,630 undi. Kemudian pada PRN 2023, DUN Sungai Ramal ditawan oleh PN/PAS iaitu Mohd Shafie Ngah yang menang dengan majoriti 7,767 undi. Kawasan DUN Sungai Ramal berkomposisikan majoriti kaum Melayu iaitu 78.45%, seterusnya kaum India sebanyak 10.02% dan kaum Cina sebanyak 9.28%. Kawasan majoriti etnik Melayu ini antara kubu kuat PAS disebabkan pengaruh pengikut pusat pengajian dan perubatan agama yang dipimpin oleh anak murid Allahyarham Dato’ Harun Din yang dahulunya juga merupakan salah seorang kepimpinan tinggi PAS Pusat. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat menilai isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

**Kata kunci:** parti politik, gerrymandering, pemilih, persempadanan semula, GIS

# PERBANDINGAN PERSEMPADANAN SEMULA BAHAGIAN PILIHAN RAYA DUN KAJANG, SELANGOR 2003 DAN 2018 MELALUI APLIKASI GIS

*Nur Ainn Binti Zuhadi*

*Junaidi Awang Besar*  
[jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

*Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Pilihan Raya Umum (PRU) merupakan peristiwa penting di Malaysia dalam menetapkan kuasa politik dalam pentadbiran kerajaan. Berdasarkan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS), perbezaan pengaruh kuasa politik dapat dilihat sebagai tunjang utama dalam menyebarkan ideologi parti masing-masing. Konsep *gerrymandering* digunakan di negara ini bagi meluaskan kuasa politik mereka. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan makalah ini untuk mengkaji perbandingan persempadanan semula di kawasan DUN Kajang pada tahun 2003 dan 2018 menggunakan aplikasi GIS. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan melalui temu bual terhadap informan, pemerhatian di lapangan serta melibatkan penggunaan aplikasi GIS. Hasil kajian mendapati bahawa persempadanan semula menyebabkan kedudukan DUN Kajang berubah daripada berada dalam Parlimen Hulu Langat kepada Parlimen Bangi kerana berlaku peluasan kawasan mengundi di kawasan tersebut. Peningkatan kawasan Daerah Mengundi pada tahun 2018 dipengaruhi oleh faktor pertambahan penduduk/pengundi, proses perbandaran, kewujudan kawasan perumahan dan bandar baharu dan peningkatan kegiatan sosioekonomi di kawasan tersebut. Faktor sokongan pengundi terhadap parti politik pula adalah disebabkan faktor isu semasa, sentimen pengundi, 3M (Money, Media & Machinery) dan kepimpinan parti politik. Faktor ini secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah pengundi mengikut komposisi etnik iaitu Melayu 40.39 peratus, Cina 43.43 peratus, India 14.71 peratus dan selebihnya adalah etnik lain. Persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 diguna pada PRU 2004. Pada PRU tersebut, DUN Kajang diwakili oleh Low Lee Leng (BN/MCA) yang menang dengan majoriti 2,773 undi. Kemudian pada PRU 2008, calon PKR iaitu Cikgu Lee Kim Sin berjaya menawan kawasan tersebut iaitu menang dengan majoriti 3,268 undi. Seterusnya pada PRU 2013, calon PKR yang baharu iaitu Lee Chin Cheh pula menang dengan majoriti 6,824 undi. Kemudian persempadanan semula bahagian pilihan raya 2018 diguna pada PRU 2018 dengan calon baharu daripada PKR iaitu Hee Loy Sian menang dengan majoriti 30,755 undi. Kemudian pada PRN 2023, DUN Kajang terus dimenangi oleh calon baharu PH-PKR iaitu David Cheong Kian Young dengan majoriti 34,394 undi. Kesimpulannya, kajian ini penting bagi memastikan keberkesanan sistem politik dalam memenuhi keperluan pengundi kerana ianya dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat dalam proses pengundian. Malaysia yang memiliki kepelbagaian etnik memerlukan sebuah parti politik yang kukuh bagi memastikan keharmonian masyarakat terjamin.

**Kata kunci:** pilihan raya, pengundi, persempadanan semula, GIS, konsep *gerrymandering*

# TINGKAH LAKU POLITIK PENGUNDI DI KAWASAN DUN PANCHOR, KELANTAN

*Abdul Aly Syafiq Bin Mohd A'Asri*

*Junaidi Awang Besar*

*[jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)*

*Program Geografi*

*Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Bangi, Selangor, Malaysia*

## ABSTRAK

Dinamika politik Malaysia yang unik mempengaruhi tingkah laku politik masyarakat untuk mengundi parti politik kegemaran masing-masing sebagai salah satu hak rakyat untuk mengundi pemimpin yang berkaliber. Pemahaman atau ideologi sesebuah parti politik yang berbeza mampu mencorakkan tahap tingkah laku individu tersebut untuk keluar mengundi parti kegemaran berdasarkan minat, tingkah laku dan tahap pemahaman individu terhadap parti politik tersebut. Tingkah laku politik pengundi juga memberi salah satu perhatian terhadap fenomena politik yang berlaku dan menfokuskan kepada struktur dinamika politik itu sendiri dan bagaimana ia mempengaruhi keputusan politik, kuasa dan struktur sosioekonomi negara. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan makalah ini untuk mengkaji faktor sokongan pengundi terhadap parti politik di kawasan DUN Panchor, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data digunakan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Hasil kajian mendapati bahawa 96 peratus responden menyatakan faktor utama pengundi mengundi Perikatan Nasional (PN) adalah atas dasar pengalaman dan jasa ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19. Seterusnya, 96 peratus responden menganggap PAS memperjuangkan syariat Islam sebagai tonggak tertinggi dan 58 peratus responden pula mengundi PH disebabkan oleh parti berbilang kaum yang sesuai dengan etnik pengundi. Seterusnya, 83.7 peratus responden menyatakan jasa BN dalam memajukan negara merupakan salah satu faktor pengundi mengundi Barisan Nasional (BN). Hasil kajian juga mendapati bahawa 100 responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan. Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapat menambah ilmu pengetahuan, dapat memberi penerangan tentang sikap pengundi yang mencorakkan identiti parti politik itu sendiri, dapat menambah data berkaitan kajian politik pilihan raya dan diharap menjadi rujukan kepada parti politik dan pihak kerajaan supaya dapat meneliti isu dan permasalahan yang berlaku agar lebih peka dalam memenuhi keperluan masyarakat sebaik mungkin.

**Kata Kunci:** tingkah laku politik, parti politik, pengundi, fahaman politik, pilihan politik

## **PERKEMBANGAN DAN KEGIATAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) DI SEREMBAN, 1948-1960**

*Muhammad Najwan Shahidan*

*Muhammad Syazwan Jalaluddin*

*Zulqarnain Su Azhar*

*Mohd Ashraf Ibrahim*

*[mohdashrafibrahim28@gmail.com](mailto:mohdashrafibrahim28@gmail.com)*

*Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan  
Jabatan Sejarah  
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar*

### **ABSTRAK**

Pengisytiharan darurat pada 16 Jun 1948 oleh kerajaan British menyaksikan ketidakstabilan politik di Tanah Melayu yang berpunca daripada pemberontakan bersenjata yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Ancaman dan kekacauan yang dicituskan oleh PKM telah meletakkan seluruh Semenanjung Tanah Melayu berada pada situasi keselamatan yang genting dan mencemaskan. Perkara ini turut sama dihadapi oleh masyarakat di Negeri Sembilan terutamanya di daerah Seremban yang menyaksikan rentetan siri kes serangan dan kematian yang tinggi. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan sejauh mana perkembangan dan aktiviti bersenjata PKM di Seremban telah meninggalkan impak terhadap keadaan masyarakat daripada aspek politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian, pendekatan kualitatif telah digunakan iaitu kajian perpustakaan dengan berpandukan kepada sumber primer seperti laporan terbitan kerajaan, akhbar dan penggunaan pelbagai sumber sekunder seperti buku dan artikel ilmiah. Hasil kajian menunjukkan sememangnya aktiviti keganasan yang dikepalai oleh PKM di Seremban telah meninggalkan impak yang besar terhadap aspek ekonomi, sosial dan politik Negeri Sembilan. Pembukaan sebanyak 11 buah Kampung Baru di Seremban menjadi bukti bahawa gerakan bersenjata tajaan PKM telah banyak mempengaruhi struktur kehidupan masyarakat.

**Kata kunci:** Komunis, Kampung Baru, Seremban, Negeri Sembilan, Tanah Melayu

# KONFLIK PEMILIKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH ADAT ORANG ASAL DI SARAWAK

*Nur Hidayah binti Zubairi*  
[a187744@siswa.ukm.edu.my](mailto:a187744@siswa.ukm.edu.my)

*Mohd Rizal bin Mohd Yaakop*  
[rizaly@ukm.edu.my](mailto:rizaly@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*(UKM)*

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti konflik pemilikan dan pembangunan tanah adat di Sarawak dengan memberi tumpuan terhadap isu yang timbul dalam usaha untuk melindungi tanah adat seperti yang ditinggalkan oleh budaya dan adat sesebuah komuniti. Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan budaya, adat dan komuniti yang pelbagai sehingga mewujudkan corak yang pelbagai di Malaysia. Oleh itu tanah adat di Sarawak merupakan aspek penting untuk melindungi keunikan tersebut. Bagi meneliti konflik pemilikan dan pembangunan tanah adat di Sarawak, kajian menggariskan tiga objektif. Pertama, menjelaskan sekiranya undang-undang tanah mampu melindungi pihak komuniti untuk memperoleh tanah adat di Sarawak. Kedua, mengolah cabaran yang dilalui oleh komuniti Sarawak dalam usaha melindungi tanah adat daripada dimiliki aktor lain. Ketiga, mengenal pasti sekiranya proses pembangunan menyumbang kepada kesan buruk terhadap pemilikan tanah adat serta menjejaskan kehidupan komuniti. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual, kajian perpustakaan, jurnal akademik dan pemerhatian. Hasil kajian ini menemukan tiga dapatan. Pertama, undang-undang yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada situasi serta tidak berunsurkan berat sebelah kepada mana-mana pihak. Kedua, cabaran yang dilalui dalam usaha untuk mempertahankan tanah adat telah memberi impak kepada kehidupan terhadap komuniti di Sarawak. Ketiga, proses pembangunan merupakan faktor terhadap kebangkitan konflik pemilikan tanah adat. Oleh itu, kepentingan komuniti Sarawak dan juga pembangunan perlu selari supaya tiada pihak yang tertindas.

**Kata kunci:** Isu Pemilikan Tanah Adat, Komuniti di Sarawak, Pembangunan, Undang-Undang Tanah, Adat dan Budaya, Tanah Adat

**PENDIDIKAN POLITIK: KAJIAN KES UNDI18 PASCA PILIHAN RAYA  
UMUM KE-15 (PRU15) DI KAWASAN PARLIMEN P.108 SHAH ALAM**

*Nurul Najeaha Ahmad Ezani*

*Muhammad Rahimi Hasan*  
[rahimihasan@ukm.edu.my](mailto:rahimihasan@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains  
Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).*

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti isu pendidikan politik dalam kalangan anak muda pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) berdasarkan kajian kes pindaan had umur pengundi 18 tahun atau Undi18 di kawasan Parlimen P. 108 Shah Alam – Kajian dijalankan di Shah Alam kerana ia merupakan kawasan bandar yang mendapat pendedahan politik yang lebih pesat berbanding kawasan pedalaman oleh kerana aktiviti sosialisasi politik yang sering dijalankan. Bagi meneliti isu pendidikan politik ini, kajian menggariskan tiga objektif kajian utama. Pertama, menjelaskan kefahaman politik anak muda terhadap penglibatan politik mereka. Kedua, membincangkan inisiatif kefahaman anak-anak muda dan keberkesanannya dalam pilihan raya. Ketiga, menilai impak penglibatan belia dalam sosialisasi politik konvensional impak terhadap pendemokrasian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pengumpulan data menerusi kaedah kajian perpustakaan di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), kajian elektronik dan temu bual. Hasil kajian ini menemukan tiga dapatan kajian. Pertama, kefahaman politik anak muda didapati bermula sejak beberapa dekad lalu. Kedua, inisiatif kefahaman anak muda didapati memberi kesan kepada pembentukan demokrasi melalui pilihan raya. Ketiga, impak penglibatan belia dalam sosialisasi politik konvensional didapati mencapai matlamat dalam pendemokrasian negara. Maka, pendidikan politik dalam konteks Undi18 mengusulkan bahawa pendidikan politik perlu dikenalkan secara rasmi dalam sistem pendidikan.

**Kata kunci:** Pendidikan politik, Undi18, Anak muda, Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dan P. 108 Shah Alam



**SOSIALISASI BUDAYA POLITIK DI MALAYSIA: KAJIAN KES  
MASYARAKAT DI PERMATANG PAUH PASCA PILIHAN RAYA UMUM  
KE-14 (PRU14)**

*Intan Syahidah Sudin*

*Muhammad Rahimi Hasan*  
[rahimihasan@ukm.edu.my](mailto:rahimihasan@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains  
Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti isu sosialisasi budaya politik di Malaysia dengan tumpuan khusus terhadap kajian kes masyarakat di Permatang Pauh Pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Permatang Pauh telah dipilih sebagai tempat kajian kerana kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor kejatuhan kumpulan politik yang telah mendominasi pentadbiran politik kawasan tersebut sejak 40 tahun yang lalu. Bagi meneliti isu sosialisasi budaya politik ini, kajian menggariskan tiga objektif kajian yang utama. Pertama, menjelaskan faktor-faktor kejatuhan parti Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Pakatan Harapan (PH) dalam aspek perubahan corak dan budaya sosialisasi yang dibawa oleh masyarakat di Permatang Pauh. Kedua, mengenal pasti agen sosialisasi yang membawa pengaruh terkuat dan memberikan kesan yang paling signifikan terhadap pemahaman politik generasi muda di Permatang Pauh dalam keputusan PRU15. Ketiga, menilai impak proses sosialisasi politik terhadap kemunculan dan perkembangan elemen negatif seperti ketaksuban dan ekstremisme. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan menerusi kaedah pemerhatian, temu bual, soal selidik dan kajian perpustakaan. Hasil kajian ini menemukan tiga dapatan kajian. Pertama, antara faktor kejatuhan PKR dan PH didapati merupakan kesan daripada penglibatan golongan belia dalam pilihan raya umum. Kedua, agen-agen sosialisasi yang telah membawa kesan yang ketara terhadap pemahaman politik generasi muda ialah media, ibu-bapa dan keluarga serta rakan sebaya. Ketiga, impak proses sosialisasi politik terhadap kemunculan elemen negatif ketaksuban dan ekstremisme adalah berlakunya konflik perkauman dan agama yang lebih kritikal. Maka, kajian terhadap sosialisasi budaya politik di Permatang Pauh ini mengusulkan agar pemahaman politik dapat diterapkan dalam bentuk yang lebih formal seperti pendidikan bermula di peringkat sekolah menengah.

**Kata kunci:** Sosialisasi budaya politik, Permatang Pauh, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), Pakatan Harapan (PH) dan Ekstremisme

# FASILITI PERTAHANAN PANGKALAN TENTERA LAUT DIRAJA BRITISH DI SINGAPURA 1914-1950

*Wan Azrul Hakim Wan Mustapa Kama*

*Mohd Shazwan Mokhtar*  
[msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Kertas kerja ini meneliti pembangunan kemudahan dan infrastruktur pertahanan Pangkalan Tentera Laut British di Singapura antara tahun 1914 hingga 1950. Kemudahan yang dibangunkan oleh Tentera Laut British di pangkalan tentera laut merupakan elemen penting bagi melicinkan pengoperasian pangkalan tentera selain memberi kemudahan kepada masyarakat bandar setempat. Perkembangan teknologi dan infrastruktur yang moden telah mendorong Armada Laut British di Singapura untuk meningkatkan lagi pertahanan di pangkalan tentera laut termasuklah pembinaan pembangunan seperti hospital di kawasan pangkalan tentera laut. Bagaimanapun, perkembangan sains dan teknologi era kolonial masih kurang mendapat perhatian pengkaji sejarah di Malaysia. Kepentingan aspek kajian ini adalah untuk membuktikan keupayaan pertahanan Pangkalan Tentera Laut British dalam memberi akses kemudahan pertahanan seperti limbungan kapal, depoh stesen minyak, stesen udara, dan kelengkapan teknologi persenjataan moden. Kemudahan kesihatan turut dibangunkan untuk anggota dan pegawai Tentera Laut British yang bertugas di pangkalan tersebut. Kebanyakan kajian lepas dalam aspek pertahanan di Singapura adalah lebih tertumpu dalam konteks perkembangan kerja-kerja pertahanan di Singapura berbanding proses pembangunan Pangkalan Tentera Laut Diraja British. Kertas kerja ini adalah bagi meneliti peranan Tentera Laut British dalam membangunkan pelbagai kemudahan di pangkalan mahupun kawasan setempat. Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan sejarah. Analisis kandungan sumber primer untuk meneliti peranan Tentera Laut British dan proses pembangunan pangkalan tentera laut ialah fail kolonial *CO 273 Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence*. Sumber akhbar juga digunakan untuk memperolehi maklumat mengenai pembangunan kemudahan kesihatan dan stesen udara Laut British.

**Kata Kunci:** Sejarah Pertahanan; Imperialisme British; Teknologi Perang; Armada Laut; Negeri-Negeri Selat

# PENGUKUHAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU ERA PEMERINTAHAN SULTAN ZAINAL ABIDIN III

*Muhammad Amir Rizal Mohd Roslin*

*Mohd Shazwan Mokhtar*  
[msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Kertas kerja ini menganalisis pengukuhan pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu semasa era pentadbiran Sultan Zainal Abidin III iaitu antara pada tahun 1910 hingga tahun 1918. Tumpuan diberikan kepada peranan Sultan Zainal Abidin III berhadapan dengan Agen Penasihat British di Terengganu pada tahun 1910. Sumbangan utama baginda ialah dengan menggubal '*Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk*' pada tahun 1911. Penggubalan undang-undang ini bertujuan mengekang campur tangan Agen Penasihat British di Terengganu dan mengukuhkan bidang kuasa sultan sebagai pemerintah tertinggi dalam kerajaan negeri. Kajian ini mengisi lompang pensejarahan yang lebih menumpukan kajian terhadap '*Itqanul al-Muluk Bitiadil al-Suluk*' tanpa menghubungkaitkannya dengan matlamat mengekang campur tangan Agen Penasihat British di Terengganu. Justeru, analisis kajian ini digalurkan sejak kewujudan struktur pentadbiran kerajaan negeri sebelum kedatangan British, hinggalah tahun 1918. Kaedah kajian sejarah digunakan untuk merungkai bidang kuasa sultan, isu-isu pentadbiran dan kedudukan Agen Penasihat British dengan melakukan analisis kandungan terhadap sumber primer seperti, Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Fail Pejabat Kolonial dan Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British. Hasil kajian mendapati, tahun 1910 sehingga tahun 1918, adalah satu fasa di mana kuasa dan peranan Agen Penasihat British di Terengganu adalah terbatas. Hal ini demikian kerana, wujudnya undang-undang bertulis yang menjamin bidang kuasa sultan dan kewujudan struktur pentadbiran kerajaan yang sedia ada.

**Kata kunci:** Terengganu, Agen Penasihat, terbatas, pengukuhan, pentadbiran

# KEPENGUNAAN TEMBAKAU DARI PERSPEKTIF SEJARAH: SATU SOROTAN AWAL

*Ahmad Fithri Osman*

*Mohd Shazwan Mokhtar*  
[msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

## ABSTRAK

Kajian ini meneroka sejarah kepenggunaan tembakau dalam konteks global. Sejarah kepenggunaan tembakau boleh diteliti sejak zaman perdagangan awal iaitu dari abad ke 16 hingga kini. Tumpuan diberikan kepada peranan tembakau yang mempengaruhi perubahan sosioekonomi masyarakat global. Dalam perkembangan dunia moden, nama tembakau sudah dikenali dari pelbagai perspektif khususnya dalam aspek sosial dan ekonomi masyarakat global. Penggunaan tembakau mula mengalami perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat disebabkan sifat tembakau yang bersifat universal misalnya dari aspek sejarah, budaya, saintifik dan ekonomi. Berdasarkan hasil pensejarahan sarjana, kajian ini cuba untuk menghubungkan kait hubungan antara kepenggunaan tembakau dalam beberapa dimensi-dimensi utama iaitu sejarah, budaya, saintifik dan ekonomi. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis perkembangan kepenggunaan tembakau dalam aspek kehidupan sosioekonomi masyarakat dalam konteks sejarah. Berdasarkan kaedah kajian, kajian ini mengumpulkan dan menganalisis sumber primer seperti Fail Pejabat Kolonial dan Akhbar serta kajian-kajian terdahulu dari para sarjana untuk membuktikan perubahan penggunaan tembakau dalam konteks sosioekonomi masyarakat global. Hasil kajian mendapati kepenggunaan tembakau dalam kalangan masyarakat adalah signifikan. Malahan, tembakau juga memiliki nilai yang tinggi dan kepentingannya yang tersendiri khususnya dalam aspek sosioekonomi masyarakat global.

**Kata Kunci:** Tembakau, Sejarah, Saintifik, Budaya, Ekonomi, Sejarah Sosial, Sejarah Ekonomi

# FALSAFAH STOIKISME: PENGEDALIAN EMOSI DALAM KEHIDUPAN

*Muhammad Hasif Bin Rodzhi*

## ABSTRAK

Kebahagiaan merupakan salah satu tujuan terbesar dalam hidup yang ingin dicapai oleh setiap manusia dalam kehidupannya. Kebahagiaan ialah di mana seseorang itu mempunyai tahap emosi positif yang tinggi dengan tahap emosi negatif yang rendah sehingga emosi positif itu dapat mengawalinya untuk mencapai kebahagiaan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses mendapat kebahagiaan melalui Falsafah Stoikisme. Falsafah Stoikisme ini telah memperkenalkan beberapa cara untuk mencapai kebahagiaan dalam hidup. Antaranya ialah pengendalian emosi. Pengendalian emosi merupakan pengendalian diri terhadap emosi boleh dikatakan semua ahli Falsafah Stoikisme bersetuju dengan konsep pengendalian diri iaitu “Dikotomi kawalan” dapat membantu manusia untuk mencapai kebahagiaan. Dalam konteks hari ini, masalah mental dan tekanan merupakan suatu isu yang semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat. Melalui kajian ini juga pengkaji berusaha untuk membincangkan dengan lebih teliti dan mendalam mengenai konsep kebahagiaan melalui pengendalian emosi yang telah dikemukakan oleh Falsafah Stoikisme Dalam masa yang sama, pengkaji turut mengemukakan konsep kebahagiaan dan cara pengendalian emosi yang dirujuk di dalam buku “Meditations”. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa proses untuk mencapai kebahagiaan ini perlu kepada pengendalian emosi, dan pengkaji juga percaya bahawa dengan memahami konsep kebahagiaan yang dianjurkan oleh Falsafah Stoikisme dalam kehidupan seharian, manusia akan dapat menemui makna kebahagiaan hidup yang sebenar.

**Kata Kunci:** Falsafah Stoikisme, Kebahagiaan, Pengendalian Emosi, Dikotomi Kawalan

# PROJEK CYBERSYN DI CHILE: SOSIALISME, TEKNOLOGI, DAN SIBERNETIK EKONOMI

*Tong Mei Yu*

*Sity Daud*

[sitydaud@ukm.edu.my](mailto:sitydaud@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa Program Sains Politik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Projek Cybersyn ialah projek dalam bidang siberetik yang dibangunkan di Chile semasa pemerintahan sosialisme demokratik di bawah presiden Salvador Allende pada awal tahun 1970-an. Ia bertujuan untuk mewujudkan sistem membuat keputusan untuk mengurus ekonomi nasional. Objektif kajian ini ialah mengkaji peranan sistem siberetik seperti projek Cybersyn dalam pengurusan ekonomi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan fokus kepada negara Chile. Projek ini menggunakan teknologi komputer termaju pada masa itu untuk mengumpul dan memproses data daripada kilang dan menggunakannya untuk mengurus pengeluaran, pengedaran dan penetapan harga barang. Projek itu termasuk Viable System Model (VSM) iaitu model siberetik Stafford Beer untuk perancangan ekonomi, i.e., lima subsistem (Sistem 1 – Sistem 5); dan empat subprojek (Cybernet, Cyberstride, CHECO, dan Opsroom). Walaupun projek ini tidak pernah direalisasikan sepenuhnya kerana telah dihentikan secara tiba-tiba oleh rampasan kuasa oleh junta tentera, Projek Cybersyn kekal sebagai peristiwa penting dalam sejarah siberetik dan percubaan awal untuk menggunakan komputer untuk perancangan ekonomi.

**Kata Kunci:** Cybersyn, Siberetik, Siberetik Ekonomi, Teknologi, Viable System Model (VSM)



*Tema 6*

# SASTERA, SENI BUDAYA & AGAMA

# AKHLAK PEMIMPIN DAN MASYARAKAT MELAYU MUSLIM DALAM FILEM MAT KILAU: KEBANGKITAN PAHLAWANAN (2022)

*NorMahirah Binti Zabidi  
Nur Afifah Vanitha Abdullah*

*Program Persuratan Melayu,  
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

## ABSTRAK

Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) (FMKKP) arahan Syamsul Yusof telah di tayangkan pada 23 Jun 2022 dengan kutipan sebanyak RM 90 juta. Filem ini dihasilkan untuk memaparkan tentang perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin yang sering berlaku di sekeliling masyarakat Melayu di Malaysia. Filem MKKP ini juga lahir pada ketika ketidakstabilan politik Melayu di Malaysia selepas pilihan raya umum pada tahun 2018. Walaupun latar masa FMKKP adalah pada pertengahan kedua abad ke-19 dan mengisahkan tentang sejarah perjuangan Mat Kilau menentang penjajah British, namun filem ini memaparkan persamaan dari segi kepimpinan serta masyarakat Melayu yang tidak bersatu padu dalam mempertahankan bangsa dan negara di Malaysia pada masa kini. Sehubungan itu, objektif makalah ini bertujuan untuk meneliti aspek akhlak dalam FMKKP melalui kerangka analisis Pendekatan Dakwah. Penyelidikan fundamental dirangka dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian ini. Justeru itu, makalah ini juga menggunakan kerangka analisis Pendekatan Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang. Hasil perbincangan mendapati bahawa terdapat empat adab dalam aspek akhlak iaitu adab dengan pemimpin, adab dengan kawan, adab dengan keluarga serta adab dengan diri sendiri. Penelitian terhadap aspek tersebut menunjukkan bahawa masyarakat dalam FMKKP mempunyai akhlak yang baik dan buruk iaitu bersangka baik, setia kawan, berbakti pada ibu bapa, menjaga maruah diri, menuntut ilmu dan mengamalkannya, patuh pada suami, memberikan pendidikan kepada anak-anak dan bijak merancang strategi, ingkar arahan ketua dan isteri yang nusyuz.

**Kata kunci:** filem Melayu, Mat Kilau, Syamsul Yusof, Pendekatan Dakwah, aspek akhlak.



# **KRITIKAN SOSIAL TERHADAP MASYARAKAT DALAM FILEM MAGIKA (2010)**

*Muhammad Rozaini Bin Razak  
Nur Afifah Vanitha Abdullah*

*Program Persuratan Melayu,  
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

## **ABSTRAK**

Magika (2010) ini telah diarahkan oleh Edry Abdul Halim dan dibantu oleh Kumpulan KRU sebagai penerbit filem. Filem ini merupakan filem bergenre muzikal. Filem Magika telah menampilkan watak-watak yang terdapat dalam cerita rakyat daripada cerita yang berbeza namun ditemukan dalam satu filem yang sama menerusi dimensi watak yang berbeza. Watak yang ditampilkan bukanlah seperti kerangka atau model watak yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Dimensi watak yang diterapkan adalah terdiri daripada sudut positif dan negatif. Filem ini sarat dengan isu sosiologi masyarakat tempatan memaparkan sikap masyarakat melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Kesemua aspek yang dibincangkan dalam kajian ini adalah berlandaskan model pencerminan yang diperkenalkan oleh Karl Max dan Federick Engels. Objektif makalah ini bertujuan untuk meneliti kritikan sosial terhadap masyarakat yang terdapat dalam filem Magika (2010). Penyelidikan fundamental dirangka dengan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian ini. Dapatan kajian ini terdapat lapar kritikan yang dianalisis dalam makalah ini kritikan sosial masyarakat yang mementingkan harta, masyarakat yang bertindak melulu, masyarakat yang tidak menghormati orang tua, masyarakat yang sombong, masyarakat yang bahagia di atas penderitaan orang lain, masyarakat yang melakukan gangguan seksual, pembesar yang penakut, masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan masyarakat yang melakukan buli.

**Kata kunci:** Filem Melayu, Magika, Edry Abdul Halim, Teori Sosiologi, kritikan sosial.

# KAJIAN KEBIADABAN BAHASA BUKAN VERBAL DALAM KALANGAN BELIA DI BANDAR BARU BANGI

*Nur Dalila Sofiah Binti Mohd Hazron*  
[a186603@siswa.ukm.edu.my](mailto:a186603@siswa.ukm.edu.my)

Mohammed Azlan Mis  
[whg5026@ukm.edu.my](mailto:whg5026@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.*

## ABSTRAK

Bahasa adalah medium yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Oleh itu, kesantunan bahasa perlu dititikberatkan dalam kehidupan kerana ianya dapat mewujudkan suasana yang harmoni dalam kehidupan seharian. Penghasilan kajian ini berobjektifkan kepada tiga perkara, iaitu mengenal pasti jenis-jenis bahasa bukan verbal yang digunakan oleh golongan belia di Bandar Baru Bangi, menentukan kebiadaban bahasa bukan verbal yang digunakan dan menentukan kesan kebiadaban bahasa tersebut kepada golongan belia dan masyarakat. Pengkaji telah memilih Bandar Baru Bangi sebagai kawasan kajian dan mengambil seramai 70 orang belia untuk dijadikan responden dalam kajian ini. Kajian ini telah memanfaatkan pendekatan soal selidik, iaitu sebanyak 70 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun yang merangkumi tiga kaum, iaitu Melayu, Cina dan India. Pendekatan pemerhatian juga telah digunakan yang mana pengkaji melibatkan diri secara langsung bagi melihat bahasa bukan verbal tidak sopan yang sering digunakan oleh responden. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan peratusan dan jadual kekerapan untuk melihat skor data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati bahawa amalan kesantunan masih kekal diamalkan dalam kehidupan golongan belia kini kerana kebanyakan responden menjawab 'tidak pernah' terhadap soalan yang berkaitan dengan bahasa bukan verbal yang tidak sopan. Kajian ini juga mendapati bahawa kebiadaban bahasa bukan verbal boleh memberi kesan buruk kepada golongan belia dan masyarakat. Kajian yang dihasilkan telah mengembangkan bidang bahasa terutamanya bidang Sosiolinguistik dan secara tidak langsung dapat mengekalkan budaya kesopanan masyarakat di Malaysia serta memelihara nama negara dengan amalan kesantunan masyarakat yang berbilang kaum.

**Kata kunci:** Sosiolinguistik, kesantunan bahasa, kebiadaban bahasa, bahasa bukan verbal, belia.

## **AQLI WA AL-FAHMI: BUKTI KEWUJUDAN ALLAH SWT**

*Abdull Rahman bin Mahmood*

[abrm@ukm.edu.my](mailto:abrm@ukm.edu.my)

, *Wan Fariza Alyati binti Wan Zakaria,*

[aufaa@ukm.edu.my](mailto:aufaa@ukm.edu.my)

*Siti Fazlina binti Fairuz*

[a190475@siswa.ukm.edu.my](mailto:a190475@siswa.ukm.edu.my)

*Siti Nur Shaza Iffah binti Mohd Radzuan*

[a181263@siswa.ukm.edu.my](mailto:a181263@siswa.ukm.edu.my)

*Nursyahada binti Ahmad Tazilan*

[a182303@siswa.ukm.edu.my](mailto:a182303@siswa.ukm.edu.my)

*Nur Farisah Safiah binti Saifuddin*

[a180363@siswa.ukm.edu.my](mailto:a180363@siswa.ukm.edu.my)

*Nurina Mardiyah binti Abd. Razak*

[a190531@siswa.ukm.edu.my](mailto:a190531@siswa.ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Perkembangan era digital sekarang ini telah mempengaruhi konsep pendidikan moden. Maklumat-maklumat dapat dicapai dengan mudah dan meyakinkan. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh umat Islam adalah berkaitan dengan kewujudan Allah. Namun, pendekatan mengenai pendedahan ilmu akidah ini perlu dijelaskan secara lebih mudah. Jika sebelum ini, pendekatan yang dibawakan kurang menarik atau terlalu sukar untuk difahami maka kami berusaha untuk mencipta satu inovasi pembelajaran yang berbentuk digital bertemakan “Bukti Kewujudan Allah SWT”. Aplikasi ini bertujuan untuk memudahkan warga pendidik, mahasiswa/mahasiswi, para pelajar dalam memahami bukti kewujudan Allah. Aplikasi ini akan mengemukakan empat bukti utama kewujudan Allah SWT. Dapatan menunjukkan inovasi ini berjaya membantu pengguna untuk lebih faham dan yakin dengan kewujudan Allah serta menghayati kebesaran-Nya. Di samping itu, inovasi ini juga terdapat keunikannya yang tersendiri kerana para pengguna aplikasi ini akan dapat melihat integrasi antara al-Quran dan pelbagai disiplin ilmu iaitu falsafah, teori sains dan astronomi yang menjadi bukti kewujudan Allah SWT.

**Kata Kunci:** Kewujudan Allah, Astronomi, Sains, Falsafah, Al-Quran.

# INTERPRETASI MAKNA METAFORA DALAM AKHBAR PADA RUANGAN POLITIK : SATU ANALISIS TEORI RELEVANS

*Syahirah Alia*

[a186895@siswa.ukm.edu.my](mailto:a186895@siswa.ukm.edu.my)

*Siti Noraini Hamzah*

[snoraini@ukm.edu.my](mailto:snoraini@ukm.edu.my)

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.*

## ABSTRAK

Metafora Melayu dibentuk melalui kaedah atau proses perumpamaan atau perbandingan atau jenis yang bersifat analogis, kiasan, bidalan yang disampaikan melalui pelbagai jenis simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, mitonomi atau personafikasi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti metafora yang terdapat dalam akhbar, mengkategorikan metafora menggunakan pengkategorian yang sesuai dan menginterpretasi makna metafora yang digunakan dengan menggunakan teori Relevans. Kebanyakan kajian berkenaan metafora yang dijalankan adalah berkaitan dengan karya penulisan novel, penulisan pantun, syair dan sebagainya. Kajian metafora yang berkait dengan akhbar kurang dijalankan oleh mana- mana pengkaji. Percanggahan pendapat antara pengkaji-pengkaji bahasa dalam menentukan takrifan sebenar bagi metafora menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti metafora. Metodologi kajian bersifat kualitatif. Data diambil daripada akhbar Berita Harian pada ruangan politik. Kemudian data dianalisis dengan menggunakan Teori Relevans. Hasil dapatan menunjukkan bahawa metafora mempunyai gambaran melalui keserupaan dan lebih mudah difahami secara berkonteks. Penggunaan metafora dalam teks akhbar ini juga dapat memberi kesan kepada pembaca untuk mengetahui situasi politik yang sebenar. Oleh itu, jelaslah bahawa kandungan akhbar dapat ditafsir dengan baik dari sudut pragmatiknya jika dilakukan berdasarkan konteks yang difahami oleh pembaca.

**Kata kunci:** Metafora, teori Relevans, interpretasi, akhbar, politik

# DASAR EKONOMI MADANI DALAM KREATIVITI NOVEL NEON

*Nur Asyiqin Ibrahim*

*Mawar Safei*

[mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.*

*Program Persuratan Melayu*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kesusasteraan rata-rata menjadi wadah penyampaian ilmu kepada khalayak, termasuk pernyataan tentang ekonomi. Pengarang Imaen memanfaatkan novel Neon (2018) sebagai alat untuk mengapresiasi ilmu ekonomi yang secara tidak langsung merupakan idiosinkrasi pengarang. Latar belakang pengarang sebagai graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Malaya dan seorang pengusaha Jemari Seni Publication, menguatkan hujahan ekonomi yang dibangunkan. Fokus penceritaan ini memberatkan kelangsungan hidup watak Neo yang dilanda masalah kewangan kesan kesenjangan ekonomi negara. Objektif kajian ini ialah, (i) mengenal pasti latar ekonomi dalam novel Neon, (ii) menganalisis sosioekonomi watak-watak berdasarkan rukun Madani dan (iii) menghurai cabaran ekonomi Madani dalam Neon. Kajian kepustakaan diaplikasi untuk memperoleh bahan dan data. Hasil perbincangan tertumpu pada tema, watak, latar dan laras bahasa ekonomi. Kerangka ekonomi Madani yang terdiri daripada enam rukun iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dihubungkan dengan peranan watak dalam sosioekonomi. Kerumitan, percanggahan dan kekacauan merupakan halangan dalam kerangka Madani yang menjadi teras interpretasi cabaran ekonomi yang dihadapi watak dalam novel. Kekreatifan Imaen menyadur ekonomi dalam sastera menyumbang idea tinjauan ini. Penulisan ini menfokuskan pengamatan terhadap kreativiti dan strategi naratif Neon dengan melihat peranan dan reaksi watak-watak dalam sebuah ekonomi berdasarkan penyesuaian kerangka dasar ekonomi Madani.

**Kata kunci:** ekonomi, kerangka ekonomi Madani, kesusasteraan Melayu, novel Neon, novelis Imaen

# KREATIVITI DAN PSIKOGEOGRAFI DALAM NOVEL KUALA LUMPUR DI SEBALIK BULAN

*Nurathirah Balqis Brahim*

*Mawar Safei*

[mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*

*Program Persuratan Melayu*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Psikogeografi merupakan cabang kajian kesusasteraan yang meneliti hubungan antara persekitaran geografi dan pengalaman psikologi manusia dalam sesebuah karya. Kuala Lumpur di Sebalik Bulan (PENA, 2021) memperlihatkan kekreatifan Hafizah Iszahanid sebagai pengarang menggambarkan perkaitan antara landskap fizikal dengan kesan terhadap psikologi manusia. Garapan naratif tersebut dapat menggerakkan jiwa dan emosi pembaca melalui sebuah perjalanan yang ditempuhi watak-watak di Kuala Lumpur. Penetapan tiga objektif kajian dilakukan, iaitu (i) mengenal pasti bagaimana lokaliti Kuala Lumpur mempengaruhi watak sebagai flâneuse dari segi pemikiran, emosi dan tingkah laku dalam novel, (ii) menghuraikan penerokaan lokaliti Kuala Lumpur melalui watak dalam novel untuk menemukan makna dan (iii) menganalisis lokaliti Kuala Lumpur sebagai tempat penemuan diri watak dalam novel. Dua metodologi kajian digunakan, iaitu kajian kepustakaan dan kerangka psikogeografi oleh Guy Debord (1977). Dapatan kajian mengemukakan kreativiti pengarang mengolah penceritaan melalui hubungan antara pengaruh lokaliti Kuala Lumpur terhadap pemikiran, emosi dan tingkah laku watak yang dilihat sebagai flâneuse. Ditemui juga makna lokaliti Kuala Lumpur hasil daripada penerokaan yang dilakukan watak seperti kesepian, pengorbanan dan penderitaan watak-watak wanita. Watak-watak wanita rapuh dibina pengarang bertujuan mengangkat isu-isu wanita yang dianggap terpendam pada peringkat arus perdana. Akhirnya lokaliti tersebut menjadi tempat penemuan diri watak melalui peristiwa-peristiwa mendekatkan diri kepada Sang Pencipta.

**Kata kunci:** flâneuse, Hafizah Iszahanid, kesusasteraan Melayu, Kuala Lumpur, psikogeografi

# KONSEP KHIYAR DALAM TRANSAKSI JUAL BELI MAKANAN MELALUI APLIKASI FOODPANDA

*Nur Izzah Iwani binti Haris*

*Azlin Alisa Ahmad*  
[azlinalisa@ukm.edu.my](mailto:azlinalisa@ukm.edu.my)

*Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Prinsip perlindungan akad dalam jual beli secara atas talian seperti pihak yang berakad atau produk adalah penting bagi meningkatkan keyakinan dalam kalangan pengguna untuk terlibat dalam transaksi perniagaan. Ini adalah kerana pihak yang terlibat dalam urus niaga berada dalam keadaan saling berjauhan dan boleh mengundang elemen penipuan, salah nyata perincian produk dan lain-lain. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti konsep khiyar berdasarkan syariat Islam, mengkaji modus operandi dan isu-isu yang timbul dalam aplikasi Foodpanda serta menganalisis transaksi yang berlaku melalui aplikasi Foodpanda berdasarkan konsep khiyar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temubual. Kaedah ini adalah sesuai bagi mendapatkan dapatan kajian dan penyelidikan yang tepat berdasarkan realiti yang berlaku dalam kehidupan seharian. Hasil kajian mendapati transaksi yang dijalankan melalui aplikasi Foodpanda adalah menepati sebahagian daripada konsep khiyar menurut muamalat Islam. Namun, masih terdapat ruang penambahbaikan untuk mengoptimumkan konsep khiyar terhadap transaksi di Foodpanda seperti pelaksanaan khiyar syarat dan memuatkan garis panduan yang lebih jelas mengenai khiyar. Konsep khiyar mengikut muamalat Islam yang dapat difahami berdasarkan al-Quran dan hadis merupakan satu struktur ekonomi yang telah diatur secara menyeluruh dan memberi impak yang positif. Malahan, khiyar juga adalah jalan penyelesaian yang terbaik dalam permasalahan yang terjadi antara penjual dan pembeli.

**Kata kunci:** perlindungan, atas talian, penipuan, khiyar, Foodpanda

# MAKANAN TRADISIONAL MASYARAKAT MELAYU KELANTAN DAN PERANAKAN SIAM KELANTAN

*Siti Nor Alia Farhana binti Saidi*

*Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff*  
[yuszaidy@ukm.edu.my](mailto:yuszaidy@ukm.edu.my)

*Program Persuratan  
Melayu Fakulti Sains Sosial  
dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, Malaysia*

## ABSTRAK

Kertas kerja ini mengenai makanan tradisional masyarakat Melayu Kelantan dan peranakan Siam Kelantan. Kajian ini bersifat perbandingan antara makanan tradisional kedua-dua masyarakat ini. Makanan tradisional merujuk kepada makanan diperbuatkan yang berasaskan bahan seperti beras. Permasalahan kajian memperlihatkan penggunaan bahan beras dalam sebagai bahan utama menghasilkan makanan tradisional. Objektif kajian ini mengenai bahan beras yang menjadi bahan utama dalam menghasilkan laksa dan laksam. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan etnografi. Kajian ini mengaplikasikan kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan. Kaedah pemerhatian dipilih sesuai untuk memerhati dalam pemilihan bahan beras untuk menghasilkan laksa dan laksam. Kaedah kepustakaan sebagai menyokong kepada penggunaan data sekunder dalam kajian ini. Kajian ini telah memilih teknik analisis tematik apabila didapati sesuai untuk menyaring dan memisahkan data mentah kajian mengikut keperluan objektif kajian. Hasil dapatan kajian telah menemukan bahawa, makanan tradisional masyarakat Melayu Kelantan dan Peranakan Siam Kelantan mempunyai penggunaan beras sebagai bahan utama dalam pembuatan laksa dan laksam. Justeru kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan yang baharu kepada generasi muda dan amnya peminat laksa dan laksam.

**Kata kunci:** Beras; Laksam; Laksa; Melayu Kelantan; Peranakan Siam Kelantan



# KREATIVITI DAN REALITI SAINS DALAM NOVEL 2099: ILUSI UTOPIA KARYA SRI RAHAYU MOHD YUSOP

*Nur Natasha*  
*Che Abdullah Che Ya*  
[cheabd@ukm.edu.my](mailto:cheabd@ukm.edu.my)

*Program Persuratan*  
*Melayu*  
*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan*  
*MelayuFakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Karya fiksi sains merupakan suatu genre yang memmanifestasikan penerangan ilmu-ilmu dalam cabang sains yang digarap dan diolah secara kreatif dalam bentuk karya sastera. Pengarang karya sastera bergenre fiksi sains lazimnya mengangkat isu-isu tertentu dalam bidang sains yang wajar diberi perhatian oleh masyarakat umum. Kajian ini menganalisis novel 2099: Ilusi Utopia yang diterbitkan oleh The Patriots Publishing. Novel yang terbit padatahun 2022 ini menceritakan tentang keadaan hidup manusia sesudah dilanda banjir besar berjuang untuk hidup di atas tanah dalam kawasan industri dan tanah tinggi. Kajian yang dilakukan ini juga mempunyai tiga objektif, iaitu melihat kepengarangan genre fiksi sains Melayu, mengenal pasti unsur-unsur sains, dan menganalisis sejauh manakah unsur sains ini boleh dipertanggungjawabkan sebagai fakta ilmiah. Metodologi kajian menggunakan kaedahkualitatif, yang meliputi kajian kepustakaan dan analisis teks. Untuk tujuan itu, kajian ini menerapkan Teori Resepsi Sastera. Hasil kajian mendapati pengarang novel 2099: Ilusi Utopia mengetengahkan kritikan terhadap isu-isu tertentu dan dampak buruk ilmu sains sekiranya secara praktikal ianya disalahgunakan. Pengarang telah menggunakan karya ini sebagai medium yang menghubungkan realiti kehidupan masa kini dan gambaran hadapan daripada pelbagai sudut kehidupan manusia.

**Kata kunci:** fiksi sains, kepengarangan, unsur-unsur sains, kualitatif, Teori Resepsi Sastera.

## **PENDIDIKAN AKIDAH SEAWAL USIA KANAK-KANAK: KAJIAN SOROTAN**

*Nurina Mardiyah Binti Abd.Razak*

### **ABSTRAK**

Kanak-Kanak pada hari ini sudah leka dengan gajet mengikut peredaran zaman teknologi. Penerapan akidah sesuai dengan pepatah bahawa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Kajian ini mengkaji kaedah pendidikan akidah seawal usia kanak-kanak. Kajian pada kali ini adalah berfokuskan penerapan didikan akidah seawal usia kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada buku, artikel, majalah dan bahan-bahan penulisan yang berkait dengan tajuk. Dengan itu, kaedah kajian ini adalah dengan mengambil intipati penting daripada beberapa tokoh Islam yang menghasilkan karya-karya didikan akidah kepada kanak-kanak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya akidah ini diterapkan seawal usia kanak-kanak bagi membentuk muslim sejati.

**Kata Kunci:** Akidah, kanak-kanak, usia,

**MKM 5623**  
**HIKAYAT NABI MUSA MUNAJAT: SATU KAJIAN NASKHAH DAN ANALISIS**  
**MORAL**

*Siti Fatimah Baharum*

*Zubir Idris*  
zidris@ukm.edu.my

*Program Persuratan Melayu*  
*Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*  
*Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

**ABSTRAK**

Bahan kajian yang digunakan merupakan manuskrip keagamaan yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian ini menggunakan naskhah MKM 5623 Hikayat Nabi Musa Munajat sebagai bahan kajian. Dalam menyempurnakan analisis data, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu Pengkaedahan Keagamaan dan Pengkaedahan Alamiah. Kajian ini memfokuskan kepada Pengkaedahan Alamiah. Terdapat tiga fokus utama di bawah pengkaedahan ini iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Firasat dan Pendekatan Moral. Fokus kajian ini untuk meneliti nilai-nilai moral yang terkandung dalam Hikayat Nabi Musa Munajat yang boleh menjadi contoh dan teladan kepada masyarakat berdasarkan Pendekatan Moral. Hal ini kerana Pendekatan Moral sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia berkait rapat dengan peristiwa-peristiwa serta pengalaman atau kehidupan yang dilalui oleh manusia. Hasil perbincangan mendapati terdapat pelbagai nilai moral positif dan negatif dalam naskhah yang dikaji ini. Antara moral positif ialah sabar, menziarahi orang sakit, menunaikan kewajipan, tolong menolong dan bertanggungjawab. Nilai moral negatif pula ialah seperti mengumpat, berzina, derhaka dan tidak beradab. Naskhah Hikayat Nabi Musa Munajat menunjukkan bahawa Allah SWT sentiasa mengasihi hamba-Nya dengan memberi ganjaran dan juga balasan setimpal dengan perbuatannya. Diharapkan hasil kajian naskhah ini dapat dijadikan sebagai satu panduan untuk menjalani kehidupan.

**Kata Kunci:** Manuskrip, MKM 5623 Hikayat Nabi Musa Munajat, Pengkaedahan Alamiah, Moral.

# MEMAHAMI KEDALAMAN SELAWAT DAN KESANNYA KEPADA KEPERIBADIAN MUSLIM

*Siti Fazlina Bt Fairuz*

## ABSTRAK

Keperibadian adalah ciri akhlak yang terbentuk dalam diri seseorang. Selain dari itu juga, selawat kepada nabi dipercayai untuk memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk keperibadian seseorang Muslim tersebut. Namun begitu, pendekatan amalan berselawat dan pendedahan tentang kesan selawat ini kepada peribadi insan itu masih sangat kurang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kelebihan yang ada pad selawat dan impaknya kepada peribadi muslim dengan menghasilkan sifat-sifat akhlak yang baik seperti berfikiran positif, berdaya maju dan berjiwa besar dalam segala hal samaada keduniaan dan keakhiratan. Kajian ini adalah kajian lapangan yang melibatkan edaran soal selidik dan temubual. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa amalan selawat amat memberi kesan kepada ketenangan emosi seseorang samaada lelaki dan perempuan. Jelasnya, kajian ini memperlihatkan bahawa Jelasnya, kajian ini memperlihatkan bahawa Selawat Nabi dapat meningkat keimanan kepada Allah dan ketenangan fikiran pula akan meningkatkan kualiti hidup manusia.

**Kata kunci:** Selawat, Muslim, positif, ketenangan, keperibadian

# BAHASA KIASAN DALAM LAGU P. RAMLEE BERDASARKAN TEORI RELEVANS

*Hazwani Hisham*

*Siti Noraini Hamzah*  
snoraini@ukm.edu.my

*Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

## ABSTRAK

Bahasa kiasan ialah jenis bahasa yang menghuraikan sesuatu dengan cara mengkiaskannya kepada perkara lain, sama ada dengan menyebutkan bandingan secara langsung atau mengandaikan perbandingan itu. Bahasa kiasan berfungsi sebagai menguat dan menajamkan sesuatu karya, untuk menyampaikan sesuatu mesej secara ringkas dan padat serta membawa maksud yang mendalam. Kajian ini berfokus kepada penggunaan bahasa kiasan yang digunakan dalam penulisan lirik lagu oleh seniman agung negara, Tan Sri P. Ramlee. Dua fokus utama kajian adalah mengenal pasti penggunaan bahasa kiasan yang terdapat di dalam lirik lagu P. Ramlee dan menganalisis bahasa kiasan tersebut menggunakan teori Relevans. Metodologi kajian bersifat kualitatif dan data dianalisis menggunakan teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Tiga buah lagu P. Ramlee telah dijadikan sebagai bahan kajian iaitu lagu Gelora, Itulah Sayang dan Resam Dunia. Hasil kajian mendapati bahasa kiasan bukan sekadar bentuk perlambangan yang terdapat dalam lirik lagu tetapi mempunyai mesej dan makna yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Usaha ini diharapkan dapat memperkaya koleksi warisan P. Ramlee dalam memartabatkannya sebagai seniman lagenda khusus dalam bidang nyanyian serta memperlihatkan keindahan bahasa yang digunakan oleh P. Ramlee.

**Kata kunci:** bahasa kiasan, teori Relevans, lirik lagu, P. Ramlee, interpretasi

# **MSS1661 HIKAYAT AMIR HUSAIN: SATU KAJIAN NASKHAH DAN ANALISIS KEPAHLAWANAN**

*Siti Syafiza Aina Md Sukr*

*Zubir Idris*  
zidris@ukm.edu.my

*Program Persuratan Melayu*  
*Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*  
*Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Bahan kajian yang digunakan merupakan manuskrip tokoh kepahlawanan Islam yang diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian ini menggunakan naskhah MSS1661 Hikayat Amir Husain sebagai bahan kajian. Hikayat Amir Husain mengisahkan tentang peperangan antara pengikut Amir Husain dengan tentera Raja Yazid. Penelitian kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan untuk memantapkan hasil kajian. Dalam menyempurnakan analisis data, kajian ini menggunakan teori sosiologi sastera yang dipelopori oleh Hippolyte Taine. Salah satu buku beliau iaitu *Histoire de La Literature Anglaise* (1865) merupakan sebuah buku yang terkenal berkenaan teori sosiologi sastera Inggeris yang terkenal. Menurut beliau, sastera dilihat dari tiga unsur iaitu masa, bangsa dan alam sekeliling. Fokus kajian yang dijalankan adalah dengan meneliti analisis kepahlawanan yang terkandung dalam naskhah. Pendekatan ini berfungsi untuk melihat sastera sebagai wadah untuk membentuk keperibadian masyarakat. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa Hikayat Amir Husain mampu mendidik sahsiah dan jati diri masyarakat yang berwibawa melalui sikap seperti keberanian, bertanggungjawab, rela berkorban, semangat juang, bekerjasama, ketabahan, kesetiaan, kepercayaan kepada Allah SWT dan kebijaksanaan. Diharapkan hasil kajian naskhah Hikayat Amir Husain ini dapat dijadikan sebagai satu asas panduan dalam kehidupan masyarakat.

**Kata kunci:** manuskrip, MSS1661 Hikayat Amir Husain, sosiologi sastera, kepahlawanan, jati diri

# UNSUR REALISME MENURUT KEMODENAN KESUSASTERAAN MUNSHI ABDULLAH DALAM SYAIR MUHAMMAD SALLEH

Siti Nur Suhaili  
Dr. Rahimah Hamdan

Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[rahimahh@upm.edu.my](mailto:rahimahh@upm.edu.my)

## ABSTRAK

Kedatangan sarjana Barat ke Alam Melayu telah meninggalkan kesan kesarjanaan dalam bidang kesusasteraan Melayu iaitu kesusasteraan terbahagi kepada dua periodisasi iaitu tradisional dan moden. Bermula dari sinilah nama Munshi Abdullah diperkenalkan dalam korpus kesusasteraan Melayu sehingga membawa kepada penobatan beliau sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Pengiktirafan Munshi Abdullah sebagai pencetus kemodenan ini adalah disebabkan oleh penerapan unsur realisme dalam karya-karya beliau yang membezakan Munshi Abdullah dengan pengarang-pengarang Melayu terdahulu. Walau bagaimanapun, unsur 'realisme' menurut acuan Barat ini menolak bentuk puisi seperti syair Melayu yang banyak dikarang dan mendapat tempat dalam kalangan para pengarang Melayu pada ketika itu. Tambah ironi apabila Munshi Abdullah turut menerapkan unsur realisme ini dalam karya-karya syair beliau seperti *Syair Singapura Terbakar*, *Syair Kampung Gelam Terbakar* dan pelbagai lagi. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa bentuk puisi (syair) mampu digunakan sebagai wahana realisme dalam kesusasteraan Melayu. Maka kajian ini mengetengahkan satu syair yang berfokuskan kepada realiti atau 'berpijak di bumi nyata' iaitu *Syair Muhammad Salleh* yang dikarang pada abad ke-19. Terdapat dua objektif kajian yang akan diselesaikan iaitu mengenal pasti unsur-unsur realisme menurut kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah dan menganalisis unsur-unsur realisme tersebut dalam *Syair Muhammad Salleh*. Metodologi kajian secara analisis teks terhadap *Syair Muhammad Salleh* menggunakan konsep realisme menurut kerangka kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah oleh Rahimah Hamdan iaitu penekanan kepada logik dan penolakan kepada tahyul dan khurafat. Dapatan kajian mendapati syair ini menepati ciri-ciri kemodenan kesusasteraan Munshi Abdullah walau dipaparkan dalam bentuk puisi (syair). Natijahnya, kajian ini dapat mengangkat bentuk puisi (syair) yang seharusnya turut sama diangkat sebagai wahana kemodenan dalam kesusasteraan Melayu dan tidak diketepikan tanpa pengadilan sewajarnya.

**Kata kunci:** syair, *Syair Muhammad Salleh*, Kemodenan Kesusasteraan Munshi Abdullah, logik

# KEINDAHAN NASIHAT DAN SINDIRAN DALAM PANTUN PERIBAHASA MELAYU GUBAHAN LOO MUN

Nur Syazwani Mohd. Rafi  
Dr. Rahimah Hamdan

Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
[rahimahh@upm.edu.my](mailto:rahimahh@upm.edu.my)

## ABSTRAK

Kesusasteraan Melayu Tradisional memperlihatkan keintelektualan akalbudi dan pemikiran masyarakat yang menghasilkannya. Beberapa bentuk hasil karya seperti prosa dan puisi mewarnai korpus kesusasteraan Melayu berteraskan estetika dan falsafah yang tersendiri. Misalnya bentuk pantun yang masih popular sehingga kini melambangkan kehebatan khazanah masyarakat tradisional yang masih utuh dan tidak lapuk dek zaman. Tambah mengkagumkan apanila Pantun Peribahasa Melayu turut diminati oleh pengarang bukan Melayu sehingga turut menggunakan bentuk tersebut bagi memupuk semangat jati diri dan perpaduan antara rakyat Malaysia khususnya. Goh Thean Chye atau nama penanya Loo Mun merupakan seorang penulis yang seringkali menggunakan pantun sebagai wahana untuk menyampaikan pemikirannya. Keunikan beliau terletak pada bakat beliau mengadun peribahasa dalam *Pantun Peribahasa Melayu* berteraskan beberapa tujuan dan amanat tertentu kepada khalayak. Justeru, apakah amanat yang dominan dalam *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun ini? Bagaimana keindahan aspek yang dominan ini digubah oleh Loo Mun dalam karya tersebut? Ini merelevankan objektif kajian ini iaitu mengenal pasti keindahan aspek nasihat dan sindiran dalam *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun dan menganalisis keindahan aspek nasihat dan sindiran tersebut menurut Loo Mun. Metodologi menerusi kaedah analisis teks menggunakan Teori Keindahan oleh V.I. Braginsky terhadap *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun (1968). Aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah mengenalpasti definisi keindahan, mengenalpasti aspek yang dominan dalam *Pantun Peribahasa Melayu* gubahan Loo Mun, menjelaskan aspek nasihat dan sindiran yang diketengahkan oleh Loo Mun dan menganalisis keindahan aspek nasihat dan sindiran dalam *Pantun Peribahasa Melayu* yang digubah oleh beliau. Dapatan kajian menunjukkan pantun peribahasa yang digubah oleh Loo Mun banyak memfokuskan kepada aspek nasihat dan sindiran. Kajian ini membuktikan bahawa Loo Mun berjaya menggunakan keindahan dalam peribahasa Melayu dalam bentuk pantun demi menambat hati khalayak yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Secara tidak langsung membuktikan bahawa pantun merupakan khazanah masyarakat tradisional yang tinggi nilai keindahannya sehingga mampu memapar pengajaran sarat dengan pendidikan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira ras, bangsa dan agama.

**Kata kunci:** pantun, keindahan, peribahasa, Loo Mun, Braginsky





*Tema 7*

# EKONOMI & PERNIAGAAN

# ISU DAN CABARAN MENGURUSKAN PERNIAGAAN BUDU CAP

## KETEREH, TUMPAT KELANTAN

*Diana Najwa Mat Salleh*

*Nur Izzah Farhana Rosli*

*Nur Adlina Rashdan*

*Wan Muhammad Aqil Wan Mohd Azmi*

*Nurmahirah Farhana Baharuddin*

*Rachelle Mellannie Lau*

*Mohamad Shaharudin Samsurijan*

### ABSTRAK

Budu merupakan salah satu produk makanan tradisional yang popular di Malaysia, terutamanya di bahagian Pantai Timur. Budu Cap Ketereh merupakan pengeluaran terbesar sos ikan bilis di Malaysia dan salah satu jenama yang terkenal dalam industri ini. Perusahaan Warisan Ketereh ini telah berjaya mengkomersialkan produk keluarannya dengan menghasilkan transformasi mengikut keadaan dan permintaan semasa pengguna. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti isu dan mengkaji cabaran yang dihadapi oleh usahawan Budu Cap Ketereh dalam menguruskan perniagaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual yang melibatkan 3 orang informan di Kilang Budu Cap Ketereh. Hasil kajian ini mendapati, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh pengusaha kilang budu sepanjang menguruskan perniagaan. Sebagai contoh, isu dan cabaran tersebut adalah kesukaran mendapatkan bahan mentah yang berkualiti, kestabilan pasaran, pengurusan perniagaan serta pematuhan kepada operasi standard keselamatan dan kualiti makanan. Dapatan kajian ini amat bermanfaat dan berguna kepada usahawan-usahawan yang baru pada masa akan datang. Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi dan polisi yang lebih berkesan dalam memajukan industri makanan tempatan di Malaysia.

**Kata Kunci:** Perniagaan, Usahawan, Budu, Industri

## MANFAAT PROJEK EKONOMI DIGITAL UNTUK MASYARAKAT DI SUNGAI PINANG, PULAU PINANG

*Aiyunie Najuha binti Che Hassan*

*Chuah Kai Ying*

*Muhammad Adifitri bin MohdRozali*  
[muhammadadifitri@gmail.com](mailto:muhammadadifitri@gmail.com)

*Nurshafiqah Natasha binti Zaili*

*Nur Irdina binti Nazri*

*Wong Wen Cong*

*Mohamad Shahrudin Samsurijan*  
[msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my)

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang*

### ABSTRAK

Perkembangan ekonomi digital yang pesat terus menjadi tumpuan pakar-pakar ekonomi apabila terma ini dikatakan dapat meningkatkan pertumbuhan negara. Usaha kerajaan dalam memastikan masyarakat mempunyai celik digital yang baik merupakan salah satu usaha yang sentiasa berterusan. Namun, jurang digital yang berlaku dalam kalangan masyarakat sentiasa menjadi perhatian kerajaan bagi menaik taraf sistem pendigitalan negara. Pusat Ekonomi Digital (PEDi) yang bertempat di Sungai Pinang ini telah ditubuhkan bagi membolehkan komuniti luar bandar menikmati perkhidmatan internet yang sama seperti yang dirasakan oleh komuniti bandar. Kajian ini cuba merungkai sejauh mana program ekonomi digital ini dapat memberi manfaat khususnya kepada penduduk yang tinggal di Sungai Pinang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan seramai 7 informan akan ditemubual. Hasil daripada kajian ini akan memperincikan bentuk manfaat yang diperolehi dari segi peluang pekerjaan, jurang digital akan dirapatkan, persaingan, pengetahuan dan membina masyarakat 'celik digital'. Melalui penubuhan PEDi, diharapkan agar masyarakat di Sungai Pinang mendapat manfaat yang sama seperti masyarakat di bandar dan jurang digital dapat dirapatkan.

**Kata Kunci :** Ekonomi Digital, manfaat, luar bandar, jurang digital

# **IMPAK PROGRAM TVETPRENEURSHIP UNTUK MELAHIRKAN USAHAWAN DIGITAL DI MERLIMAU**

*Muhammad Irfan Zidni Mohamad Nazirom*

*Nur Ezzatul Aleya Mohd Husin*

*Siti Natasya Zulkifly*

*Nur Adila Maisarah Mohd Zakaria*

*Muhammad Syahmi Mad Tarmizi*

*Nur Qayyim Amsyar Abdul Wahab*

*Mohamad Shahrudin Samsurijan*

*School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang*

## **ABSTRAK**

Perkembangan teknologi hari ini memaksa kerajaan untuk merapatkan jurang digital yang berlaku di kalangan masyarakat. Kolej Komuniti Jasin, Merlimau telah tampil bersama dengan program tvetpreneurship dengan menyediakan fasiliti dan sokongan kepada komuniti setempat. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana program keusahawanan digital ini memberi manfaat atau impak kepada komuniti setempat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan seramai 5 orang penduduk akan ditemu bual. Jangkaan hasil kajian akan mendedahkan kesan dari segi peningkatan pendapatan, pengetahuan berkenaan digital, ruang dan peluang perniagaan menerusi platform digital, kadar celik digital. Seterusnya hasil kajian yang diperolehi diharapkan mampu memberikan input penting dan berguna kepada pembuat dasar untuk merancang program yang lebih baik khususnya dalam merapatkan jurang antara masyarakat terutamanya komuniti setempat di Merlimau.

**Kata kunci:** Digital, kolej komuniti, penduduk, keusahawanan digital, jurang digital

# **POTENSI ASET EMAS DIGITAL DAN SUMBANGANNYA TERHADAP ZAKAT**

*Nur Farisah Safiah binti Saifuddin  
Nurul Ilyana binti Muhd Adnan*

*Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian  
Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Emas digital telah menjadi pilihan ramai rakyat Malaysia sebagai dana kecemasan yang dapat digunakan dalam situasi darurat sekiranya pendapatan mereka terjejas dan ekonomi negara kurang stabil. Tambahan lagi, perkembangan arus digitalisasi menyebabkan banyak syarikat yang telah memulakan perniagaan emas digital. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji potensi aset emas digital dan untuk menganalisis sumbangan emas digital terhadap zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif melalui instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar tahun 3 dan 4 Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai potensi emas digital contohnya sebagai simpanan, pelaburan dan juga gadaian kepada pelanggan. Bahagian terakhir dalam soal selidik iaitu kesedaran pelajar terhadap simpanan emas digital yang bertujuan untuk menganalisis sumbangan aset emas digital terhadap zakat menunjukkan pelajar amat faham dan sedar akan kewajipan menunaikan zakat. Sungguhpun semua soalan mencatatkan nilai min yang tinggi, namun masih ada di kalangan pelajar yang tidak jelas lagi terhadap syarat asas seperti kadar haul dan kadar nisab zakat. Oleh itu, pendidikan berkaitan kewajipan berzakat seharusnya diberikan perhatian yang lebih baik oleh semua pusat kutipan atau institusi zakat di samping pada masa yang sama dapat membantu dalam meningkatkan hasil kutipan zakat.

**Kata Kunci:** digitalisasi, emas digital, zakat, simpanan, pelaburan, gadaian



*Tema 8*

# SAINS, TEKNOLOGI & PERUBATAN

# KESAN SUDUT YANG BERBEZA TERHADAP DOS RADIASI DAN IMEJ KUALITI DALAM DBT

*Arifah Fitri Mohamad Hassan*

*Norhashimah Norsuddin*  
[norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my](mailto:norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my)

*Noor Diyana Osman*

*Program Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi, Pusat Kajian Diagnostik, Terapeutik dan Penyiasatan (CODTIS), Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 50300 Kuala Lumpur, Malaysia.*

## ABSTRAK

Digital Breast Tomosynthesis (DBT) adalah teknik pencitraan yang muncul yang menangani isu pertindihan tisu payudara dengan menyediakan imej tiga dimensi (3D) payudara. Imej ini dicipta daripada beberapa imej projeksi dos rendah yang diambil dari pelbagai sudut yang terhad menggunakan tiub sinar-X berputar dan detektor digital. Pilihan julat sudut mempengaruhi pelbagai aspek imej klinikal, termasuk dos radiasi dan kualiti imej. Peningkatan bilangan pandangan projeksi membawa kepada dos radiasi yang lebih tinggi kerana masa pemindaian dan rekonstruksi yang lebih lama. Selain itu, julat sudut yang lebih luas meningkatkan kualiti imej dengan meningkatkan resolusi ruang dan perbezaan yang lebih baik tisu berlapis. Ini membawa kepada penglihatan yang lebih baik daripada massa, asimetri, dan kontras yang meningkat, terutamanya dalam payudara padat. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan sudut yang berbeza pada dos radiasi dan kualiti imej dalam DBT. Kajian ini akan dijalankan menggunakan unit Siemens MAMMOMAT Inspiration (Siemens, Erlangen, Jerman). Fantasma payudara dengan kelenjar 50/50, 30/70 dan 20/80 akan didedahkan dengan mod Auto-Filter menggunakan sudut yang berbeza. Dos radiasi akan dikira dan dicatat menggunakan phantom payudara dalam DBT. Kualiti imej akan dinilai secara kualitatif oleh dua ahli radiologi dan kuantitatif dengan mengira Contrast-to-Noise Ratio (CNR) dan Figure of Merit (FOM). Tiada perbezaan yang besar dalam dos radiasi antara julat sudut yang luas dan julat yang lebih sempit. Jarak sudut yang luas membolehkan visualisasi yang lebih baik daripada lesi manakala lapisan sudut sempit membenarkan visualisasi lebih baik mikrokalsifikasi. Pengoptimuman sudut boleh mengurangkan atau mengekalkan pendedahan radiasi kepada pesakit sambil mengekalkan kualiti imej yang tinggi dan deteksi kecederaan.

**Kata kunci:** Digital Breast Tomosynthesis (DBT), Sudut yang berbeza, Dos Sinaran, Kualiti Imej, Contrast-to Noise Ratio (CNR)

## DAYA MAMPATAN MAMMOGRAFI DI DUBAI

*Farah 'Aliah Binti Nazarudin*  
[A181995@siswa.ukm.edu.my](mailto:A181995@siswa.ukm.edu.my)

*Norhashimah Norsuddin*  
[norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my](mailto:norhashimahnorsuddin@ukm.edu.my)

*Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi*  
*Fakulti Sains Kesihatan*

### ABSTRAK

Di Negara-Negara Arab Bersatu (UAE), kanser payudara adalah kanser yang paling lazim di kalangan wanita, dengan 36.7% dan mamografi digunakan untuk saringan awal kanser payudara. Pengimejan mamografi ini berkesan dalam mengurangkan kematian kira-kira 30%. Walau bagaimanapun, bilangan kes yang tinggi dan pengesanan lewat kanser payudara direkodkan adalah kerana penyertaan yang rendah dalam pemeriksaan kanser payudara. Kajian awal telah mendapati bahawa kurang daripada 15% wanita berusia 40 hingga 65 tahun melakukan mamogram terutamanya disebabkan oleh kesakitan dan ketidakselesaan daripada mampatan payudara. Namun, daya mampatan yang digunakan dalam mamogram adalah wajib dan berbeza mengikut kepadatan payudara wanita. Adalah penting untuk mengakui bahawa walaupun garis panduan daya mampatan standard selalunya mengikut negara, demografi unik dan ciri ketumpatan payudara penduduk Dubai memerlukan pemeriksaan yang lebih teliti. Sehingga kini, tiada data telah diterbitkan mengenai daya mampatan yang digunakan untuk wanita yang menjalani mamografi di Dubai. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti daya mampatan mamografi yang digunakan di Dubai dan menilai hubungannya dengan ketumpatan payudara dan umur pesakit. Data ini dikumpul daripada prosedur mamografi yang dijalankan di enam pusat kemudahan Pihak Autoriti Kesihatan Dubai. Hasil daripada kajian ini diharapkan akan membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang daya mampatan mamografi yang digunakan dalam wanita Dubai dan faktor yang mempengaruhi variasi daya mampatan tersebut. Kami juga berharap dapat menyumbang kepada pembangunan paradigma saringan kanser payudara dengan lebih berkesan dan mengutamakan pesakit di Dubai.

**Kata kunci:** Mamografi, Pemampatan payudara, Saringan payudara, daya mampatan mamografik, Densiti payudara



# COGNIMATHAR: MERANGSANG PEMBANGUNAN KOGNITIF MELALUI PEMBELAJARAN MATEMATIK AWAL BERASASKAN AUGMENTASI REALITI

*Muhammad Harraz Iman bin Mazlan*

[a189609@siswa.ukm.edu.my](mailto:a189609@siswa.ukm.edu.my)

*Tengku Siti Meriam Tengku Wook*

[tsmeriam@ukm.edu.my](mailto:tsmeriam@ukm.edu.my)

*Program Kejuruteraan Perisian Pembangunan*

*Sistem Multimedia Fakulti Teknologi dan*

*Sains Maklumat*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Projek ini bertujuan untuk menjawab keperluan penting dalam bidang pendidikan matematik awal yang inovatif dan memikat bagi kanak-kanak berusia 2 hingga 6 tahun di Malaysia. Kaedah tradisional dalam pendidikan matematik untuk kumpulan umur ini seringkali kurang berkesan, dengan menekankan penghafalan berulang tanpa memberi tumpuan kepada pembangunan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS) yang penting untuk pertumbuhan menyeluruh. Projek ini mencadangkan pembangunan aplikasi pembelajaran matematik berasaskan Augmentasi Realiti (AR) yang interaktif dan merangsang dengan penekanan yang kuat pada HOTS. Projek ini juga mengiktiraf kepentingan peranan ibu bapa dan guru dalam proses pembelajaran. Aplikasi AR yang dicadangkan menyediakan alat untuk memantau kemajuan kanak-kanak dan memberikan panduan yang disesuaikan, mencipta persekitaran pembelajaran yang kolaboratif. Dengan menekankan pendidikan matematik awal dan pembangunan HOTS, projek ini bertujuan untuk memberi kanak-kanak asas matematik yang kukuh dan mempersiapkan mereka untuk cabaran pendidikan pada masa akan datang. Melalui cara ini, projek ini berharap untuk menjadikan pembelajaran matematik menyeronokkan dan efektif, membentuk asas bagi pembelajaran berasaskan pemikiran kritikal yang lebih maju sepanjang perjalanan pendidikan mereka.

**Kata Kunci:** Pendidikan Matematik Awal, Augmentasi Realiti (AR), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS), Interaktif dan Merangsang, Persekitaran Pembelajaran Kolaboratif

# **MENEROKA FAKTOR KANAK-KANAK TERBANTUT DAN BUDAYA KEMISKINAN DALAM KELUARGA KANAK-KANAK TERBANTUT DI PUTRAJAYA**

*Amyrah Iqlima Safiah, Mohd Sofiuddin*

*Khadijah Alavi*  
[khadijah@ukm.edu.my](mailto:khadijah@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600,  
Bangi Selangor*

## **ABSTRAK**

National Health and Morbidity Survey (NHMS, 2019) mendapati bahawa satu daripada setiap lima kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah terbantut yang melibatkan 560,000 kanak-kanak iaitu sebanyak 20.7%. Data ini menunjukkan bahawa masalah terbantut dalam kanak-kanak terbantut di bawah lima tahun pada tahap yang serius dan masalah malnutrisi di Malaysia amat membimbangkan. Objektif kajian ialah meneroka faktor kanak-kanak terbantut dan budaya kemiskinan dalam keluarga kanak-kanak terbantut di Putrajaya, Selangor. Rekabentuk kualitatif iaitu temu bual separa berstruktur secara bertulis. Sepuluh informan telah dipilih untuk ini kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Lokasi di negeri Selangor telah dipilih iaitu di daerah Putrajaya dengan menggunakan persampelan bertujuan. Data temu bual tidak berstruktur dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil kajian mendapati majoriti keluarga kanak-kanak terbantut tidak terdedah kepada program alternatif khas terutamanya untuk kanak-kanak terbantut. Program yang dicadangkan kepada keluarga kanak-kanak terbantut ialah memperbanyakkan lagi aktiviti dan program serta bantuan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak terbantut untuk menjalani kehidupan normal seperti kanak-kanak lain. Bukan itu sahaja, program yang dihasilkan juga patut mempunyai kriteria membimbing penduduk tempatan bagi mencegah masalah kanak-kanak terbantut ini. Implikasi kajian ialah mengadakan program kesedaran menyeluruh bagi setiap pihak termasuk jugak pihak pekerja sosial supaya mampu membantu keluarga kanak-kanak terbantut di Putrajaya.

**Kata kunci:** Budaya, kemiskinan, kanak-kanak terbantut, keluarga

# **APLIKASI PEMBELAJARAN DINAMIK ABJAD MELAYU UNTUK KANAK-KANAK PRASEKOLAH BERASASKAN AUGMENTASI REALITI**

*Aszrul Syahmi Ameer bin Selamat*  
[A189617@siswa.ukm.edu.my](mailto:A189617@siswa.ukm.edu.my)

*Tengku Siti Meriam Tengku Wook*  
[tsmeriam@ukm.edu.my](mailto:tsmeriam@ukm.edu.my)

*Program Kejuteraan Perisian Pembangunan  
Sistem Multimedia Fakulti Teknologi dan  
Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, wujud keperluan yang menarik untuk alat pendidikan yang inovatif dan menawan untuk membantu kanak-kanak prasekolah, biasanya berumur 2-6 tahun, dalam mempelajari abjad Melayu. Kaedah pedagogi tradisional sering mempunyai kekurangan dalam menarik dan memberi inspirasi kepada pelajar muda. Projek ini berusaha untuk merapatkan jurang ini melalui penciptaan aplikasi pembelajaran Augmentasi Realiti (Augmented Reality (AR)), yang direka dengan teliti untuk menjadikan abjad Melayu mudah diakses dan menarik. Bagi memanfaatkan potensi AR, projek ini melibatkan kanak-kanak dalam persekitaran pembelajaran yang dinamik, interaktif, dan bersifat peribadi, di mana memperoleh pengetahuan menjadi pengembaraan yang menarik. Metodologi pembangunan tangkas memastikan pendekatan yang responsif dan relevan, membolehkan pembangunan leleran dan penggabungan maklum balas berharga daripada pendidik dan ibu bapa, dengan memastikan aplikasi dapat membuat penyesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Aplikasi ini membolehkan mereka berinteraksi dengan abjad Melayu melalui teknologi AR, mengintegrasikan kandungan pendidikan secara digital dengan persekitaran fizikal. Sebagai contoh, menunjuk kepada huruf "E" menggabungkan epal maya yang boleh disentuh oleh kanak-kanak, berputar, berinteraksi, mewujudkan pengalaman pembelajaran yang mendalam dan menyeronokkan. Aplikasi ini juga termasuk aktiviti pendidikan yang direka untuk mengukuhkan pengiktirafan huruf dan perkembangan bahasa, serta memastikan kanak-kanak belajar dengan secara dinamik dan mudah difahami. Kedua, ia memudahkan perkembangan kemahiran literasi awal dan menyediakan asas yang kukuh untuk pendidikan masa depan mereka. Akhir sekali, ia menggalakkan akses kepada bahasa Melayu dari usia muda dan meningkatkan pemahaman budaya serta kepelbagaian bahasa.

**Kata Kunci:** Augmentasi Realiti (AR), Abjad Melayu, Pembelajaran Interaktif, Kanak-Kanak Prasekolah, Kemahiran Literasi Awal

# **TINJAUAN SKOP MENGENAI PEMBANGUNAN PROTOKOL UJIAN KESTABILAN UNTUK FORMULASI PEMAKANAN PARENTERAL PENUH YANG DIUBAH SUAI.**

*Chieiu Hui Chin  
Chandini Menon A/P Premakumar*

## **ABSTRAK**

Pemakanan parenteral penuh (TPN) ialah kaedah pemakanan intravena yang membekalkan nutrien terus memasuki sistem peredaran darah pesakit. Farmasi hospital boleh menyediakan beg TPN dalam bentuk dua-dalam satu (TIO) atau semua- dalam- satu (AIO) bagi memenuhi keperluan nutrisi khas pesakit. Walaubagaimanapun, formulasi TPN yang diubah suai ini mempunyai data yang terhad mengenai ujian kestabilan yang perlu dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ujian kestabilan yang perlu dijalani oleh formulasi TPN yang diubah suai serta had lulus. Hasil kajian ini akan digunakan untuk membangunkan satu protokol ujian kestabilan bagi ahli farmasi pembancuhan di Malaysia. Satu kajian skop telah dijalankan denganmelakukan pencarian literatur secara sistematik di Web of Science (WOS), PubMed dan Scopus. Tiada sekatan yang dikenakan pada tahun penerbitan. Sebanyak 29 artikel telah diperoleh di mana 19 memfokuskan pada formulasi AIO, sembilan mengenai formulasi TIO dan satu memfokuskan kedua-dua jenis formulasi. 16 ujian kestabilan untuk formulasi TPN telah dikenal pasti dan kemudian dikategorikan kepada ujian fizikal, kimia dan mikrobiologi. Kaedah yang digunakan dan had lulus setiap ujian juga ditentukan. Formulasi TPN yang diubah suai perlu diuji untuk memastikan keselamatan dan keberkesanannya dalam tempoh yang ditetapkan. Kerja masa depan harus memberi tumpuan kepada penerbitan protokol ini sebagai rujukan untuk ahli farmasi pembancuhanTPN.

**Kata kunci:** Pemakanan parenteral penuh; kestabilan; had lulus

# **PENSTABILAN TANAH LATERIT MENGGUNAKAN KAEDAH GABUNGAN PENAMBAHAN BENTONIT DAN PEMADATAN LANJUTAN**

*Zulhalim Bin Ladjami*

*Ros Nadiah Rosli*  
nadiyahros@ukm.edu.my

*Kejuruteraan Awam dan Struktur Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Peningkatan populasi dan permintaan dalam industri pembinaan menyebabkan peningkatan kerja-kerja di kawasan tanah yang mempunyai sifat atau berkualiti rendah. Untuk mengatasi isu ini, banyakkedah penstabilan tanah telah dilakukan untuk meningkatkan ciri-ciri fizikal tanah, terutamanya dalam bidang pembinaan. Ini termasuk penggunaan bahan tambah seperti abu, simen, dan kapur sebagai agen penstabil. Mineral seperti tanah liat bentonit, yang mempunyai kapasiti pembengkakkan, penyerapan air, penghidratan, dan kejeleketan dapat meningkatkan ciri-ciri tanah laterit dalam pelbagai aplikasi. Pemadatan lanjutan, di mana pemindahan lebih banyak tenaga pemadatan daripada kaedah piawai digunakan dalam penstabilan tanah untuk meningkatkan kekuatan ricih dan mengurangkan pekali kebolehtelapan tanah telah menjadi kaedah umum dalam industri pembinaan struktur seperti bangunan atau sub-gred jalan raya. Tahun kebelakangan ini telah melihat banyak pendekatan yang menarik dalam kaedah gabungan penstabilan tanah, di mana penggunaan lebih daripada satu bahan atau kaedah untuk meningkatkan ciri tanah. Kertas kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami kaedah gabungan penambahan bentonit dan aplikasi pemadatan lanjutan untuk penstabilan sifat fizikal tanah laterit dari kajian perpustakaan dan meneroka dan menyiasat pendekatan penstabilan tanah yang telah menunjukkan keberkesanan sekaligus menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan 11: Bandar dan Komuniti Mampan dengan menyediakan infrastruktur yang lebih berdaya tahan, selamat dan mampan untuk komuniti.

**Kata kunci** : Penstabilan tanah, bentonit, pemadatan lanjutan, kaedah gabungan, mampan

# KEJADIAN DAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO SINDROM REFEEDING DALAM KALANGAN PESAKIT DEWASA YANG MENERIMA NUTRISI PARENTERAL DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

*Ng Tze Wei*  
*Chandini Menon A/P Premakumar*

## ABSTRAK

Sindrom Refeeding (RS) merupakan keadaan teruk dan berpotensi mengancam nyawa disebabkan oleh pergeseran cecair dan elektrolit yang mungkin berlaku pada pesakit menerima nutrisi parenteral. Objektif kajian ini adalah untuk memahami kejadian, faktor risiko, kategori keterukan, dan komplikasi RS. Kajian pemerhatian retrospektif menggunakan kaedah pensampelan universal telah dijalankan dari Oktober 2023 hingga Disember 2023. Data untuk pesakit dewasa yang menerima nutrisi parenteral selama lebih daripada 48 jam antara Julai 2022 hingga Julai 2023 di Hospital Canselor Tuanku Muhriz telah dikumpulkan dan dianalisis. Seramai 90 pesakit telah diambil, 30 (33.3%) pesakit mempunyai RS. Terdapat perkaitan yang signifikan secara statistik antara pengurangan tahap elektrolit sebelum permulaan PN dengan RS ( $p = 0.018$ ). Tiada kaitan antara BMI, tempoh berpuasa, penurunan berat badan yang tidak disengajakan, dan sejarah ubat yang digunakan dengan RS. RS adalah perkara biasa di kalangan pesakit dewasa yang menerima PN. Majoriti pesakit RS dalam kajian ini termasuk dalam kategori ringan keterukan. Komplikasi RS jarang berlaku yang mungkin disebabkan oleh perhatian yang diberikan kepada pesakit di hospital. Kekacauan tahap elektrolit sebelum permulaan PN adalah peramal terkuat RS.

**Kata kunci:** nutrisi parenteral; sindrom refeeding (RS); kejadian; faktor-faktor risiko

## **SISTEM E-HAILING UNTUK PENYELESAIAN PENGANGKUTAN BERKESAN DI UKM**

*Umeesh A/L Elankovan*  
a187888@siswa.ukm.edu.my

*Elankovan A. Sundararajan*  
elan@ukm.edu.my

*Centre for Software Technology and Management, Faculty of Information Science and  
Technology, National University of Malaysia (UKM), 43600, UKM BANGI, Selangor.*

### **ABSTRAK**

Kajian ini menyelami kesan perkhidmatan e-hailing ke atas pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mendedahkan pelbagai cabaran walaupun penggunaan Internet dan aplikasi e-hailing yang meluas di Malaysia. Antara isu utama yang dikenal pasti adalah harga tambang yang tinggi, maklumat yang tidak mencukupi tentang pemandu dan lokasi, serta kebimbangan keselamatan pelajar, terutamanya semasa perjalanan malam. Pengalaman yang berbeza dilaporkan oleh pelajar yang menggunakan platform seperti Grab, Telegram, dan AirAsia menonjolkan kehalusan setiap perkhidmatan, dengan kelebihan dan kelemahan yang berbeza. Untuk menangani cabaran ini, cadangan untuk pembangunan aplikasi E-Hailing UKM bertujuan untuk menawarkan penyelesaian yang disesuaikan. Dengan memberi keutamaan kepada penentuan harga yang adil, meminimumkan masa menunggu, memperkuat langkah-langkah keselamatan, dan menyediakan peluang pendapatan bagi pemandu pelajar, aplikasi tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pengangkutan keseluruhan bagi komuniti pelajar UKM. Pendekatan proaktif ini tidak hanya mengakui keperluan khusus pelajar tetapi juga menunjukkan komitmen terhadap kesejahteraan dan keselesaan mereka. Manfaat yang berpotensi dari aplikasi sedemikian melampaui sekadar keselesaan, berpotensi memupuk persekitaran pengangkutan yang lebih selamat dan inklusif untuk pelajar di UKM.

**Kata Kunci:** harga adil, keselamatan, pemandu pelajar, kesejahteraan, keselesaan

## SISTEM PENGESAHAN DAN PENYEBARAN PROGRAM FAKULTI (AKTIVITI SYNC)

*Malarkodi.P*  
[a192557@siswa.ukm.edu.my](mailto:a192557@siswa.ukm.edu.my)

*Elankovan A. Sundararajan*  
[elan@ukm.edu.my](mailto:elan@ukm.edu.my)

*Centre for Software Technology and Management, Faculty of Information Science and  
Technology, National University of Malaysia (UKM), 43600, UKM BANGI, Selangor.*

### ABSTRAK

Dalam persekitaran pendidikan hari ini, pengurusan aktiviti kokurikulum dengan cekap adalah penting untuk pembangunan holistik pelajar. Walau bagaimanapun, menyelaraskan dan menyebarkan maklumat tentang program-program yang dijalankan oleh Fakulti Sains Maklumat dan Teknologi (FTSM) merupakan cabaran. Bagi menangani ini, kami mencadangkan platform berasaskan web yang disesuaikan untuk pelajar FTSM, menyederhanakan pengurusan program dan komunikasi. Platform ini memusatkan aktiviti berkaitan program, meningkatkan penyelarasan, kebolehpasaran, dan ketara. Pelajar dengan mudah mengemukakan butiran program, termasuk nama acara, tarikh, masa, tempat, tetamu VIP, dan poster, untuk ulasan fakulti. Program yang diluluskan secara automatik dipromosikan di platform media sosial, menyederhanakan proses promosi. Selain itu, platform ini berfungsi sebagai sumber maklumat yang informatif bagi bakal pelajar, menawarkan pandangan tentang aktiviti lepas. Program yang tidak diluluskan memberi maklum balas yang boleh diambil tindakan, memberi peluang kepada pelajar untuk menyempurnakan penghantaran untuk kelulusan seterusnya. Langkah keselamatan yang kukuh memastikan keselamatan maklumat sensitif, dengan kelayakan pengguna disulitkan dan disimpan secara selamat di penyimpanan awan. Selain itu, pengalaman pengguna yang diperibadikan disediakan, dengan halaman yang berdedikasi untuk setiap aktiviti memamerkan program lepas, video, gambar, dan ringkasan. Keseluruhannya, platform yang dicadangkan merombak pengurusan program dalam FTSM, memupuk komunikasi yang cekap, pembuatan keputusan yang berinformasi, penglibatan yang dipertingkatkan, dan ketara yang meningkat bagi pelajar dan pengurusan fakulti.

**Kata Kunci:** pengurusan program, aktiviti kokurikulum, platform web, komunikasi, penyelarasan



# **APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK INTERVENSI OBESITI MENGUNAKAN PERKOMPUTERAN AWAN**

*Mathu devaan.A*  
[a188060@siswa.ukm.edu.my](mailto:a188060@siswa.ukm.edu.my)

*Elankovan A. Sundararajan*  
[elan@ukm.edu.my](mailto:elan@ukm.edu.my)

*Centre for Software Technology and Management, Faculty of Information Science and  
Technology, National University of Malaysia (UKM), 43600, UKM BANGI, Selangor.*

## **ABSTRAK**

Kajian ini menyelidik peranan penting aplikasi mudah alih dalam menangani isu obesiti yang semakin mendesak di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Dengan kadar obesiti yang terus meningkat, terutamanya dalam kalangan pelajar universiti, yang kebanyakannya disebabkan oleh tabiat pemakanan yang tidak sihat dan gaya hidup yang kurang aktif, intervensi segera amat diperlukan. Sebagai tindak balas kepada cabaran ini, pembangunan "FitFlow," sebuah aplikasi mudah alih, telah dimulakan. FitFlow menyatukan ciri-ciri penting seperti sistem pengurusan senaman yang canggih, pemantauan BMI yang komprehensif, panduan pengambilan kalori dan pengambilan air harian, dan akses yang lancar kepada sumber-sumber pendidikan melalui platform YouTube. Mengikut metodologi Agile, proses pembangunan aplikasi menekankan kitaran berulang untuk merancang dan menyempurnakan modul-modul berfungsi. Prosedur pengujian yang teliti dilakukan untuk memastikan kebolehan, kegunaan, dan keberkesanan aplikasi. FitFlow dianggap bukan sahaja sebagai alat praktikal untuk pengurusan berat badan dan peningkatan aktiviti fizikal, tetapi juga sebagai platform komprehensif yang memperkasakan pelajar dengan pengetahuan dan sumber untuk mengekalkan gaya hidup sihat. Dengan memudahkan regimen kecergasan yang disesuaikan dan menyediakan pandangan kesihatan yang komprehensif, FitFlow bertujuan untuk merangsang perubahan tingkah laku positif dan memupuk kesejahteraan holistik di kalangan pelajar universiti.

**Kata Kunci:** Obesiti, Aplikasi Mudah Alih, Teknologi awan, Pengurusan senaman, Pelajar universiti

## **BULI SIBER DALAM KALANGAN KOMUNITI E-SUKAN : KAJIAN KES “MOBILE LEGENDS”**

Muhammad Qayyum Haikal Shamsolnizam  
Velan Kunjuraman

### **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji kegiatan buli siber dalam kalangan komuniti e-sukan yang memfokuskan kepada permainan video Mobile Legends. Reka bentuk kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian kualitatif. Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan secara bertujuan iaitu atlet ataupun bekas atlet professional e-sukan Mobile Legends. Pengkaji menetapkan seramai lapan orang informan untuk menjawab temu bual. Informan mestilah terdiri daripada individu yang masih ataupun yang pernah menyertai pertandingan e-sukan Mobile Legends secara professional menerusi pertandingan Mobile Legends Pro League (MPL) Malaysia . Mereka juga haruslah terdiri daripada mereka yang pernah menjadi mangsa buli siber. Berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti jenis-jenis buli siber yang terjadi. Hasil kajian mendapati bahawa jenis buli siber yang terjadi kebanyakannya adalah hantaran mesej melalui media sosial yang mengandungi kata-kata kesat dan juga berbau ugutan. Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji kesan-kesan buli siber terhadap mangsa buli siber itu sendiri. Hasil kajian mendapati bahawa antara kesan buli siber tersebut termasuklah informan- informan tersebut mengalami kemurungan, keselamatan terancam dan juga hilang pekerjaan. Kesimpulannya, berdasarkan lapan orang informan yang ditemubual dapat menunjukkan bahawa mereka mengalami beberapa jenis buli siber yang memberi kesan yang buruk terhadap mereka. Oleh yang demikian, diharapkan bahawa pihak berwajib seperti penganjur pertandingan MPL Malaysia itu sendiri mahupun pihak kerajaan mengambil secara serius perkara ini seperti memberi kesedaran kepada netizen supaya kejadian yang sama tidak berulang.

**Kata kunci:** e-sukan, buli siber, atlet professional, Mobile Legends,

# TEKNIK GABUNGAN PROBA MACKINTOSH DALAM PENYIASATAN TANAH COMBINED

*Xu Changhao*

*Ros Nadiah Rosli*

[nadiahros@ukm.edu.my](mailto:nadiahros@ukm.edu.my)

Kejuruteraan Awam dan Struktur Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK

Mackintosh Probe adalah penetrometer yang ringan dan portabel yang digunakan untuk menyelidiki sifat-sifat tanah. Alat ini merupakan alternatif yang hemat biaya dan waktu dibandingkan dengan metodetradisional untuk investigasi lokasi, seperti lubang bor dan uji penetrasi kerucut. Uji Mackintosh adalah metode yang digunakan untuk menentukan kekuatan tanah. Mackintosh Probe (MP) adalah pedang bermata dua. Sisi positifnya, alat ini portabel, ringan, dan terjangkau, menawarkan hasil yang cepat dan profil ketahanan tanah yang berkesinambungan, sehingga ideal untuk penilaian awal atau investigasi tanah lunak. Namun, MP memiliki keterbatasan. Alat ini terbatas pada kedalaman yang dangkal, memberikan data yang kurang akurat dibandingkan dengan metode lain, menawarkan informasi minimal tentang jenis tanah, dan kesulitan dalam menghadapi tanah yang padat atau rintangan. Secara keseluruhan, MP adalah alat yang berharga untuk proyek-proyek kecil atau pemeriksaan cepat, tetapi untuk gambaran yang lebih lengkap, terutama dalam upaya kritis atau skala besar, paling baik digunakan bersama dengan teknik lain, hal ini memungkinkan untuk memperkirakan parameter tanah seperti kekuatan geser tak terdrainase dan risiko erosi. Uji Penetrasi Mekanis (MP) menawarkan alat yang berharga bagi para insinyur geoteknik. Dengan menganalisis jumlah pukulan yang diperlukan untuk penetrasi (nilai-M), para insinyur dapat memperkirakan kekuatan geser tanah yang tidak terdrainase (Cu), sebuah parameter penting untuk mendesain fondasi dan menganalisis stabilitas lereng. Selain itu, menggabungkan data MP dengan resistivitas 2D, yang mengukur konduktivitas listrik bawah permukaan, memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai jenis tanah, terutama dalam situasi di mana uji MP mungkin terbatas, seperti pada tanah yang padat atau penghalang. Terakhir, uji MP berkorelasi dengan skala ROM, indeks risiko erosi. Hal ini memungkinkan penilaian cepat terhadap potensi erosi tanah, menghemat waktu dan sumber daya dibandingkan dengan metode yang lebih rumit.

**Kata kunci:** Mackintosh Probe, SPT, Resistivitas 2D, Screw Driving Sounding (SDS) Koreksi Mackintosh Probe dengan kekuatan geser tak terdrainase dan skala ROM (Indeks Risiko Erosi)

## HUBUNGAN DI ANTARA SIFAT KEBOLEHHAKISAN TANAH DENGAN KEPLASTIKAN TANAH

*Arynna Maarof*

*Mohd Roslan*

*Norinah Abd Rahman*

[norinah@ukm.edu.my](mailto:norinah@ukm.edu.my)

*Jabatan Kejuruteraan Awam  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam  
Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Isu hakisan tanah telah menjadi satu masalah global yang serius kerana memberi kesan terhadap ekosistem, menjejaskan agrikultur semulajadi, mengurangkan kadar kesuburan tanah dan memberi kesan kepada kualiti dan kuantiti air di dalam sungai. Kebolehhakisan tanah atau faktor-K merupakan salah satu parameter yang digunakan untuk meramal hakisan tanah dan ditentukan menggunakan model Universal Soil Loss Equation (USLE). Kajian ini dijalankan bagi melihat hubungan di antara sifat kebolehhakisan tanah dengan keplastikan tanah dengan menggunakan analisis kuantitatif menerusi analisis statistik korelasi untuk mengukur kekuatan hubungan di antara kedua-dua pembolehubah tersebut dalam bentuk polinomial. Kajian ini menggunakan 15 jenis sampel tanah dari kedalaman 0.3 m yang diambil di sekitar kawasan Melaka Tengah. Nilai faktor-K yang diperoleh antara 0.0031 hingga 0.055 menunjukkan kebolehhakisan adalah sederhana di kawasan tersebut. Indeks keplastikan tanah mempunyai julat di antara 8 hingga 49 %. Menggunakan regresi polinomial, nilai  $R^2$  yang diperoleh ialah 0.4106 yang menunjukkan bahawa korelasi antara faktor-K dan indeks keplastikan tanah adalah sederhana, menurut nilai pekali korelasi Pearson. Korelasi ini menunjukkan bahawa kejeleketan mempengaruhi sifat kebolehhakisan tanah di kawasan Melaka Tengah. Dapat disimpulkan bahawa nilai pekali positif yang diperoleh bermaksud kebolehhakisan tanah tinggi apabila indeks keplastikan adalah tinggi di sekitar kawasan kajian dijalankan.

**Kata kunci:** hakisan tanah, indeks keplastikan tanah, faktor-K, kebolehhakisan tanah, korelasi

# **LUNG FUNCTION AND AEROBIC CAPACITY IN ADOLESCENTS WITH IDIOPATHIC SCOLIOSIS: A STUDY PROTOCOL**

Enoch Choong Kong Leong  
Marina Wong Mei Ing  
Asfarina Zanudin

## **ABSTRACT**

Adolescent Idiopathic Scoliosis (AIS) is a deformity of the curvature of the spine on the frontal plane, characterised by lateral curvature. A higher rate and severity of AIS can also be seen in females than males. As a result of abnormal rotation and curvature of the spine, the thoracic cage is directly impacted by this condition, which adversely affects pulmonary function. In addition, lower aerobic capacity is reported in AIS than in adolescents with no AIS. However, the correlation between aerobic capacity, lung function and the severity of deviation of the spine remains unelucidated. Hence, this aim is to study the effect of spinal curvatures on lung function and aerobic capacity in AIS. This cross-sectional study will involve adolescents aged 10 to 19 years who have been diagnosed with idiopathic scoliosis and can walk independently with or without walking aids. Lung function will be evaluated using spirometry. Based on a standardised procedure, aerobic capacity will be assessed using the 6-minute walk test (6MWT). The total distance walked throughout the 6 minutes will also be recorded. The correlation between aerobic capacity, lung function, and spinal curvatures will be analysed using the Pearson correlation coefficient. This protocol aims to help researchers and clinicians enhance the research validity by providing standard procedures for assessing AIS's lung function and aerobic capacity status.

**Keyword:** lung function, aerobic capacity, adolescent with idiopathic scoliosis, spine angle, pulmonary function

# **SISTEM PEMANTAUAN TENAGA DENGAN PENYEPADUAN PV UNTUK PERKAKAS RUMAH**

*Muhammad Asyraaf Bin Azhan*

*Yushaizad Yusof*

[yushaizad@ukm.edu.my](mailto:yushaizad@ukm.edu.my)

*Jabatan Kejuruteraan Elektrik,  
Elektronik Dan SistemFakulti  
Kejuruteraan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Akibat peningkatan permintaan untuk tenaga dan kesan perubahan iklim, terdapat keperluan mendesak bagi suatu pendekatan pengurusan tenaga yang lebih mampan dan cekap. Berkisar tentang isu-isu pengurusan tenaga elektrik dalam konteks sebuah rumah kediaman tipikal. Dengan menumpukan kepada isu kebergantungan isi rumah terhadap bekalan kuasa grid dan kekurangan sistem pemantauan tenaga yang berkesan. Untuk mengatasi isu tersebut, kajian ini bermatlamat untuk membangunkan sebuah sistem pemantauan tenaga yang diintegrasikan dengan panel suria (PV) sebagai sumber tenaga, supaya mengurangkan kebergantungan kepada grid kuasa dan meningkatkan keupayaan pemantauan tenaga dalam kehidupan seharian. Metodologi kajian melibatkan reka bentuk dan pembangunan prototaip sistem pemantauan tenaga PV yang terintegrasi, penilaian prestasi prototaip dalam pelbagai keadaan dan analisis data penggunaan tenaga. Antara hasil penemuan kajian ialah peningkatan kecekapan pengurusan tenaga, ketahanan terhadap gangguan kuasa, dan analisis data penggunaan tenaga yang tepat dan informatif. Ini termasuklah sistem pemantauan berterusan untuk gangguan kuasa, integrasi bateri dan PV yang cekap, juga penganalisis data tenaga berasaskan internet. Sebagai kesimpulan, kajian ini berjaya menghasilkan sebuah prototaip pemantau tenaga rumah kediaman yang lestari dan cekap. Secara tidak langsung, kajian telah menyokong kuat dasar penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan inisiatif tenaga rumah lestari, yang selari dengan matlamat pembangunan lestari (SDG).

# HUBUNGKAIT ANTARA PERTUMBUHAN LARVA LALAT ASKAR HITAM DENGAN PRARAWATAN TERMAL SISA MAKANAN

Nur Zulaikha Binti Zaharudin

Irfana Binti Kabir Ahmad  
[irfana@ukm.edu.my](mailto:irfana@ukm.edu.my)

*Program Kejuruteraan Awam Jabatan Kejuruteraan Awam  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRAK

Kaedah pengomposan menggunakan larva lalat askar hitam telah diperkenalkan untuk mengurangkan jumlah sisa makanan yang dihantar ke tapak pelupusan sampah. Larva lalat askar hitam dapat menukarkan sisa makanan kepada biojisim dengan kadar yang lebih cepat berbanding kaedah pengomposan konvensional. Fras yang dihasilkan selepas proses biopenukaran boleh digunakan sebagai baja dalam pertanian manakala larva boleh dijadikan sebagai alternatif yang baik dalam diethaiwan ternakan. Kaedah ini menyumbang kepada kelestarian alam, kesihatan penduduk dan ekonominegara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan 12 dan 15. Prarawatan termal mempunyai potensi untuk meningkatkan kebolehcernaan larva lalat askar hitam dengan mengurangkan komponen antipemakanan. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kesan prarawatan termal terhadap tumbesaran larva lalat askar hitam. Kajian ini melibatkan tiga jenis media iaitu 100% sisa makanan, sisa makanan yang telah melalui proses autoklaf, dan sisa makanan yang telah melalui proses autoklafserta ditambahkan asid nitrik. Kajian ini dijalankan selama 24 hari dan sebanyak 2160 ekor larva digunakan bagi setiap larvero. Parameter yang diambil adalah pH, suhu, kandungan kelembapan, berat dan panjang larva lalat askar hitam. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kandungan kelembapan substrat adalah 60% yang menyebabkan pertumbuhan larva tidak optimum. Kesimpulannya, prarawatan termal tidak memberikan kesan yang ketara terhadap pertumbuhan larva.

**Kata kunci:** Larva lalat askar hitam, biopenukaran, pengomposan, prarawatan termal, sisa makanan

# THE GROSS MOTOR PERFORMANCE OF CHILDREN WHO BORN PRETERM- A RETROSPECTIVE ANALYSIS STUDY

*Siti Noor Qurratulaini Noorzan*

*Asfarina Zanudin*

*Nor Azizah Mohamad*

*Physiotherapy Programme, Centre of Rehabilitation and Special Needs Studies, Faculty of  
Health Science, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia  
Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia*

## ABSTRACT

Awareness regarding the premature children's gross motor performance is scarce in Malaysia. Therefore, this study investigated the gross motor performance of preterm children using the Alberta Infant Motor Scale (AIMS) score, retrospectively. Specifically, this study aims to analyze the pre-, peri and postnatal risk factors related to preterm children's motor performance by utilising AIMS. This is a quantitative cross-sectional study to retrospectively analyze the scores of gross motor performance skills changes from birth to 2 years old in children who were born preterm. Medical records of the children born preterm from 2018 to 2023 were retrieved from the Hospital Pakar Kanak Kanak (HPKK) UKM and Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM's databases. All the data was transferred and recorded into protective files. The preliminary data were then analysed using Excel. The data being recorded includes AIMS scores, pre-, peri- and post-natal histories. From the results 23 preterm infants were included in this study with majority of the infants (65.23%) were boys. The mean gestational age was 31.13 weeks (SD 2.217). There were eight girls with a mean gestational age of 33.5 weeks (SD 2.345) included in this study. The mean birth weight for boy was 1576 gram (SD 410.223) with 9 missing data. Whereas the mean birth weight for girls was 1682 grams (SD 451.411) with 1 missing data. Most of the infants (82.6%) were within the 10th percentile during the 3-month score using the AIMS observational tool. At 6 months of age, 14 infants (60.87%) were within the 25<sup>th</sup> percentile. The usage of AIMS in tracking the development trajectories in children who born preterm is crucial because it could serve as a screening tool to detect developmental delays as early as possible. Hence, prompt intervention for this population could be introduced to provide better outcomes.

**Keywords:** Children's motor performance, premature babies, retrospective analysis, HPKK UKM, HCTM UKM



# **MATTERS: A REVIEW OF LOCAL CAFÉ SIGNAGES IN KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Nor Shazana Binti Mohamad Shafiee  
Neesa Ameera Mohamed Salim

## **ABSTRACT**

Typography is an art and a technique of arranging alphabets in a proper way that helps make the text legible, clear, and visually appealing for the audience. Typography includes typeface appearance, style, and structure intended to help communicate specific messages and evoke certain emotions. This paper presents a review of observational studies on local café signages located in Kuala Lumpur, Malaysia. Focusing more on type classifications used on café signages, this paper is only limited to three different classifications: serif, sans serif, and decorative. Everything involving data collection is done using qualitative methods with observation as the study instrument. Overall, all the observations done on local café signages as the subject matter are through visual analysis. Findings from those observations suggest that the current trend of local café signages is focusing more on using sans serif due to its higher readability rate compared to the two other type classifications.

**Keywords:** typography, signages, local café, type classifications, readability

**IMPACT OF FUNCTIONAL PERFORMANCE RELATED TO KNEE  
OSTEOARTHRITIS ON FALLS AND HOSPITALIZATION : 1 YEAR PHONE  
FOLLOW UP STUDY**

*Tuan Nur Izzati bt Tuan Mohd Johari  
Seow Shi Rui  
Sumaiyah Mat*

*Physiotherapy Programme,  
Faculty of Health Science  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Correspondence email: [sumaiyah.mat@ukm.edu.my](mailto:sumaiyah.mat@ukm.edu.my)*

**ABSTRACT**

Knee osteoarthritis prevalence is increasing in Malaysia. Poor functional performance give significant impact nevertheless they have osteoarthritis or not. Therefore, this study conducted to recognize the impact of poor functional performance in older adults with or without knee osteoarthritis on falls and hospitalization. This study uses the baseline participant's, demographic data, medical history, anthropometric and fall history. Physical performance test done were TUG, 6MWT, 5TSTS and HGS. While data on falls and hospitalization was collected prospectively after 12 months through phone call follow up. This study consisted older adults with and without knee osteoarthritis about 101 (66.9%) and 50 (33.1%) respectively. Older adults with knee osteoarthritis scored lower in physical performance test TUG have higher fall risk (OR : 8.786, CI : 1.345, 57.394). After potential confounders of gender was adjusted, fall risk in older adults with knee osteoarthritis is significant associated with lower TUG score (OR : 12.834, CI : 1.654, 99.562, p-value : 0.015). This study suggest older adults with knee osteoarthritis and low TUG score have higher fall risk. Therefore, complementary treatment plan can be carried out to reduce fall risk among the older adults. Poor functional performance, knee osteoarthritis, falls, hospitalization, older adults.

**Keyword:** Psychological distress, knee osteoarthritis, older adults, falls, hospitalization

# **IMPACT OF SOCIAL ISOLATION RELATED TO KNEE OSTEOARTHRITIS AMONG OLDER ADULTS ON FALLS, HOSPITALIZATION : 1 YEAR PHONE-CALL FOLLOW-UP STUDY**

*Muhammad Adib bin Roskamal  
Sumaiyah Mat  
Seow Shi Rui*

*Physiotherapy Programme, Faculty of Health Science, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Correspondence email: [sumaiyah.mat@ukm.edu.my](mailto:sumaiyah.mat@ukm.edu.my)*

## **ABSTRACT**

Knee Osteoarthritis is known as one of the most leading conditions that leads to falls among older adults. With the increased risk of falls due to having osteoarthritis, having no one around to help can also be fatal especially for older adults. So, studies suggest that social isolation may have been one of the new factors in indicating risk of fall in elderly. This study was based on a longitudinal study with 1 year follow up project that recruited older adults of 50 years old and above in Klang valley and Selangor, the study collected demographic data, clinical examination of knee OA with the last one being Lubben Score. After 1 year, a follow-up calls on history of falls & hospitalization will be done. The study samples consisted of 113 (65%) older adults with knee osteoarthritis and 61(35. %) older adults without knee osteoarthritis. The result showed that older adults with knee osteoarthritis which also socially isolated had a higher risk of fall (OR =2.125 ,95% CI; 0.806,6.086). After adjusted to demographic variable such as gender and living arrangement, risk of fall among older adults with knee osteoarthritis is not significantly associated with social isolation. (OR: 2.11, 95% CI:0.756,5.889, p-value: 0.15). The findings suggest social isolation did not have any significant impact on the risk of fall among older adults with knee osteoarthritis. Knee Osteoarthritis, social isolation, older adults, fall, hospitalization

**Keyword:** Knee Osteoarthritis, social isolation, older adults, fall, hospitalization

**IMPACT OF PSYCHOLOGICAL DISTRESS RELATED TO KNEE  
OSTEOARTHRITIS ON FALLS AND HOSPITALIZATION: 1 YEAR PHONE  
FOLLOW-UP STUDY**

*Lee Min Li  
Seow Shi Rui  
Sumaiyah Mat*

*Physiotherapy Programme, Faculty of Health Science Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Correspondence email: [sumaiyah.mat@ukm.edu.my](mailto:sumaiyah.mat@ukm.edu.my)*

**ABSTRACT**

Psychological distress in older adults with and without knee osteoarthritis brought a significant impact on their lives. This study aims to identify the impact of psychological distress among older adults with and without knee osteoarthritis on falls and hospitalization. This was a prospective study that conducted in Kuala Lumpur, Selangor, and Putrajaya. Baseline data included social demographic data, medical history, DASS 21, body mass index and falls history were collected. The falls and hospitalization data were collected after 12 months through phone follow-up. Out of 474 participants with baseline data, 180 participants were able to be contacted through phone. There were 116 (64.4%) with knee osteoarthritis and 64 (35.6%) without knee osteoarthritis. Knee osteoarthritis older adults that scored  $\geq 9$  in the depression domain in DASS 21 have a higher risk of fall (OR: 4.635, CI: 1.262, 17.020). After adjusting for the potential confounders of gender, risk of fall among older adults with knee osteoarthritis is significant associated with depression score  $\geq 9$  (OR: 4.805, CI: 1.295, 17.831). The findings suggest older adults with knee osteoarthritis and depression have a higher risk of fall. This findings can aid in the development of a more comprehensive knee osteoarthritis treatment plan to reduce fall risk. Knee osteoarthritis, psychological distress, older adults, fall, hospitalization.

**Keywords:** Psychological distress, knee osteoarthritis, older adults, falls, hospitalization

## **POOR PRACTICES OF HEALTHY EATING ASSOCIATED WITH OBESITY AMONG MALAYSIAN DEAF ADULTS**

*Farisah Najwa Binti Zaman  
Ain Nasuha Binti Azlan  
Syar Meeze Mohd Rashid  
Yee Xing You*

*Dietetic Programme, Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia Centre For Research Education and Community Wellness, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRACT**

A total of 1.6 million of adults in Malaysia experience hearing disability. However, the prevalence of obesity among this population is yet to be investigated. This study aimed to determine the prevalence of obesity as well as the nutrition-related knowledge, attitudes and practices of healthy eating and their association with obesity risk among deaf adults in Malaysia. A cross-sectional study was conducted among 120 deaf adults in three deaf community centres using purposive sampling. Anthropometric measurements were performed using standard procedures. A self-administered questionnaire was used to obtain sociodemographic information, nutrition-related knowledge, attitudes and practices of healthy eating. The data collection was assisted by the experienced Malaysian sign language interpreter. A total of 120 subjects participated this study with mean age of  $43.1 \pm 10.5$  years, 54.2% were females, 76.7% were Malays and 74.2% received secondary education. The prevalence of obesity among Malaysian deaf adults was 57.3%. The mean knowledge, attitude, and practice scores were  $53.1 \pm 17.5$  (min-max: 0-100),  $4.2 \pm 1.7$  (min-max: 0-8), and  $7.4 \pm 2.2$  (min-max: 0-12), respectively. Binary logistic regression indicated that higher score in practice on health eating was associated with lower odds of obesity (OR=0.75, 95% CI: 0.59 – 0.96,  $p < 0.05$ ) after adjusted for age, education years, body fat percentage and waist-hip ratio. Deaf adults with poor practice of healthy eating might lead to obesity. A comprehensive nutritional education program tailored to the unique needs of deaf adults should be implemented, alongside enhancing accessibility to pertinent dietary information, are crucial strategies to mitigate the risk of obesity within this population.



# *Sekafung* **PENGHARGAAN**

**Penghargaan ditujukan kepada**

**Ahli Jawatankuasa PERSADA 2024  
Kakitangan Akademik, Pentadbiran dan Sokongan FSSK  
Ahli Jawatankuasa Pelajar PERSADA 2024  
Pejabat Kedekanan FSSK  
Persatuan Pelajar  
Para pembentang & peserta PERSADA2024**

**Penaja  
Kafmo Enterprise**